


Jilid II
Bil. 26



Hari Rabu
21hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2825]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2850]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2849]

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Ketiga) [Ruangan 2850]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2935]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Paip Air Awam di Salak Selatan [Ruangan 2935]

• MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sirikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kelapa Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GAJI BARU POLIS

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan tawaran gaji baru kepada Polis baru-baru ini ialah satu tanggagaji yang adil, bilakah perlaksanaan gaji tersebut hendak dijalankan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa tanggagaji baru anggota-anggota Polis yang diumumkan baru-baru ini telahpun diterima pada dasarnya oleh Pasukan Polis, ianya sedang dilaksanakan bagi pengambilan anggota-anggota Polis yang baru.

Walau bagaimanapun, tanggagaji baru ini belum dilaksanakan lagi bagi anggota-anggota Polis yang sedang berada dalam perkhidmatan kerana Kerajaan sedang mengkaji dengan lebih mendalam lagi mengenai perkara pemindahan tanggagaji baru itu oleh sebab ianya melibatkan perubahan sekim-sekim perkhidmatan dan opsyen oleh tiap-tiap anggota yang berkenaan. Biarpun demikian, gaji baru ini akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1976.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ramai anggota-anggota Polis yang sedang berkhidmat sekarang tidak berasa puas hati terhadap tanggagaji baru, kerana tanggagaji maksimumnya tidak dapat mereka sampai oleh sebab tarikh perkhidmatan mereka itu akan habis tempohnya tidak lama lagi. Jadi, apakah cara tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat

Menteri untuk memberi supaya tiap-tiap anggota Polis ini dapat sampai kepada maksima gaji baru yang dicadangkan.

Tuan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, inilah soal masalah berkenaan dengan pemindahan (conversion) kepada scale baru. Kerajaan sedar tentang keraguan anggota-anggota Polis tentang cadangan cara pemindahan gaji yang ada sekarang kepada tanggagaji yang baru dan Kerajaan mengadakan sebuah Jawatankuasa Perjawatan yang sedang giat meneliti masaalah ini.

PERBADANAN MULTI-NATIONAL

2. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Perdana Menteri samada Kerajaan menghargai hakikat bahawa apabila koperasi-koperasi "multi-national" dan "tycoons" membuat sumbangan politik kepada parti-parti politik, mereka harap mendapat balasan. Jika ya, adakah Kerajaan sanggup menghalang parti-parti politik dari menerima sumbangan politik daripada koperasi-koperasi "multi-national" dan "tycoons".

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyatakan secara khusus bahawa itulah harapan dalam setiap perkara apabila sebuah Perbadanan Multi-National atau seorang hartawan membuat derma berunsur politik. Seseorang penderma, apabila ia memberikan dermanya dan mengharapkan sesuatu sebagai balasan, tidaklah bererti bahawa penerima derma tersebut melakukan suatu kesalahan dari segi undang-undang.

Apa yang menjadikan satu kesalahan dalam erti ia berupa rasuah ialah, bahawa si penerima menjanjikan sesuatu yang dalam kuasanya untuk diberikan kepada penderma itu, sebagai balasan kepada dermanya. Oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah memikirkan wajar untuk mencegah secara umum parti-parti politik menerima derma daripada badan-badan tersebut atau orang perseorangan.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, amalan pemberian sumbangan kepada parti-parti politik yang dilakukan seluruh dunia di bawah sistem demokrasi pada biasanya untuk menyokong sistem demokrasi yang didokong oleh semua golongan, sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah satu amalan biasa. Tetapi ada juga beberapa buah negara yang melakukan amalan ini demi mendokong dasar demokrasi, mendapatkan Kerajaan Negeri memberi sumbangan kepada parti-parti politik yang berdasarkan demokrasi termasuk United Kingdom sendiri. Pada waktu ini ada perbincangan samada patut Kerajaan Negeri memberi sumbangan pada tiap-tiap parti politik untuk membantu menjalankan kerja sebagai parti dan mendokong sistem demokrasi. Di Germany tiap-tiap parti diberi sumbangan mengikut beberapa orang yang ada dalam Parlimen pada tiap-tiap tahun untuk menjalankan kerjanya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahannya apa?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalannya adakah Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan mengadakan satu sistem di mana Kerajaan akan memberi sumbangan kepada setiap-tiap parti politik mengikut keadaan kekuatannya masing-masing dalam Parlimen untuk mengatasi soalan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ahli Yang Berhormat itu datang daripada parti saya, saya nampak soalannya itu berlainan daripada soalan yang di hadapan saya.

PASUKAN PENCEGAH MAKSIAAT

3. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat manakah kejayaan Pasukan Pencegah Maksiat dalam usaha-usahanya untuk mencegah kegiatan pelacuran di negara ini
- (b) samada pelacuran semakin bertambah atau berkurangan; dan

(c) apakah usaha-usaha atau rancangan-rancangan yang Kementerian beliau ada selain dari mengadakan serbuan-serbuan untuk menghapuskan penyakit masyarakat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Pegawai-pegawai Pencegah Maksiat Polis atau Anti-Vice Squad di tiap-tiap negeri sentiasa melakukan pemeriksaan-pemeriksaan secara mengejut di hotel-hotel dan di tempat-tempat yang disyaki termasuklah rumah-rumah urut. Tindakan yang sejajar dengan undang-undang yang ada sekarang diambil ke atas mereka yang mengelolakan tempat-tempat itu. Semenjak tahun 1973 hingga bulan Mei, 1976 sebanyak 5,377 pemeriksaan telah dijalankan di Semenanjung Malaysia dan pada tahun ini sahaja hingga bulan Mei seramai 140 gadis ditangkap serta dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 15 orang yang mengelolakannya dikenakan sekatan di bawah Enactment Kediaman Terhad (Bab 39) dan 19 orang pelacur luar negeri juga telah dapat ditangkap dan diusir keluar negeri kita.
- (b) Kementerian saya tidak mempunyai perangkaan tentang jumlah pelacur di negeri ini, tetapi dari tangkapan nampaknya jumlah itu adalah berkurangan.
- (c) Selain daripada menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan di hotel-hotel dan tempat-tempat seperti itu pihak Polis juga mengambil tindakan untuk mengenakan sekatan ke atas penganjur-penganjurnya di bawah Enactment Kediaman Terhad (Bab 39). Langkah ini adalah berkesan nampaknya kerana hukuman mahkamah akan dikenakan ke atas orang-orang sekatan tersebut sekiranya mereka melanggar syarat-syarat yang ditetapkan terhadap mereka.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada Pegawai Pencegah Maksiat yang memeriksa secara mengejut. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa sungguhpun ada pegawai-pegawai yang memeriksa secara

mengejut, namun demikian di bandar-bandar kecil, umpamanya, masih banyak lagi pelacur-pelacur ini. Ini membuktikan bahawa pegawai ini memeriksa secara mengejut, tetapi dengan sekali-sekali dan tidak secara tiap-tiap hari. Adakah Timbalan Menteri bercadang membuat sistem yang lebih baik supaya mereka ini betul-betul mengawasi pelacuran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hari-hari macam mana, terkejut sahaja. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang betul kalau kita tidak dapat tip-off macam mana kita hendak periksa, kalau hendak tunggu tempat itu tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mereka ada kerja lain pun banyak juga yang penting lagi yang kena kita tunggu.

Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu berapa ramaiakah pelacur-pelacur yang telah dipulihkan semula itu telah berkahwin atau dikahwinkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak hafal semua, samada yang sudah kahwin atau belum.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana maksiat banyak berlaku di hotel-hotel, di kelab-kelab malam, Belakang Mati dan sebagainya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk berunding dengan Bahagian Dakwah Islamiah, Jabatan Perdana Menteri supaya berdakwah di tempat-tempat itu. Jikalau tidak mengapa, jika ya bila?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab, sila jawab.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dakwah ini kena tuju kepada pihak-pihaknya juga, tinggal lagi kalau perlu bolehlah pihak Kementerian ini membincangkan samada perlu ataupun tidak mengenai soal berdakwah kepada mereka yang perlu diberi dakwah itu.

ELAUN GURU-GURU KELAS DEWASA

4. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa elaun mengajar guru-guru kelas dewasa tidak pernah dinaikkan sehingga sekarang dari semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1961. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk menaikkan elaun tersebut sebagaimana yang dijalankan oleh lain-lain Jabatan Kerajaan mengikut dengan keadaan masa sekarang yang mana harga barang telahpun naik.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Perkara ini sedang dalam pertimbangan Kementerian saya.

LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH

5. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang hendak memansuhkan Lembaga Pengurus Sekolah yang berjalan sekarang yang tidak memberi makna apa-apa pun. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak memansuhkan Lembaga Pengurus Sekolah pada masa sekarang, walau bagaimanapun, satu kajian teliti sedang dibuat mengenai perkara itu.

PEMERIKSAAN KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

6. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang Subang hanya dilakukan sewaktu penumpang-penumpang hendak naik kapal terbang yang mana boleh dilakukan sewaktu penumpang-penumpang memasuki bilik menanti dan jika ya samada pemeriksaan yang lebih ketat daripada sekarang akan diadakan; dan
- (b) mengapa pemeriksaan keselamatan tidak dilakukan di lapangan terbang yang kecil-kecil dan samada rancangan

kerajaan untuk mengadakan pemeriksaan keselamatan ini, jika ya, di lapangan terbang mana dan bila, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini sedar bahawa Pemeriksaan Keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang hanya dilakukan sewaktu penumpang-penumpang hendak menaiki kapal terbang. Walau bagaimanapun, Jabatan Penerbangan Awam sedang berusaha untuk menyediakan tempat-tempat pemeriksaan khas (booth) supaya penumpang-penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang boleh diperiksa dengan lebih teliti sebelum mereka masuk ke Bilik Bertolak (Departure Lounge).
- (b) Buat masa ini pemeriksaan keselamatan tidak dilakukan di lapangan terbang kecil. Walau bagaimanapun, lapangan-lapangan terbang kecil itu sentiasa diawasi dan dikaji dari masa ke masa, jika didapati perlu oleh risikan-risikan dan maklumat-maklumat yang didapati, pemeriksaan-pemeriksaan ke atas penumpang-penumpang sebelum menaiki kapal terbang akan diadakan di lapangan-lapangan terbang yang berkenaan.

CUKAI PERKHIDMATAN

7. Tuan Richard Dampeng anak Laki (di bawah S.O. 24(2)) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau akan menimbang mem-berhentikan penguatkuasaan Akta Cukai Perkhidmatan ke atas hotel-hotel kecil oleh kerana ia mendatangkan kesusahan besar kepada hotel-hotel tersebut; dan
- (b) samada beliau akan menimbang meng-hapuskan Cukai Perkhidmatan dalam kelab-kelab malam/bar yang dijalankan di bawah lesen-lesen dan pemilikan yang berasingan tetapi bertempat di dalam bangunan hotel yang sama.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Ber-hormat adalah menjadi dasar Kera-jaan mengecualikan hotel-hotel kecil yang mengandungi 6 bilik dan kurang daripadanya dari Cukai Perkhidmatan.

Sehingga ini bilangan hotel-hotel kecil termasuk rumah riha yang mengan-dungi 6 bilik dan kurang daripadanya yang dikecualikan dari cukai perkhid-matan ialah 389; iaitu 361 di Seme-nanjung Malaysia, 9 di Sarawak dan 19 di Sabah.

Hotel-hotel yang belum lagi dapat pe-ngecualian itu bolehlah berhubung terus dengan Kementerian saya untuk men-dapat pengecualian.

- (b) Tidak. Kelab-kelab malam/bar yang mempunyai pengurusan berasingan dari hotel di mana mereka ditempatkan ada-lah ditakrifkan sebagai memberi per-khidmatan yang berasingan. Oleh itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikena-kan atas kelab-kelab malam/bar seperti itu.

MAJLIS KEBANGSAAN TANAH

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Ke-majuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau akan memperaku-kan kepada Majlis Kebangsaan Tanah untuk menerima suatu dasar tanah yang diselaras-kan di mana Kerajaan-kerajaan Negeri mulai sekarang akan memberi tanah kepada rakyat Malaysia yang tidak bertanah dan miskin sahaja dan memberhentikan pembahagian tanah kepada mereka yang kaya dan mem-punyai pengaruh politik yang bukan sahaja akan gagal menyelesaikan masalah setingan yang tidak bertanah tetapi juga menambahkan jurang di antara orang-orang yang miskin.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, memang dasar Kerajaan pada amnya ialah memberi tanah kepada rakyat miskin yang tidak ber-tanah. Bagi melaksanakan dasar ini Kerajaan telah memberi tanah melalui agensi-ajensinya seperti FELDA, FELCRA dan RISDA dan juga melalui Kerajaan Negeri di bawah

Rancangan-rancangan Tanah Negeri masing-masing. Di samping itu, ada juga pemberian tanah melalui ladang-ladang awam. Tanah dikeluarkan juga kepada syarikat-syarikat swasta yang melaksanakan pembangunan bercorak pertanian yang tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan dan dengan syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, kertas kerja tidak perlu diadakan bagi Majlis Tanah Negara, kerana kertas kerja semacam itu bukan sahaja bertentangan malah boleh ditafsirkan sebagai usaha merampas kuasa Kerajaan Negeri dalam bidang pengeluaran tanah, juga Kerajaan tidak membenarkan perkara-perkara pemberian tanah dipengaruhi oleh politik.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan jelaskan bahawa bagaimanakah FELDA boleh memberikan tanah kepada orang bukan bumiputra selaras dengan polisi yang diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini soalan lain, tetapi oleh kerana nampaknya issue berkenaan dengan orang bukan bumiputra untuk mendapatkan tanah dalam FELDA ini selalu sangat disuarakan, maka saya sukalah menjawab bahawa FELDA ialah sebuah agensi Kerajaan untuk menampung rakyat yang tidak bertanah dan cenderung kepada usaha bercucuk tanam dengan tidak membezakan kaum ataupun dari segi golongan mana, cuma seperti saya katakan tadi pada masa-masa yang lalu bahawa cara pemilihannya bergantung kepada permohonan yang diterima. Sewaktu permohonan dibuka siapa sahaja yang tertarik dan cukup syarat bolehlah meminta dan kemudian akan ditemuduga dan diberikan markah mengikut kelayakan masing-masing. Orang-orang yang berjaya itulah yang dipilih memasuki rancangan samada dari kalangan Melayu ataupun bukan Melayu. Jadi, pada masa yang lalu sebelum 1974 minat orang-orang bukan Melayu amat kurang sekali untuk menyertai dalam rancangan FELDA, tetapi baharulah minat itu terbuka sesudah memasuki tahun 1974 dan sehingga sekarang ini. Akan tetapi, malangnya oleh kerana senarai menanti sekarang ini hampir 20,000 orang yang belum lagi ditempatkan dalam rancangan sedangkan mereka telah berjaya dalam temuduga, maka kewajipan FELDA

ialah untuk memenuhi orang-orang yang telah berjaya tetapi belum dapat tanah tadi, diberi peluang terlebih dahulu untuk mendapat tempat dalam rancangan itu. Adapun orang-orang yang dipilih kemudian ini akan berikhtlah seterusnya sesudah perlaksanaan itu berjalan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun dasar Kerajaan ialah untuk membahagikan atau memberi tanah kepada rakyat miskin yang sebenarnya perlukan tanah, akan tetapi berlaku di seluruh negara di mana ada penyelewengan dasar yang ternyata itu di mana tanah-tanah dibahagikan kepada orang-orang yang berpengaruh dalam politik termasuk Ahli EXCO Kerajaan semasa memegang jawatan EXCO, bukan oleh kerana mereka memerlukan tanah. Oleh sebab itu, adakah Yang Berhormat Menteri Tanah melalui Majlis Kebangsaan Tanah memperakukan kepada Majlis tersebut untuk mengadakan satu rancangan tanah bersama, bukan untuk merampas kuasa Negeri tetapi untuk mengelakkan kejadian yang merampas hak rakyat jelata untuk mendapatkan tanah dan untuk mengelakkan berlaku perkara-perkara semacam itu di mana tanah dibahagikan kepada individu, tokoh-tokoh politik termasuk Ahli EXCO. Apabila rakyat memohon tanah tak boleh dapat satu incipun tanah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat soalnya. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kalau hendak bertanya, mengikut Peraturan Mesyuarat tak boleh panjang-panjang sangat, kerana ini ada dalam Peraturan Mesyuarat Fasal 24. Cuba baca betul-betul, tak boleh soal panjang-panjang, berbelit-belit, tetapi hendaklah terus tepatkan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi Menteri boleh menjawab. Ini pula memberi keterangan kepada Yang Berhormat Menteri, dia sudah tahu hal itu.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi cara memberikan tanah adalah terbahagi kepada berbagai jenis, kalau hendak memberi tanah kepada rakyat tidak bertanah, melalui agensi Kerajaan, maka dalam pemilihan rakyat untuk memasuki rancangan agensi seperti FELDA atau FELCRA, tidak pernah berlaku pilih kasih dan tidak pernah orang-orang kaya yang mendapat tanah melainkan

orang-orang miskin sebab mereka terpaksa berpindah masuk dalam rancangan. Ada satu cara lagi tanah diberikan oleh Kerajaan Negeri, yakni Kerajaan Negeri sendiri membuka ladang awam dan satu cara lagi Kerajaan Negeri memberikan tanah kepada syarikat-syarikat swasta untuk memajukan tanah itu sesuai dengan dasar Kerajaan bagi menambah kegiatan industri pertanian dalam negara kita ini.

Jika sekiranya terdapat kejadian penyelewengan satu dua di seluruh Malaysia, saya rasa tidaklah menasabah dengan kerana satu dua kejadian Kerajaan terpaksa dibuat satu polisi sampai menyekat kebebasan hak Kerajaan Negeri bagi mengeluarkan tanah mengikut Perlembagaan yang ada kepada Negeri masing-masing. Maka itulah sebabnya pada anggapan Kerajaan tidak perlu pada masa ini untuk mengadakan satu dasar yang sama seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai kuasa dan mempunyai tilik-pandang dan budi-bicara sendiri dalam menentukan tanah-tanah untuk dibahagikan kepada orang perseorangan ataupun syarikat swasta ataupun membuka ladang awam ataupun menyerahkan tanah itu kepada agensi Kerajaan. Setakat hari ini kita masih percaya kepada keupayaan dan kejujuran Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar membahagikan tanah itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan bahawa sehingga tahun 1974 orang-orang bukan bumiputra tidak berminat mahu menjadi peserta rancangan FELDA, cuma selepas tahun 1974 mereka ingin mengambil bahagian dalam rancangan tersebut, tetapi malangnya oleh sebab ada backlog, mereka terpaksa menunggu. Apa yang saya hendak tanyakan, peserta-peserta bukan bumiputra yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri itu berapa lamakah mereka terpaksa menunggu sebelum ada peluang untuk mereka diterima memasuki rancangan FELDA?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kemampuan yang ada pada FELDA sekarang ini, tidak lebih daripada 5,000 keluarga setahun yang boleh dimasukkan dalam rancangan itu. Oleh kerana senarai yang menunggu sekarang ini kira-kira hampir 20,000 orang maka waktu menunggu tentulah

mengambil masa 4 tahun. Kalau datang orang-orang yang terkemudian yang telah ditemuduga dan berjaya mereka terpaksa menunggu selepas daripada 4 tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa oleh kerana berlaku satu dua perkara sahaja penyelewengan, tak perlu ada satu dasar nasional untuk mengetatkan hak kebebasan Kerajaan Negeri mengenai pemberian tanah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar hanya ada satu dua perkara berlaku atau baru satu dua perkara berlaku dan apakah tindakan Yang Berhormat Menteri telah ambil terhadap penyelewengan mengenai dasar seperti itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal, tak payah dijawab.

MELARANG MURID-MURID HISAP ROKOK

9. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana masalah penyalahgunaan dadah adalah masalah sosial meliputi seluruh negara yang berpunca daripada kawalan tatatertib yang kurang kemas di sekolah-sekolah dan ketidak-sedaran akan bahaya dadah di kalangan muda-mudi dan mungkin juga bermula daripada perbuatan murid-murid menghisap rokok yang menjadi satu masalah besar di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah-sekolah dalam bandar, adakah Kerajaan bercadang mengadakan Undang-undang mengharamkan murid-murid sekolah semasa di bangku sekolah atau kanak-kanak dalam belasan tahun menghisap rokok.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang, Kerajaan tidak merancang untuk membuat undang-undang melarang murid-murid sekolah atau anak belasan tahun menghisap rokok.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa badan-badan yang berkenaan telah diselaraskan untuk mempergiatkan usaha-usaha berhubung dengan penguatkuasaan, pengawalan dan pencegahan salahguna dadah.

Kementerian Pelajaran telah menghantar Pekeliling Ikhtisas ke sekolah-sekolah memberikan garis panduan dan arahan berhubung

dengan menegaskan penguatkuasaan dan pencegahan salahguna dadah, dan menghisap rokok dikalangan murid-murid sekolah.

Salahguna dadah adalah satu masalah sosial yang kompleks dan pencegahannya berkehendakkan usaha dan penglibatan bukan sahaja agensi-agensi Kerajaan tetapi juga semua anggota masyarakat terutamanya ibubapa.

SYARIKAT PENGANGKUTAN SRI JAYA

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar tentang pembuangan pekerja oleh Syarikat Pengangkutan Sri Jaya akibat dari penyusunan semula rancangannya, yang menyebabkan 50 hingga 70 pekerja dalam bahagian bas dan 94 pemandu teksi hilang mata pencariannya; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menolong pekerja-pekerja yang terlibat.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Syarikat Pengangkutan Sri Jaya telah disusun semula (reorganised) tidak berapa lama dahulu. Tetapi maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu nampaknya tidak tepat dan bercanggah dengan maklumat yang ada di Kementerian. Berikutan dengan reorganisation ini Kementerian telah mengadakan perundingan di antara kedua-dua pihak antara Syarikat Sri Jaya dan pihak Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan yang mewakili pekerja-pekerja di dalam syarikat itu.

Di dalam mesyuarat ini, tiap-tiap pekerja telah diberi pilihan (option) samada ingin berkhidmat dengan syarikat yang baru ditubuhkan atau menerima faedah pengeneplan kerja (retrenchment benefits). Dari jumlah 1,085 orang pekerja di bahagian bas syarikat itu, 1,051 orang telah menerima tawaran untuk bekerja di syarikat yang baru itu, sementara bakinya 34 orang telah memilih faedah retrenchment.

Berkenaan dengan bahagian teksi, daripada jumlah 49 pekerja teksi, hanya seorang sahaja yang menerima tawaran untuk bekerja di syarikat baru dan yang 48 orang lagi memilih retrenchment benefits.

Faedah pengeneplan kerja ini purata sebanyak \$2,500 bagi seseorang pekerja. Saya difahamkan bahawa pekerja-pekerja yang terlibat telahpun mendapat pekerjaan di tempat-tempat lain. Bagaimanapun jikalau Ahli Yang Berhormat itu mengetahui ada pekerja-pekerja yang belum ada pekerjaan, beliau bolehlah menasihatkan mereka itu untuk menghubungi Kementerian jika mereka memerlukan bantuan.

KELAS BAHASA CHINA

11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang mengada dan membanyakkan lagi Kelas Bahasa China kepada anggota-anggota Polis Diraja; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang menambahkan lagi elaun bahasa dari \$15 kepada \$20 bagi mereka yang lulus dalam ujian bahasa.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah dan sedang mengadakan kelas-kelas Bahasa China di INTAN. Kelas-kelas Bahasa China dalam beberapa dialect ini merupakan kursus sepenuh masa dan terbuka kepada semua pegawai Kerajaan. Keutamaan adalah diberi kepada pegawai-pegawai Polis. Setakat ini jumlah kursus dan peserta-peserta dari Pasukan Polis Diraja adalah didapati mencukupi dan jika diperlukan lagi akan dipertimbangkan semula. Pada masa ini sahaja ada seramai 40 orang pegawai-pegawai Polis yang menjalankan kursus selama 6 bulan dan 2 tahun di INTAN.
- (b) Elaun Bahasa China yang dibayar kepada anggota-anggota itu mengandungi dua orang iaitu sebanyak \$15 sebulan bagi pertuturan dan \$29 sebulan bagi tulisan. Elaun boleh dibayar samada bagi kefasihan bertutur sahaja atau kedua-duanya. Elaun yang tersebut adalah berpatutan.

NAMA-NAMA SEKOLAH DITUKAR

12. Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menukar semua

nama-nama sekolah jenis kebangsaan kepada suatu yang sama iaitu Sekolah Kebangsaan, dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan (China) dan (Tamil) itu dinamakan Sekolah Rendah Tamil.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah tidak. Kementerian Pelajaran berasa bahawa nama-nama yang digunakan sekarang adalah sesuai iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan untuk semua Sekolah Rendah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa penghantar, dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bagi semua Sekolah Rendah yang menggunakan Bahasa China dan Tamil sebagai Bahasa Penghantar masing-masing.

Bagi sekolah-sekolah menengah Kerajaan pula, mereka akan pada akhirnya menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan apabila kita mencapai matlamat kegunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar di semua tingkatan.

KESELAMATAN BALAI POLIS

13. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menjaga keselamatan Balai Polis di tempat terpencil dari diserang dan ditawan oleh penjahat-penjahat Kominis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menjaga keselamatan Balai-balai Polis yang terpencil, tindakan telah diambil supaya lampu-lampu "perimeter fencing" dipasang. "Side gate" diadakan di sebelah "Main gate" untuk membenarkan orang-orang masuk selepas "Main gate" ditutup di waktu malam. "Buzzer" ataupun "Gate Bell" dipasang di "Side gate" untuk menarik perhatian pegawai-pegawai Polis yang bertugas dan akan menentukan serta mengawasi seseorang itu sebelum dibenarkan masuk.

Di samping itu pula setiap Balai mempunyai loceng isyarat, kubu-kubu dibuat di sekeliling balai serta isteri-isteri dan lain-lain ahli keluarga anggota Polis diberi latihan menggunakan senjata.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, semasa kominis menyerang Balai Polis Pertang baru-baru ini, adakah kawalan ini telah dibuat atau belum?

Datuk Shariff Ahmad: Telah dibuat.

PENANAM TEMBAKAU

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar akan penderitaan yang dialami oleh penanam-penanam tembakau di Negeri Kedah dan Perlis yang tidak dapat menjualkan hasil-hasil tanaman mereka dengan memperolehi keuntungan kepada dua buah Syarikat Tembakau yang terbesar di Malaysia oleh sebab kedua-dua Syarikat ini telah bersatupadu untuk memaksa penanam-penanam supaya menjual daun-daun tembakau mereka dengan harga yang amat rendah sekali yang mengakibatkan penanam-penanam itu mengalami kerugian dan jika sedar apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil bagi memperbaiki kedudukan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan bahawa jika Yang Berhormat maksudkan Syarikat Tembakau sebagai syarikat pengilang rokok, maka sebenarnya tidak ada penanam-penanam tembakau bukan sahaja di Negeri Kedah dan Perlis tetapi juga di seluruh Semenanjung Malaysia yang menjual hasil-hasil tanaman mereka terus kepada syarikat-syarikat pengilang rokok. Penanam-penanam tembakau menjual hasil-hasil tanaman mereka hanya kepada syarikat pengawit tetapi sekarang ini tidak ada pula apa-apa pengaduan atau sungutan yang diterima oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) mengenai penderitaan yang dialami oleh penanam-penanam tembakau di Negeri Kedah dan Perlis yang menjual hasil-hasil tanaman mereka kepada syarikat-syarikat pengawit.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa hanya syarikat-syarikat pengawit sahaja yang dibenarkan menjual tembakau mereka kepada syarikat-syarikat pengilang rokok. Saya mengaku adanya masaalah yang dihadapi di kalangan syarikat-syarikat pengawit mengenai penjualan tembakau mereka. Masaalah tersebut berpunca dari penolakan beberapa lungkusan tembakau

diawit-pemanas oleh syarikat-syarikat pengilang rokok. Penolakan itu bukanlah disebabkan oleh tindakan bersatu-padu syarikat-syarikat pembeli untuk memaksa syarikat-syarikat pengawit menjual tembakau mereka dengan harga yang amat rendah sekali seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi disebabkan oleh adanya pertikaian dalam penentuan gred tembakau diawit-pemanas yang hendak dijual itu.

Kementerian saya telah menyiasat perkara ini dan telah didapati bahawa masalah penjualan tembakau diawit-pemanas oleh syarikat-syarikat pengawit kepada syarikat-syarikat pengilang rokok itu dapat diatasi jika tidak ada pertikaian dalam penentuan gred tersebut. Oleh itu, Kementerian saya telah mengadakan langkah baru di mana kedua-dua pihak syarikat pengawit dan syarikat pengilang rokok dikehendaki mematuhi penentuan gred yang dibuat oleh Lembaga Tembakau Negara di pusat pemasaran yang disediakan oleh Lembaga tersebut.

Keputusan ini diambil setelah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil pengawit di seluruh Malaysia pada 19hb Jun tahun ini dan langkah baru ini juga telah dipersetujui oleh pihak pengilang-pengilang rokok.

RASUAH

15. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang-orang yang telah dihukum kerana perbuatan rasuah dalam tahun 1973, 1974 dan 1975.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang yang telah dihukum kerana perbuatan rasuah bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 ialah 359 orang:

- (a) Dalam tahun 1973 sejumlah 153 orang.
- (b) Dalam tahun 1974 sejumlah 110 orang.
- (c) Dalam tahun 1975 sejumlah 96 orang.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini pihak Kerajaan hanya mengambil tindakan terhadap orang-orang yang menerima rasuah sahaja. Sungguhpun orang yang menerima rasuah ini sudah dibawa ke Mahkamah dan

didapati thabit kesalahannya maka tentu ada orang yang memberi rasuah yang terlibat di dalamnya. Apakah tindakan terhadap pemberi-pemberi rasuah ini?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, di sisi undang-undang rasuah di negeri kita kedua-dua pihak iaitu pihak pemberi dan pihak penerima adalah boleh dihukum oleh Mahkamah jika thabit kesalahan masing-masing.

ATTACHE PELAJARAN

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah tugas-tugas attache pelajaran di kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya-suruhanjaya kita di luar negeri; dan
- (b) adakah tugas mereka termasuk urusan mengawal dan memberi bimbingan dari segi akhlak dan peribadi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas attache pelajaran kita di luar negeri adalah seperti berikut:

- (i) Pentadbiran dan penyeliaan jabatan dan asrama-asrama serta perkhidmatan pegawai-pegawai/kakitangan-kakitangan;
- (ii) Penempatan penuntut-penuntut di yayasan/universiti-universiti dan perkara-perkara tempat tinggal;
- (iii) Memberi nasihat kepada penuntut-penuntut mengenai pelajaran dan perkara-perkara persendirian termasuk urusan mengawal dan memberi bimbingan dari segi akhlak dan peribadi;
- (iv) Penyebaran penerangan kepada penuntut-penuntut hal-ehwal Malaysia, termasuk peluang-peluang kerja di Malaysia;
- (v) Dengan arahan penyertaan dalam persidangan-persidangan yang bercorak pendidikan antarabangsa; dan Hal-hal Kebajikan Am penuntut.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah juga penuntut-penuntut kita di seberang laut ini diberi didikan agama seperti dihantar guru-guru agama untuk memberi pelajaran agama di asrama ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Ini berkenaan dengan attache pelajaran.

ELAUN DERMASISWA KEPADA PELAJAR UNIVERSITI

17. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan perubahan sistem pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia dari Sistem Penggal kepada Sistem Semester telah timbulnya pula pertambahan masa kuliah iaitu dari 30 minggu menjadi kepada 36 minggu dalam setahun dan ini menyebabkan Mahasiswa/mahasiswi di Universiti itu mengalami kesulitan menampung kos belanja hidup dengan Elaun Dermasiswa Persekutuan sebanyak \$1,800 setahun, jika ya, apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Saya sedar tentang perkara ini. Saya telah juga menerima rayuan daripada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang menyatakan bahawa elaun dermasiswa yang dibayar oleh Kementerian Pelajaran dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang ini sebanyak \$1,800 setahun adalah tidak mencukupi kerana perubahan Sistem Penggal kepada Sistem Semester di Universiti itu bermakna masa kuliah bertambah dari 30 minggu menjadi 36 minggu dalam setahun.

Dalam perkara ini Kementerian Pelajaran telah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan MARA supaya suatu mesyuarat diadakan di antara Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA dan Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula dan menyelaraskan elaun biasiswa yang dibayar kepada pelajar-pelajar di universiti itu, memandangkan kepada kelebihan masa kuliah ini dan juga keadaan inflasi yang berlaku dalam negeri ini sekarang.

JALANRAYA JINJANG-KEPONG

18. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan, bilakah beliau bercadang hendak memperbaiki dan meluaskan jalanraya Jinjang-Kepong yang saban hari mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan di samping itu kerap kali dibanjiri oleh air apabila hujan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang keadaan dan masalah

jalanraya Jinjang-Kepong. Buat masa ini, Jabatan Kerja Raya telah membuat cadangan untuk memperbaiki keadaan jalanraya tersebut supaya kesesakan lalu lintas dan kejadian banjir dapat diatasi. Kerja-kerja membaiki jalan tersebut akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Dan juga perbelanjaan bagi kerja-kerja memperbaiki jalanraya Jinjang-Kepong tersebut adalah sebanyak \$3 juta.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Di Dewan ini telah dua atau tiga kali kita mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi akuan, bilakah kerja ini boleh disiapkan?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenar-benarnya jalanraya ini di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan. Dan saya akan minta kepada mereka yang berkenaan bila jalan ini boleh disiapkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bawa seorang Timbalan Menteri yang sekarang duduk di dalam Dewan ini. Perkara itu dua tahun dahulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat dahulu Yang Berhormat bawa Yang Berhormat Menteri, bukan Timbalannya.

Dr Tan Chee Khoon: Yang Berhormat Menteri juga; tengok air bah dan keadaan jalanraya di Jinjang-Kepong. Tetapi malangnya pada hari ini kita dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kerja akan dimulakan. Apa yang saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen ialah beliau mengatakan Kerajaan akan memperbaiki. Adakah ini bermakna Kerajaan bukan memperbaiki tetapi akan meluaskan jalan itu? Oleh sebab jalan itu terlampau sempit maka timbulkan kesesakan lalu lintas di situ.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya wang peruntukan berjumlah \$3 juta ini ialah untuk memperbaiki dan meluaskan jalanraya itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puas hati Ahli Yang Berhormat dari Kepong? Yang Berhormat Tengku Zaid bin Tengku Ahmad. Tidak hadir.

(Soalan No. 19 Y. B. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad tidak hadir).

JALAN DI BANDARAYA

20. Tuan Lee Lam Thye: minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar orang ramai yang memandu kereta di Bandaraya Kuala Lumpur sering di ganggu dan dibahayakan oleh kerja-kerja memperbaiki jalan yang dijalankan dengan penyelarasan yang tidak begitu baik oleh jabatan-jabatan kemudahan awam dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Lembaga Kemudahan Awam untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti semua jabatan kemudahan awam untuk menentukan penyelarasan yang lebih baik di antara jabatan-jabatan kemudahan awam apabila menjalankan kerja-kerja membina atau memperbaiki jalan-jalan di seluruh kawasan bandaraya.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan ini telah dijawab pada 6hb Julai tahun ini di dalam Persidangan ini.
- (b) Mesyuarat yang sentiasa diadakan di antara Dewan Bandaraya dan Jabatan-jabatan yang berkenaan bolehlah dianggap sebagai sebuah Lembaga Kemudahan Awam yang bertujuan menyelaraskan kerja-kerja membina atau memperbaiki jalan-jalan di seluruh kawasan Bandaraya supaya orang ramai tidak menghadapi gangguan dan kesukaran di jalanraya. Dengan sebab itu, Kementerian saya tidak bercadang menubuhkan sebuah Lembaga Kemudahan Awam yang bertujuan sama.

BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT PERUSAHAAN/PERNIAGAAN

21. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kemajuan telah dicapai setakat ini mengenai pengambilan kaum bumiputra bagi tiap-tiap peringkat pekerjaan dalam syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan bukan Bumiputra di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamad bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk memberi jawapan yang tepat kepada soalan Ahli Yang Berhormat ini oleh kerana pada masa ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak membeza-bezakan antara syarikat-syarikat perusahaan samada ianya kepunyaan Bumiputra, bukan Bumiputra ataupun asing dari segi kutipan maklumat mengenai pengambilan para pekerja. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat mengenai struktur gunatena di dalam syarikat-syarikat perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian ini bagi tempoh 7 tahun berakhir 31hb Disember, 1975 adalah seperti berikut:

Kategori Jawatan	Bumiputra	Bukan Bumiputra
Pengurusan ...	669 17.2%	2,541 65.02%
Pengawasan dan Teknik ...	2,467 24.76%	7,115 71.39%
Perkeranian ...	2,205 25.72%	6,064 70.72%
Pekerja Mahir	12,824 45.56%	15,311 54.39%
Pekerja Tidak Mahir ...	40,723 56.43%	31,437 43.56%

Berdasarkan kepada perangkaan-perangkaan yang di atas maka sedikit sebanyak Kerajaan telah mencapai kemajuan untuk menempatkan Bumiputra di peringkat-peringkat pengurusan dan teknik di dalam industri-industri, memandangkan kepada hari ini ujud masalah bekalan pegawai-pegawai eksekutif Bumiputra yang ada.

ROMPAKAN

22. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang tegas yang telah diambil bagi menyekat atau mengurangkan berlakunya rompak-rompak di dalam negara kita.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang sama telah dijawab di dalam Dewan ini pada 8hb April, 1976, dan dengan itu saya tidak bercadang hendak menambah lagi.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN CHINA

23. Tuan Oh Keng Sing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk mendirikan berbagai jenis sekolah rendah di

rancangan-rancangan perumahan baru untuk kemudahan murid-murid; jika ya, nyatakan:

- (a) bilakah sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan China yang akan dibina di kawasan seksyen 14 dan 20 Petaling Jaya dan di Taman South East Asia, Petaling Jaya; dan
- (b) bilakah sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan China akan dibina di Taman Ipoh, Ipoh; jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya. Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai rancangan untuk mendirikan berbagai jenis sekolah rendah di rancangan-rancangan perumahan baru.

Walau bagaimanapun, sekolah di kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk masa ini tidak ada di dalam rancangan memandangkan sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan tersebut masih dapat menampung keperluan pelajaran rendah aliran China.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di kawasan Seksyen 14, 20 dan Taman S.E.A. Park, Petaling Jaya ramai penduduk-penduduk terdiri dari kaum China dan mereka tidak dapat hendak menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) yang berhampiran dengan tempat mereka. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak membuat satu kajian supaya sebuah sekolah boleh dibina di tempat itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak dapat mengadakan sekolah di tiap-tiap seksyen di Petaling Jaya, malahan anak saya sendiri pun yang tinggal di Petaling Jaya terpaksa pergi ke sekolah di Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Sekolah-sekolah yang ada di Petaling Jaya sebagai satu kawasan adalah mencukupi dan kalau kita hendak membina sekolah mengikut seksyen mungkin sebahagian daripada sekolah-sekolah ini tidak akan dapat murid-murid yang mencukupi.

PELABUR-PELABUR ASING

24. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa

FELDA, sejak ia ditubuhkan, merupakan sebuah agensi bagi pelabur-pelabur asing yang mencari keuntungan besar dan telah mengakibatkan kestabilan ekonomi negara hingga membebankan rakyat-rakyat yang miskin.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar bahawa FELDA merupakan agensi pelabur pelabur asing yang mencari keuntungan. Adalah juga tidak benar bahawa wujudnya FELDA mengakibatkan kestabilan ekonomi negara hingga membebankan rakyat yang miskin. Wujudnya FELDA memberi kesan yang bernilai dalam kebangkitan ekonomi negara kita.

Sebenarnya, kebanyakan projek-projek FELDA telah dibiayai melalui pinjaman-pinjaman yang diperolehi daripada Badan-badan kewangan atau bank seperti berikut:

- (1) Bank Dunia
- (2) Bank Pembangunan Asia
- (3) Tabung Kerjasama Ekonomi Luar Negeri Jepun
- (4) Tabung Pembangunan Ekonomi Arab Kuwait
- (5) Tabung Pembangunan Saudi.

Pinjaman-pinjaman tersebut adalah diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dan "projek-projek FELDA" telah digunakan oleh sebab "projek-projek" tersebut dianggap "Bankable" dan "viable" oleh pihak-pihak yang memberi pinjaman. Untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan dalam negeri ini, Kerajaan berkehendakkan wang dan wang pinjaman yang tersebut di atas tidaklah boleh dianggap sebagai pelabur (investment) oleh mereka itu dalam ertikata yang sebenarnya.

Setakat ini FELDA telah mengadakan hanya satu usaha bersama dengan pelabur asing bagi mendirikan sebuah kilang penapis minyak sawit di mana FELDA memegang 66% daripada sahamnya.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

25. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa sara hidup yang telah meningkat naik di negara ini sekarang adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan pelepasan cukai pendapatan dari \$2,000 sekarang kepada \$5,000 dan juga naikan kadar bagi perlepasan bagi isteri dan anak-anak supaya sesuai dengan keadaan pada masa ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan pelepasan persendirian dari cukai pendapatan telahpun diterangkan dalam Dewan ini pada 15hb April, 1976 dan pada 6hb dan 7hb Julai, 1976. Oleh yang demikian tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambah di atas perkara itu buat sementara ini.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 adalah diberi di bawah ini).

IBU PEJABAT POLIS DAERAH PASIR MAS

19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau bercadang membina bangunan baru bagi menggantikan bangunan Ibu Pejabat dan berek-berek Polis di Daerah Pasir Mas yang ada sekarang yang tidak sesuai lagi, jika ya, bila?

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerja untuk menggantikan quarters di Pasir Mas Kelantan telah dimasukkan ke dalam rancangan pelancaran bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980. Jabatan yang mengelolakannya iaitu Jabatan Kerja Raya telah membuat lukisan tata-atrur untuk pembinaan Rumah-rumah 8 Kelas "F" and 96 Kelas "G". Kementerian ini telah meluluskan pelan-pelan tersebut pada 29hb Jun, 1976 dan tindakan sedang diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan kerja kaji-bumi (soil test) dan lain-lain bagi pelancaran projek ini.

Tidak ada rancangan untuk menggantikan Ibu Pejabat Polis Daerah sekarang oleh kerana projek pembinaannya telah dilaksanakan pada tahun 1950 dan bangunan-bangunannya masih kukuh.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat

Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dari kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (20hb Julai, 1976).

3.28 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn untuk mendapatkan sokongan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga adalah mengikuti satu tradisi rancangan lima tahun yang dirancang oleh Kerajaan Perikatan yang telah berkembang dan menjadi Kerajaan Barisan Nasional sejak kemerdekaan. Walau bagaimanapun Rancangan Malaysia Ketiga mengandungi satu element baharu iaitu merupakan sebagai cabang yang ketiga untuk memperkukuhkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang berada di ambang baharu modenisasi, masalah yang terbesar adalah cara-cara untuk membawa petani-petani Melayu (Malay peasantry) kepada satu sektor ekonomi yang lebih teratur dengan segala kemudahan-kemudahan modenisasi menambahkan pekerjaan di dalam berbagai-bagai bidang perubahan sosial bergantung kepada perkembangan ekonomi dan pelajaran dengan meninggalkan ikatan-ikatan kekeluargaan menghubungkan cara-cara hidup dalam satu-satu masyarakat kerana berkehendakkan meninggalkan satu susunan yang telah menjadi darah daging dalam masyarakat Melayu turun-temurun.

Kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa modenisasi bagi orang Melayu dan lain-lain bumiputra ialah satu langkah untuk

mengelakkan samada kemunduran dalam kehidupan atau menubuhkan satu konfrantasi di kalangan masyarakat Malaysia. Inilah cara pemikiran dan pendekatan yang mana rancangan pembangunan yang kita telah ada masuk Rancangan Malaysia Ketiga disusun. Saya mesti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaannya dalam ketegasan dan pandangan jauh menuju kejayaan sebuah negara yang teguh dan bersatu padu melalui perancang yang saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga akan membaiki keadaan ekonomi orang-orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputra tetapi di samping itu rancangan ini diharapkan tidak mengeneipkan kepentingan-kepentingan orang-orang lain. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan akan memajukan lagi kerjasama di antara kaum bumiputra dan kaum bukan bumiputra supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dijayakan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Rancangan ini hendaklah membaiki taraf ekonomi penduduk-penduduk miskin dan juga mengadakan peluang-peluang kepada orang-orang bukan bumiputra untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam rancangan pembangunan yang disediakan. Sekiranya pihak swasta dapat diperangsangkan (stimulated) untuk mengambil bahagian dalam rancangan ini, kemakmuran dan ekonomi Malaysia akan bertambah maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh, tentang perkara pelaburan dan pemodal-pemodal asing dalam negara kita, iaitu seksyen 847. Adalah menjadi satu perkara yang diketahui umum bahawa orang-orang asing mengawal 60% daripada kekayaan Malaysia, orang-orang bukan bumiputra 35% dan bumiputra 5%. Matlamat yang hendak kita tuju ialah untuk mengurangkan kekayaan orang-orang asing daripada 60% kepada 30% dan untuk menambah lagi kegiatan ekonomi bumiputra daripada 5% kepada 30% dan kegiatan ekonomi orang-orang bukan bumiputra daripada 35% kepada 40%. Rakyat kita akan menyokong dan mengalu-alukan segala langkah yang diambil untuk mengurangkan pengawalan orang-orang asing di atas ekonomi negara kita dan langkah ini akan mengukuhkan modal-modal tempatan kita. Ini adalah penting kepada negara kita kerana ini akan mengurangkan jurang perbezaan antara orang-orang yang berada kepada orang-orang yang kurang berada dalam pembahagian kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menimbulkan kerunsingan ialah pembelian tanah-tanah oleh orang-orang asing. Penggunaan tanah-tanah itu tanpa kawalan kepada orang-orang asing untuk penggunaannya ini sepatutnya hendaklah diberhentikan. Lain daripada tanah-tanah yang direzabkan, Kanun Tanah Negara tidak mengenakan sebarang kawalan terhadap tanah-tanah yang telah dianugerahkan (alienated). Terdapat banyak kes-kes ini di mana harga-harga rumah dan tanah telah melambung tinggi kerana eksploitasi daripada pelabur-pelabur modal asing. Ini telah mengakibatkan rakyat biasa tidak berkemampuan untuk membeli sebuah rumah ataupun membeli satu tapak rumah yang kecil. Segala rancangan pembangunan kita akan gagal sekiranya kebanyakan daripada tanah-tanah dalam negara kita dipunyai oleh orang-orang asing dan segala rancangan pembangunan yang dilakukan akan hanya menguntungkan saku-saku orang asing. Sebab itu kita perlu mengkaji semula Kanun Tanah Negara kita untuk masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga di lain-lain sektor di mana syarikat-syarikat asing mempunyai monopoli, iaitu seperti perniagaan pemborong (wholesale trade), pakar-pakar perunding (consultancy), syarikat-syarikat odit dan syarikat perkapalan. Lebih daripada \$600 juta mencurah keluar daripada negara ini melalui pembayaran freight charges. Dari segi perkapalan sungguhpun perniagaan dalam negara telah bertambah sejak 10 tahun yang lalu tetapi ini tidak mengakibatkan pasaran syarikat-syarikat perkapalan tempatan. Oleh itu kita terpaksa mencari jalan untuk membantu syarikat-syarikat perkapalan tempatan dalam sektor ini. Jika tidak peluang-peluang perkapalan akan jatuh ke atas tangan orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, sedikit boleh diizinkan.

Dr Hee Tien Lai (Dengan izin): We must adopt a certain form of policy in this matter, otherwise Malaysia's share of the total trade will continue to suffer through over-tonnage of foreign ships plying our coastal routes. This policy should aim at restricting carriage of domestic cargoes to only Malaysia's national lines and ships owned and operated by Malaysians. This is in view of the expected

increase in volume of trade between Peninsular Malaysia and Sabah and Sarawak during the Third Malaysia Plan period.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sepatutnya mengawal eksport dan import dan juga internal distributive trade kepada orang-orang di negara kita sahaja seperti dalam syarikat insuran, pembungkusan (packing) dan lain-lain perkhidmatan. Sekiranya 60% daripada lombong-lombong bijih timah, 70% dari estet-estet getah, 80% dari ladang-ladang kelapa sawit dan 60% daripada segala kegiatan perniagaan dan perindustrian di tangan syarikat-syarikat asing, langkah-langkah positif hendaklah diambil untuk mengurangkan penglibatan asing kepada 30% sebagaimana yang dikehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1990. Pada masa sekarang syarikat-syarikat asing ini termasuk beberapa syarikat-syarikat yang ternama dalam dunia perindustrian telah established dengan kuatnya dalam bidang perindustrian di Malaysia. Kita mahu mereka memainkan peranan "good corporate citizens" dan "partners in progress" di Malaysia, iaitu kita sebagai negara tuan rumah, kata seorang pakar ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang terdapat di seksyen 1005, iaitu sektor perindustrian akan terus memainkan peranannya yang penting dalam pencapaian matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam perkara ini, saya suka menyatakan iaitu undang-undang yang longgar dan penguatkuasaan yang lemah telah mengakibatkan barang-barang yang dibuat untuk kilang-kilang tempatan mempunyai mutu yang rendah. Kita sepatutnya mengadakan undang-undang yang ketat untuk mengawal barang-barang yang dibuat dalam negara, misalnya barang-barang elektrik (electric appliances) dan setengah daripada barang-barang yang diimport. Pengeluaran mutu (quality control) adalah penting, misalnya ada terdapat setengah-setengah barang seperti electric plugs yang diimport dan merbahaya bagi pengguna-pengguna. Tidak terdapat undang-undang untuk menyekat pengilang-pengilang daripada mengeluarkan barang-barang yang rendah mutunya seperti barang-barang permainan kanak-kanak yang mungkin merbahaya dari segi kesihatan dan fizikal kanak-kanak, misalnya dari segi cat-cat yang digunakan mungkin mengandungi racun, misalnya, timah hitam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah serious dan sepatutnya mendapat tindakan dengan serta-merta untuk mengawal keadaan supaya tidak menjadi lebih buruk bagaimana kempen untuk mempopularkan barang-barang buatan Malaysia dijangka akan mendapat kejayaan samada di dalam mahupun di luar negeri sekiranya keadaan seperti ini masih terdapat. Di dalam sebuah negara seperti Malaysia di mana tanda-tanda perniagaan yang menunjukkan barang-barang itu buatan luar negeri adalah dianggap sebagai lebih baik daripada barang-barang yang dibuat di Malaysia sebab Malaysians are brand conscious. Sebab itu syarikat-syarikat asing lebih mudah menjual barang-barang mereka dari syarikat-syarikat tempatan seperti cokelat, tayar, syarikat insuran, bank-bank dan dengan ini syarikat-syarikat asing ini mudah mengemukakan sayapnya dan mendapat keuntungan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelajaran di seksyen 1309 menyatakan tujuan sistem pelajaran ialah untuk menyatupadukan seluruh rakyat di negara kita. Saya ingin membawa perhatian Kerajaan kepada kekurangan guru-guru bahasa China di sekolah-sekolah. Saya di sini menyeru supaya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga lebih ramai lagi pelatih-pelatih bahasa China yang diambil untuk mengajar di bawah program latihan guru-guru di Malaysia hendaklah berpuas hati dengan kelulusan "P"—pass sahaja dalam MCE Kertas Bahasa Malaysia selain daripada dimestikan mendapat kelulusan "C" atau Credit di dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru bahasa adalah serious di Sekolah-sekolah China khususnya di peringkat menengah. Di waktu ini Kementerian Pelajaran mengatasi perkara ini dengan menghantar guru-guru sekolah rendah yang terlatih dengan kelulusan Chinese Senior Middle Three mengajar di Kelas-kelas Peralihan (Remove Class) dalam Tingkatan Satu China. Ini tidak memuaskan kerana mereka itu adalah dilatih untuk sekolah-sekolah rendah sahaja dan juga untuk mengadakan guru-guru Sekolah Rendah China dengan kelulusan Senior Middle Three adalah terhad. Adalah diharap untuk membaiki keadaan ini samada di Sekolah-sekolah Rendah China dan Tamil di mana sangat memerlukan bangunan sekolah, bilik-bilik darjah dan lain-lain kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya berlaku. Misalnya sebagai satu contoh yang boleh nampak ialah bagaimana buruknya keadaan bangunan sekolah itu. Saya terperanjat bila mengetahui sebuah Sekolah Rendah Jenis China yang dibina bertahun-tahun dahulu di dalam Kawasan Parlimen saya telah diterbangkan oleh angin beberapa hari dahulu, tetapi kita berterima kasih kepada Tuhan tidak ada seorang pun pelajar-pelajar yang tercedera kecuali Guru Besar di sekolah itu yang tangannya patah kerana cuba menyelamatkan barang-barang yang ada dalam timbunan runtuhannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan pelajaran adalah dirasai amat perlu di kampung-kampung baru seperti yang dapat dinyatakan dalam seksyen 544. Satu masaalah yang besar adalah tingkat pelajaran yang rendah yang terdapat di kalangan sebahagian besar belia-belia di kampung-kampung baru. Saya berharap Kerajaan akan memberikan galakan kepada mereka dengan mengadakan latihan vokesyenal untuk mereka termasuk apprenticeship belia-belia dalam industri dengan kerjasama sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa yang menggunakan berbagai bahasa di sekolah-sekolah. Tetapi sebelum penuntut-penuntut itu dapat memasuki universiti-universiti tempatan mereka terpaksa lulus Peperiksaan LCE, MCE dan HSC dan mengakibatkan ramai penuntut gagal. Pada tahun ini ramai penuntut-penuntut Tingkatan VI yang telah lulus HSC dengan baik tidak dapat memasuki universiti-universiti tempatan. Ini telah menjadikan pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka berasa keciwa dan juga merugikan negara. Saya rasa sekiranya penuntut-penuntut ini telah menunjukkan kebolehan yang baik dan lulus di dalam peperiksaan-peperiksaan mereka sepatutnya dibenarkan masuk ke universiti-universiti dan dilatih untuk membangunkan negara khususnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang mana kita memerlukan banyak tenaga-tenaga mereka. Penuntut-penuntut ini terpaksa mengalih pandangan mereka ke negara lain seperti England, Australia dan Amerika Syarikat. Sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang bernasib baik itu mendapat scholarship untuk belajar ke universiti asing, tetapi kebanyakan yang lain terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut yang keluar negeri tanpa mendapat sebarang scholarship sekarang ini mengalami kesusahan kerana bayaran tuition di semua kolej dan universiti di Britain akan naik 30% mulai bulan September tahun ini. Saya percaya kalau keadaan seumpama ini berbangkit, ramai penuntut-penuntut kita di Britain akan mengalami keputusan wang dan terbiar dan saya berharap Kerajaan dapat membantu penuntut-penuntut itu. Tetapi di sebaliknya pula jika keadaan pekerjaan di negara-negara itu baik penuntut-penuntut kita tidak mahu kembali ke negara ini setelah selesai pengajiannya. Ini mengakibatkan tenaga-tenaga yang terlatih (brain-drain). Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan supaya dapat menimbangkan kemasukan lebih ramai penuntut-penuntut ke dalam universiti-universiti tempatan dan juga dengan membesarkan lagi universiti supaya tidak berlaku pengeluaran tenaga-tenaga ini ke negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi mengurangkan kemiskinan di bandar sebagaimana yang ternyata dalam seksyen 551, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil tindakan yang positive untuk menyusun semula pentadbiran Majlis Tempatan dan memberi nafas baru kepada Majlis Tempatan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kita semestinya sedar iaitu mereka itu mengalami berbagai kesusahan dari segi pentadbiran dan memerlukan perhatian yang utama dari Kerajaan. Kebanyakan daripada Majlis Tempatan adalah mengalami kekurangan dari segi kewangan, misalnya kebanyakan Majlis Tempatan tidak mempunyai Peruntukan yang cukup untuk membayar gaji pekerja dan tunggakan yang berbangkit daripada Lapuran Gaji Harun. Kawasan di bawah pentadbiran Majlis Tempatan ini adalah kecil dan setengahnya adalah terdiri daripada kawasan-kawasan sesak. Adalah diharapkan dengan mengadakan Majlis Daerah terdapat penyelarasan yang lebih di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian dan juga peruntukan yang lebih besar dapat diadakan untuk Majlis Daerah. Majlis-majlis ini juga mestilah mengatur balik semula cara pentadbiran mereka di masa-masa hadapan dan orang-orang yang berkelayakan dan berpengalaman sahaja yang patut dilantik menjadi ahli-ahli Majlis Daerah yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya merujuk kepada muka surat 264, seksyen 5 mengenai penyelarasan dan perlaksanaan di mana akhirnya kita menemui perjalanan pentadbiran yang dijalankan oleh pentadbir-pentadbir yang bertanggungjawab untuk menyampaikan sesuatu terus-menerus kepada rakyat. Tangan yang menerima rasuah bukan sahaja tidak memberi kesan untuk menyampaikan sesuatu kepada rakyat, tetapi sebaliknya pula akan menghilangkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan. Dari itu rasuah mestilah dihapuskan dan semua peringkat sekiranya rancangan pembangunan kita hendak dijayakan. Rasuah masih berada di peringkat pre-cancerous di negara kita dan belum sampai ke peringkat yang mana kita tidak boleh beri kesembuhan. Kita mesti segera menghapuskan rasuah samada dilakukan oleh pegawai rendah atau pegawai atasan atau sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang lalu Malaysia menerima kepujian oleh kerana mempunyai perkhidmatan awam yang baik dan established tetapi sungguhpun demikian adalah tidak dapat dielakkan terdapat beberapa orang black sheep yang telah memburukkan nama baik pentadbiran Kerajaan. Adalah nyata dan terang baru-baru ini terdapat penurunan nilai dari segi perlaksanaan dan juga dari segi tingkah laku pegawai-pegawai Kerajaan. Ada seorang Menteri Besar baru-baru ini telah menyatakan kakitangan Kerajaan yang melambat-lambatkan urusan orang ramai, berbual-bual, boleh dianggap mengamalkan rasuah oleh kerana mereka menipu Kerajaan dan orang ramai yang mengharapkan pertolongan dari mereka dan kakitangan Kerajaan ini adalah terdiri dari beberapa Jabatan Kerajaan yang mula-mula menjalankan urusan Kerajaan untuk orang ramai di peringkat bawah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, hilang kepercayaan dan perasaan tidak puashati yang disebabkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan tidak boleh pada keseluruhannya akan melibatkan hilang kepercayaan rakyat terhadap jentera Kerajaan. Dan juga disiplin inilah berpunca segala sebab kelemahan dan aduan dari orang ramai. Dengan adanya Rancangan Malaysia Ketiga adalah penting untuk pegawai Kerajaan mempunyai peranan yang amat mustahak dalam melaksanakan projek-projek

pembangunan dan menyedari tugas-tugas dan tanggungjawab yang dijalankan dengan penuh minat dan tulus ikhlas. Kerajaan mestilah memenangi hati dan jiwa rakyat. Kita juga tidak boleh lupa kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan adalah ikhlas, rajin dan berdedikasi dan kita mesti beri pujian—give them credit where it is due.

3.51 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini pada hari ini adalah untuk menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 19hb Julai, 1976.

Semasa membentangkan Rancangan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan keteguhan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan peringkat satu polisi ekonomi baru di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang menegaskan lanjutan usaha Kerajaan ke arah pencapaian objektif perpaduan bangsa melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira keturunan sesuatu kaum dan membina masyarakat Malaysia yang teguh, serta menjamin keselamatan negara pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga adalah berlainan dengan Rancangan yang telah lalu dalam banyak perkara; aspek yang paling nyata sekali ialah usaha untuk mengasingkan strategi kemajuan yang berupa perkauman kepada bentuk kemajuan berbilang kaum. Dalam konteks ini sukalah saya memberikan tahniah kepada Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah melahirkan satu rancangan yang lebih mementingkan satu approach, objektif dan strategi bangsa dan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah menjayakan dua Rancangan Malaysia, dan dalam tempoh yang tersebut kita telah menghadapi inflasi, stagflasi dan keturunan nilai wang, ancaman komunis dan sebagainya. Tetapi tidak ada perkara yang menukarkan hasrat tegas Kerajaan dalam melaksanakan rancangan dan kemajuannya. Saya berpendapat bahawa di dalam kawasan Tenggara Asia ini, Malaysia adalah sebuah negara yang telah menitikberatkan lebih ke atas pembangunan negara, keamanan, kemakmuran dan kepuasan hati rakyat, sebaliknya di kebanyakan negara di dunia sentiasa menderita, akibat kemelesetan yang dihadapi oleh

dunia seluruhnya. Kita dengan izin Tuhar dapat terus hidup untuk menjalankan Rancangan Malaysia Kedua dengan cara apa jua pun. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebagai satu tanda, bahawa Kerajaan demokratik yang dipilih oleh rakyat akan tetap dapat memberikan perkhidmatannya kepada pengundi-pengundinya. Selepas merdeka perbezaan di antara yang berada dengan tidak berada tidak diberikan perhatian sewajarnya, tetapi dengan usaha-usaha yang telah dijalankan perbezaan ini telah dapat dikurangkan. Dalam konteks ini saya mesti mengucapkan tahniah kepada tiap-tiap pegawai di dalam Yunit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, yang telah memberikan angka-angka yang tepat ke arah pelaksanaan rancangan yang memuaskan hati seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini, tanggungjawab yang utama diutarakan oleh beliau ialah pembasmian kemiskinan, tanpa mengira bangsa dan keturunan. Perhatian yang diberikan terhadap kemiskinan ini adalah satu perubahan yang dialu-alukan di dalam strategi pembangunan. Amat menyedihkan sekali apabila kita melihat jumlah kemiskinan dan perbezaan pendapatan di kalangan masyarakat kita. Dalam tahun 1970 lebih kurang setengah bahagian di antara penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia didapati di bawah garis kemiskinan. Dari jumlah penduduk sebanyak 1.6 juta, lebih kurang 792,000 orang adalah orang-orang yang miskin. Keadaan ini tidak boleh di-biarkan berlanjutan, kerana ia bertentangan dengan konsep pembangunan negara dan equiti. Rancangan Malaysia Ketiga dengan tepat menumpukan perhatian ke arah kemiskinan dan langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengatasinya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah kepada satu hakikat bahawa inilah pertama kali Kerajaan mengambil langkah yang jelas dalam approach memperbaiki taraf ekonomi bukan perkauman dalam soal kemiskinan. Ini adalah mustahak, kerana ia membayangkan satu perkara yang realistik bahawa kemiskinan adalah satu problem yang biasa yang dialami oleh rakyat Malaysia, dengan demikian ia mestilah dihapuskan pada bila-bila ia ditemui. Rancangan ini adalah satu kenyataan bahawa berbagai bentuk kemiskinan mestilah dijadikan matlamat untuk diberikan tindakan. Di antara mereka yang

terlibat ialah penanam padi, nelayan, penduduk-penduduk kampung baru, orang-orang miskin di luar bandar dan juga pekerja-pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, kerana telah membawa masuk pekerja-pekerja ladang ke dalam kelompok rancangan ini. Ini sepatutnya telah dilakukan dari dahulu lagi, tetapi lebih baik lambat dari tak ada. Pekerja-pekerja estet adalah merupakan tulang belakang kaum pekerja dalam negeri ini. Mereka bekerja seumur hidup untuk membaiki ekonomi mereka, tetapi hingga kini mereka masih ketinggalan dari segi ekonomi. Mereka menjadikan sumber-sumber alam semula jadi sebagai hasil negara kita dan kebanyakan mereka ketinggalan dalam bidang pelajaran dan sosial. Penanam-penanam padi yang kebanyakannya terdiri dari golongan bumiputra, tetapi walaupun mereka sentiasa bekerja keras, namun mereka masih dalam keadaan "kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang". Nelayan-nelayan dengan keringat yang membasahi badan, tetapi orang-orang tengah juga yang membuat duit. Harga pengeluaran walaupun telah melambung tinggi, tetapi mereka masih dibayar dengan harga yang sama. Penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang telah hidup lebih dari dua dekad (decade) masih menghadapi berbagai problem. Kampung-kampung baru yang didirikan di seluruh negara masih tegak sebagai tugu kemiskinan. Kampung-kampung dengan penduduk-penduduknya dari golongan bumiputra, yang merupakan tulang belakang negara, masih menghadapi problem-problem sosial, ekonomi dan pelajaran. Rancangan Malaysia Ketiga adalah juga menitikberatkan bahawa penduduk-penduduk miskin di bandar-bandar adalah juga merupakan golongan berbilang kaum, bukan hanya kumpulan bukan Melayu. Rancangan ini telah juga menggariskan langkah-langkah yang tertentu untuk menyelesaikan kemiskinan berbagai golongan. Approach yang dijalankan oleh Kerajaan ke arah problem kemiskinan memerlukan tindakan yang tepat. Rancangan ini juga menegaskan pembangunan sektor pertanian. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berpatutan, kerana pada hakikatnya kemiskinan yang memang ujud di dalam sektor yang tersebut. Kemiskinan di kawasan luar bandar akan terus merupakan problem yang serious di dalam Malaysia, kerana mengikut perangkaan

lebih kurang 89% dari jumlah penduduk-penduduk dalam tahun 1970 adalah orang-orang yang miskin. Kemunduran penduduk-penduduk luar bandar, adalah merupakan angka kemiskinan yang tinggi di kalangan orang-orang Melayu. Keadaan seumpama itu dengan jelas memerlukan perhatian, supaya sektor pertanian mestilah diselarasakan dengan arus kehidupan ekonomi kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, perhatian yang diberikan kepada negeri-negeri pantai timur yang kurang maju, bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak adalah juga perubahan yang dialu-alukan. Adalah mustahak dari segi politik dan sebagainya menyatukan negeri-negeri ini dengan negeri-negeri paling maju di pantai barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sambil memberikan pujian kepada keseluruhan Rancangan Malaysia Ketiga dalam kawasan-kawasan yang tertentu, rancangan ini sepatutnya dapat diperteguhkan, umpamanya, pekerja-pekerja estet yang terkenal sebagai golongan yang miskin, yang mana angka kemiskinan sebanyak 40% adalah kedapatan di kalangan mereka. Maka kemungkinan bertambahnya angka ini adalah terbayang. Ini adalah memandangkan bahawa kebanyakan mereka cuma bergantung kepada pendapatan wang tunai; dengan demikian langkah-langkah yang terkandung di dalam rancangan ini yang hendak membentaras kejadian yang tersebut adalah dianggap tidak mencukupi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan bahawa lebih banyak agensi-agensi Kerajaan mestilah ditubuhkan, supaya dapat mengendali dan menyelesaikan problem-problem dari kumpulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak syak lagi keperluan langkah-langkah yang dicadangkan adalah untuk memusatkan keseluruhan peruntukan dalam kemudahan-kemudahan sosial dan sedikit perpindahan kepada sekim tanah awam. Ini tidak mencukupi untuk melayani problem-problem kemiskinan di estet-estet, kerana memandangkan kemiskinan di antara pekerja-pekerja estet bagi tempoh 1970-1975. Langkah-langkah yang lebih komprehensif adalah diperlukan untuk mengatasi problem-problem yang tersebut. Sama juga dengan penyertaan pekerjaan, pelajaran dan equiti. Pengangguran di kalangan orang-orang India telah bertambah dari 11% dalam tahun 1970 kepada 12.2% dalam tahun 1975. Penyertaan mereka dalam kontek pelajaran telah berkurangan dari 5.1% dalam tahun

1970 kepada 3.3% dalam tahun 1975. Ini adalah bermakna bahawa dalam perkara pekerjaan dan pelajaran orang-orang India Malaysia tidak mendapat banyak faedah dari Rancangan Malaysia Kedua, terutama dalam perusahaan umum, perniagaan dan perkhidmatan ini. Angka ini menunjukkan bahawa keadaan yang "stagnant" sesungguhnya menjadikan keadaan buruk dan serious kepada orang-orang keturunan India, pada hal langkah-langkah yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengatasi problem-problem ini membuktikan samada tidak mencukupi atau tidak ujud samasekali, umpamanya, memperincikan langkah-langkah yang dapat menolong menambahkan penyer-taan mereka dalam pelajaran yang dapat mengimbangkan bilangan penuntut-penuntut India di seberang laut bukanlah satu perkara yang bererti, kerana mereka pergi adalah bertentangan dengan kehendak Rancangan Malaysia Ketiga, seperti mengikis kemiskinan. Penuntut-penuntut India yang pergi ke seberang laut adalah dari kalangan orang-orang yang kaya dengan wang ringgit. Mereka yang miskin berharap memasuki institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Dengan jelas bahawa kumpulan miskin seumpama ini perlu diberikan, layanan yang tertentu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mesti mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kerana pada ketika dan saat ini beliau telah memberikan pertimbangan yang lumrah untuk menyelesaikan sebahagian problem-problem yang terbengkalai ke arah pengambilan penuntut-penuntut, terutama sekali dalam pengambilan penuntut-penuntut di dalam universiti-universiti di Malaysia. Saya mesti menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga membuktikan cita-cita yang luhur Kerajaan Malaysia ke arah penyelesaian berbagai problem-problem yang dihadapi oleh berbagai golongan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkata bahawa jumlah peruntukan \$18 billion akan dibelanjakan ke arah pelaksanaan rancangan ini. Saya minta Kerajaan bahawa dalam tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga pertimbangan yang lebih hendaklah juga diberikan kepada pembangunan perindustrian luar bandar, dalam bentuk "cottage industries", supaya penduduk-penduduk bumiputra luar bandar, orang-orang China di

Kampung-kampung Baru dan orang-orang India di estet-estet tidak akan berhijrah ke sektor bandar untuk mencari kemudahan sosial yang lebih baik. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, walaupun pertimbangan telah diberikan ke arah memperbetulkan lura perbezaan di antara mereka yang berada dan tidak berada, namun begitu, saya berpendapat pelaksanaan yang dijalankan oleh berbagai pihak yang berkuasa tidaklah selaras dengan tugas-tugas yang dikehendaki oleh polisi Kerajaan Tuan Yang di-Pertua, Bumiputra yang tinggal di luar bandar masih ketinggalan dalam bidang sosial dan ekonomi, walaupun mereka diberikan sedikit perubahan alam sekitar. Tetapi kemudahan-kemudahan perhubungan di beberapa buah kampung dan kawasan-kawasan luar bandar di dalam Malaysia masih amat berkurangan. Banyak di antara petani-petani Bumiputra masih gagal mendapatkan pendapatan yang cukup, kerana hasil pengeluaran mereka tidak dapat diangkut keluar untuk dijual, semata-mata kerana tidak ada kemudahan pengangkutan. Sehingga dan apabila Kerajaan dapat menitikberatkan sekim perindustrian luar bandar, saya khuatir keadaan hidup rakyat Bumiputra tidak akan berubah sampai bila-bila. Pada masa ini, perindustrian hanya ditempatkan di pusat-pusat yang terpengaruh, dengan tindak-tanduk politik-politikus yang tertentu, manakala politik-politikus yang dhaif seperti saya dan kawasan-kawasan miskin seperti Sungai Siput tidak mampu menarik minat sebarang perindustrian, dan saya tak tahu, samada saya akan berjaya mengujudkan peluang-peluang pekerjaan atau sebarang perubahan sosial kepada rakyat bumiputra yang sebanyak 35,000 orang di dalam kawasan saya. Tiap-tiap sektor perindustrian, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah di zone dan Kerajaan hendaklah memberikan lebih keluasan dan "tax holiday" kepada pengusaha-pengusaha yang akan bersedia menempatkan perusahaan mereka di sektor-sektor luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan adalah juga merupakan cabaran yang utama dalam pembangunan masyarakat moden. Saya berasa gembira kerana bekas Perdana Menteri kita telah menguntukkan \$10,000,000 untuk sekim wang pinjaman pusingan untuk penduduk-penduduk sektor luar bandar. Walaupun jumlah ini amat berkurangan untuk memenuhi tuntutan yang diperlukan, namun saya ingin meminta Kerajaan supaya dapat lebih menitikberatkan soal perumahan luar bandar.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit, berkenaan sekolah-sekolah di dalam kawasan-kawasan luar bandar. Apa yang hendak saya sebutkan ialah penyatuan sekolah-sekolah yang bertaburan di segenap kampung. Kerajaan mestilah memberikan perhatian bahawa dengan usaha menyatukan sekolah-sekolah itu, mutu pelajaran yang lebih tinggi akan terjamin. Di samping itu Kerajaan hendaklah juga menempatkan guru-guru yang terlatih di sekolah-sekolah luar bandar. Peruntukan yang lebih hendaklah diberikan supaya banyak sekolah-sekolah yang baru dapat didirikan, dan juga kemudahan-kemudahan yang cukup hendaklah dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang tersebut, terutama sekali kemudahan-kemudahan pelajaran science, yang akan dapat menanam semangat tentang betapa pentingnya pelajaran science dan teknologi di kalangan murid-murid bumiputra luar bandar. Kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan-kawasan luar bandar dan estet-estet perhatian yang lebih mestilah diberikan kepada pelajaran Bahasa Malaysia, berserta dengan kemudahan-kemudahan bangunan sekolah-sekolah yang moden, cukup dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dalam zaman science dan teknologi.

Menyentuh tentang bangunan-bangunan sekolah baru, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah diberitahu bahawa ada beberapa buah sekolah yang telah diluluskan peruntukan membina sekolah baru, malangnya, walaupun sekim itu telah diluluskan hampir tiga tahun, namun kerja-kerja membina sekolah itu masih belum dimulakan.

Saya harap perkara seumpama ini hendaklah diberikan perhatian dan kalau perlu Kementerian Pelajaran hendaklah menyasiat kenapa perkara ini boleh berlaku. Kalau perkara ini dibiarkan tanpa tindakan, saya khuatir guru-guru dan murid-murid yang mengharapkan bangunan sekolah baru akan menjadi keciwa, dan akhirnya akan membawa padah yang buruk dan sangkaan yang tidak-tidak yang mungkin ditimbulkan oleh ibu bapa dan masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, ingin saya menyatakan bahawa hujjah-hujjah yang saya timbulkan ini adalah merupakan sebahagian faktor yang perlu diperbaiki di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya rancangan ini adalah merupakan satu dokumen yang paling lengkap dan teratur, yang mana ia akan dijadikan satu simbol keagungan di dalam sejarah tanahair kita.

4.14 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sesuatu untuk kajian bersama.

Sebagai seorang penyokong Kerajaan yang setia, saya berharap tiap-tiap perkataan yang saya lafaskan adalah terbit daripada perkataan kasih sayang yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri kita yang telah menunjukkan dan membuktikan sifat-sifat kejujuran dan ketulusan ikhlas beliau menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam masa yang singkat setelah beliau menjadi Perdana Menteri. Ketegasan beliau dalam pentadbiran telah benar-benar membuktikan kesanggupan Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan menemui berbagai-bagai kejayaan. Rakyat tidak sekali-kali ragu-ragu akan kecakapan itu lebih-lebih lagi setelah beliau mendedahkan beberapa penyelewengan yang dilakukan oleh agen-agen kominis yang hampir-hampir hendak meragut-patah dan meresap masuk ke dalam jentera Kerajaan. Meskipun rancangan-rancangan yang telah disusun dengan begitu rapi oleh musuh dengan tujuan hendak menumbangkan Kerajaan yang dipunyai oleh rakyat yang sah itu dapat dikesan dan ditumpas. Tetapi mungkin cubaan kali yang kedua, kali yang ketiga dan entah berapa kali lagi dengan cara-cara yang lebih nekad dan yang halus serta sophisticated akan dibuat oleh musuh lebih-lebih pula bila terlancarnya Rancangan Malaysia Ketiga ini, iaitu satu pukulan hibat kepada mereka. Sudah tentu rancangan yang dinamis yang akan dipraktik dalam perantaraan tahun-tahun 1976 sehingga sampai tahun 1980 akan menyekat bahkan menolak segala cita-cita mereka hendak menguasai negara tercinta ini.

Dalam babak permulaan perancangan rancangan raksasa ini sudah tentu sepatutnya setiap gerak langkah yang hendak dibuat hendaklah diambil ingatan iaitu untuk hendak mempraktikan demokrasi yang sebenar supaya menjamin tercapainya cita-cita rakyat. Slogan atau kata-kata parti yang menguasai Kerajaan hendak diwujudkan.

Cita-cita Barisan Nasional ialah perpaduan seluruh rakyat adalah menjadi landasan tujuan rancangan ini hendak membasmikan

kemiskinan tanpa mengira kaum, kasta dan menyusun semula masyarakat Malaysia dengan tegas dan berani dan usaha mengukuhkan keselamatan negara.

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua telah berlalu membuktikan keupayaan rakyat sebuah negara yang sedang membangun setelah dijajah lebih daripada 100 tahun. Kejayaan dan keupayaan itulah yang memberi satu semangat baru kepada Kerajaan untuk meneruskan khidmat bagi mencapai keamanan yang sejati. Bila saya sebut perkataan parti menguasai Kerajaan, bermakna segala dasar dan cara-cara perlaksanaan rancangan yang besar ini hendaklah diselaraskan dan disesuaikan dengan kemahuan rakyat yang memilih Kerajaan yang berkuasa hari ini. Marilah kita bersama mendokong dan menjaga serta mengawal perlaksanaan ini supaya pada akhir tahun 1980 kelak dengan rancangan ini perpaduan rakyat akan benar-benar kukuh dan wujud.

Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kenyataan iaitu walau bagaimanapun tempoh 5 tahun akan datang ini akan memberi cabaran-cabaran, sesungguhnya tempoh tersebut akan merupakan tahun-tahun yang penuh dengan kesukaran oleh kerana kemunculan semula ancaman komunis. Inilah yang menjadi bayang-bayang hitam menyelubungi hasrat Kerajaan dan kalau ini menjadi satu keraguan kepada Perdana Menteri kita di dalam perlaksanaannya kelak saya harus berkata di dalam Dewan yang mulia ini bahawa rakyat luar bandar, seumpamanya dalam kawasan saya di Baling adalah nikat bersedia untuk bersama-sama dengan Kerajaan ke tepi dan ke tengah bagi menghadapi ancaman dan ugutan sebagai yang sedang mengugat di kawasan sempadan hari ini. Tiap-tiap kali bunyi dentuman senapang, letupan mortar, meriam dan bom dilepaskan daripada kapal terbang-kapal terbang tidak ada lagi kedapatan perasaan kecut hati, cuak, takut atau gentar, tetapi sebaliknya menambah keyakinan hati mereka percaya kepada kebolehan Kerajaan memperlindungi mereka untuk mereka terus hidup. Rakyat di kawasan sempadan telah berikrar iaitu kalau diizinkan kepada mereka untuk bertindak dalam pembasmian ancaman-ancaman itu, mereka sanggup untuk menubuhkan pasukan berani mati bagi menghadapi di mana sahaja ada ancaman-ancaman itu, mereka tidak sabar lagi untuk melihat

anak-anak atau adik-adik mereka diragut nyawa dengan begitu kejam oleh sebilangan manusia yang kononnya mengelarkan diri mereka Tentera Pembebasan Rakyat Malaya. Hasrat penduduk-penduduk luar bandar di kawasan sempadan hari ini ialah Kerajaan memberi izin kepada mereka untuk bersama-sama menjalankan tugas itu dengan lebih berkesan. Hari ini di dalam Dewan ini saya memohon Kerajaan menghulurkan keizinan itu. Setelah kejadian-kejadian di Gubir di mana beberapa perajurit atau bunga bangsa kita telah terkorban, Kerajaan telah bertindak dan menguatkan lagi tentangan terhadap musuh dan hasil-hasil itu sangat menggalkan. Rakyat berharap kejayaan itu akan berterusan, segala fikiran dan kewaspadaan hendaklah dilakukan untuk menumpaskan musuh dan pihak kita tidak mendapat kerugian atau perajurit kita tidak terkorban atau tumbang.

Di dalam perbahasan-perbahasan di masa-masa yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini saya dan rakan-rakan sejawat saya telah banyak berkata iaitu peranan yang dimainkan oleh tentera-tentera kita untuk menawan hati rakyat adalah sangat mustahak. Saya kira tentera kita telah banyak berjaya dalam tujuan ini, di mana sahaja mereka berada, rakyat telah memberi kerjasama yang rapat kepada mereka, dan juga mereka benar-benar memberi segala sumbangan tenaga dan bersama dengan rakyat dalam kesulitan melaksanakan projek-projek pembangunan dan lain-lain. Gerakan mendekatkan dengan hati rakyat hendaklah diteruskan lagi supaya peranan mereka dalam penghapusan musuh itu akan berganding bahu antara satu dengan lain bersama rakyat. Saya hanya ingin menyatakan satu perkara sahaja iaitu sebarang tindakan yang dibuat dan akan dibuat bukan sahaja oleh pihak tentera kita tetapi juga oleh pihak Polis khususnya, kuasa-kuasa yang keterlaluan atau berlebihan yang boleh menyakitkan hati rakyat hendak dielakkan, supaya jangan sekali-kali akan membangkitkan perasaan syak dan benci kepada Kerajaan khususnya. Marilah kita menggunakan cara-cara kuasa kita itu dengan lebih bijak dan menawan hati rakyat supaya apa sahaja yang akan dijalankan oleh Kerajaan, tegasnya perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini akan benar-benar kedapatan rakyat seluruh berdiri di belakang Kerajaan dengan perasaan yang benar-benar ingin bersama-sama menjayakan. Pengawasan perlaksanaan Rancangan

Malaysia Ketiga hendaklah diwujudkan daripada segenap sudut dan aspek dengan satu semangat yang baru iaitu rakyat akan menerima dengan senyum dan gembira.

Di dalam pelaksanaan berbagai pembangunan ekonomi oleh Kerajaan maka suatu kajian yang baru oleh Perdana Menteri sendiri hendaklah dibuat. Saya tegaskan ini supaya tiap-tiap kawasan di dalam semua negeri akan menerima agihan yang sama di dalam pembahagian rancangan-rancangan kelak. Rakyat di mana sahaja berada akan dapat menikmati rancangan-rancangan ini. Kita tidak hendak mendengar lagi suara-suara bergema di dalam Dewan yang mulia ini iaitu ada negeri yang mendapat lebih pembahagian wang dan ada negeri yang mundur masih juga tidak dihirau atau tidak mahu diperbantukan dan kalau dibantu hanya dengan cara terpaksa sahaja. Hasil dan pembahagian harta negara ini biarlah dipraktikkan dengan cara perkataan nenek-moyang kita dahulu iaitu "Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah."

Saya telah membangkitkan di dalam Dewan ini betapa mendalamnya kehampaan hati di dalam jiwa rakyat di kawasan saya. Apakah masih mereka ini akan terus-menerus dilanda dengan duka nestapa kerana tiap kali mereka membuka TV atau mendengar radio, mereka mendengar dan melihat di sana sini pembangunan itu dan ini bergerak dengan pesatnya. Saya tidaklah meminta banyak kepada Kerajaan untuk kawasan-kawasan sempadan seumpama Baling. Saya tidak memohon kilang-kilang industri yang berjuta-juta ringgit kerana saya sedar mana pemodal yang ingin hendak menjahanamkan wang mereka untuk membangun kilang di kawasan yang berjauhan daripada pelabuhan. Saya tidak mendesak supaya kilang kain umpamanya dibina di kawasan saya kerana infra-structur di situ adalah "nil" dan saya akan dituduh bercakap menurut nafsu sahaja. Apa yang saya pohonkan ialah kalau sebuah kilang perusahaan tidak dapat diagihkan, maka di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, bukan sahaja perhatian yang berat harus diberi kepada kawasan sempadan tetapi pelaksanaan itu hendaklah benar-benar sampai dan wujud, umpamanya pemberian yang lebih banyak kepada pembukaan kelapa sawit yang tanah di kawasan itu adalah sangat sesuai. Jangan pula Jabatan Pertanian manakala hendak memulakan rancangan ini

akan mengambil masa 5 tahun hendak menyediakan lapuran kesesuaian tanah bagi hendak menanam kelapa sawit. Pengusaha-pengusaha bersendirian iaitu pekebun-pekebun getah Eropah di seluruh kawasan Baling telah menukar penanaman getah beribu-ribu ekar kepada tanaman kelapa sawit tetapi untuk hendak menggalakkan rakyat di kampung hari ini menukar corak getah kepada kelapa sawit hanya dibuat dengan sambil lewa sahaja. Ada lagi banyak tanah-tanah yang sesuai samada hutan simpanan yang telah diambil kayunya itu patut dibuka dan diberi kepada rakyat samada dibuat dengan secara FELDA atau secara pemberian yang teratur. Bertahun-tahun, berkali-kali di dalam mesyuarat pembangunan atau tindakan daerah soal pemberian tanah ini akan menjadi pertikaian antara satu jabatan dengan satu jabatan, umpamanya Jabatan Tanah dengan Jabatan Hutan. Tiap-tiap jabatan akan mempertahankan hak-haknya kononnya untuk keselamatan rakyat masa hadapan. Kemudian kalau sudah ada tanah, jabatan pertanian pula akan membuat kajian samada sesuai atau tidak tanah itu boleh dijadikan tapak-tapak untuk perusahaan pertanian atau pembukaan. Tanah-tanah ini adalah bersambungan dengan tanah-tanah yang telah diteroka atau diusahakan oleh pekebun-pekebun besar atau oleh rakyat. Mana ada tanah di bumi Malaysia ini yang tidak subur dan sesuai dengan tanaman-tanaman yang telah sedia ditanam oleh rakyat zaman-berzaman. Ada pakar-pakar kajian tanah kononnya berkata tanah di sini tidak sesuai dan tanah di situ tidak sesuai. Semua yang berlaku di dalam jabatan-jabatan yang melambatkan proses pemberian tanah atau pembukaan tanah kepada rakyat itu adalah sebagai "a stab on the back" atau sebotaj kepada cita-cita Kerajaan hendak menolong dan memenuhi hasrat rakyat. Itulah sebabnya saya nyatakan bahawa perasaan kehampaan di dalam jiwa rakyat hari ini semakin menular dan saya berharap Kerajaan tidak akan marah kepada saya bila saya menyatakan secara terus terang begini. Saya menyeru bagi kesekian kalinya supaya Kerajaan bertindak segera iaitu dapat kiranya membuka tanah-tanah disepanjang sempadan utara Semenanjung Malaysia khasnya di kawasan Baling untuk tujuan serampang dua mata iaitu:

- (i) Menjauhkan pengganas-pengganas komunis daripada menggunakan kawasan itu sebagai bukan sahaja jadi kawasan

persembunyian atau kawasan hide and seek tetapi sebagai kawasan mereka hendak melancarkan serangan kepada kampung-kampung.

- (ii) sebagai tapak pembangunan ekonomi dari segi pertanian secara teratur.

Banyak bekas-bekas ahli Pasukan Keselamatan yang mempunyai banyak pengalaman dan kecekapan serta masih penuh dengan semangat perjuangan telah menyatakan kesanggupan mereka hendak menyertai rancangan pembukaan tanah di kawasan sempadan ini supaya mereka kelak menjadi manusia di medan hadapan: men in the front line. Saya gesakan Kerajaan untuk melihat dengan segera hal ini dan saya khuatir kalau sudah esok atau lusa musuh berada di ambang pintu, maka tatkala itu barulah Kerajaan tergesa-gesa berlari ke sana sini hendak mencari jalan sesuatu untuk bertindak. Penyerapan kominis melalui hutan belantara yang tebal di utara Semenanjung Malaysia ini tidak dapat dibasmikan dengan beribu-ribu tan bom mortar atau daripada kapalterbang. Tiap-tiap kali pertempuran berlaku di dalam hutan belantara atau secara terbuka, hitung panjang 10 askar kita tumbang, kita hanya dapat menembak mati dua atau tiga kominis. Perjuangan ini merugikan kita semata-mata. Bom-bom samar atau booby-trap itu dipasang di sepanjang jalan-jalan denai-denai di dalam hutan belantara. Askar-askar kita masuk, bukan mati kerana bertempur, berhadapan dengan pengganas, tetapi mati sebelum bertempur. Itulah yang sangat-sangat menyakitkan hati askar-askar kita yang penuh bersemangat sedia hendak bersua muka dan beramuk dengan pengganas-pengganas itu. Kalaupun Kerajaan tidak berupaya kerana memakan belanja yang banyak untuk pembukaan tanah-tanah ini, beri izin kepada rakyat untuk menjalankan usaha pembukaan tanah ini dan kemudian latih mereka dalam persenjataan untuk mengawal harta benda mereka. Banyak penganggur atau pemuda-pemuda di dalam bandar yang ingin hendak mencuba nasib mereka di dalam lapangan pertanian akan dapat di bawa masuk ke kawasan-kawasan ini. Saya ingin hendak bertanya kepada Kerajaan apakah satu cara yang lebih baik daripada apa yang saya suarakan ini untuk menjauhkan pengganas-pengganas yang siang malam

masuk mengharukkan rakyat di kampung daripada terus menggunakan hutan-hutan simpan kita sebagai tempat persembunyian dan tempat melancarkan gerakan untuk menakluk tanah-tanah rakyat.

Saya kembali semula kepada ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Saya percaya bahawa tiap-tiap rancangan yang telah disusun dan dikemukakan kepada Kerajaan ini dibuat dengan penuh penelitian dan pegkajian yang cermat oleh pegawai-pegawai kita yang mempunyai pengalaman, hasil berjalannya Rancangan-rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, kesalahan-kesalahan di dalam pelaksanaan rancangan yang lalu itu telah diambil menjadi ukuran kepada pelaksanaan rancangan yang baru ini. Jangan sekali-kali pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga ini diukur daripada segi wang yang berjuta-juta tambah banyaknya. Dewan ini percaya kalau wang banyak mencurah tetapi kalau kajian mendalam mengenai penerimaan rakyat tidak dibuat, segala cita-cita ini akan hancur. Oleh itu, saya berharap setiap rancangan yang telah disusun itu hendaklah dikaji lagi supaya selaras dengan penerimaan rakyat di semua kawasan bukan hanya tertentu kepada beberapa kawasan atau negeri sahaja. Lima tahun untuk melaksanakan satu cita-cita yang besar ini adalah jangka masa yang cukup pendek bagi mereka yang menerima tetapi bagi mereka yang tidak menyedari bahkan melihat dengan kenyataan adalah suatu jangka masa yang sangat panjang.

Apa yang saya tahu Kerajaan tidak begitu menekan benar-benar tentang kecekapan pegawai-pegawai baik di dalam Kementerian atau di negeri-negeri bahkan di daerah di dalam pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga. Sepatutnya setahun atau beberapa bulan dahulu berbagai kursus atau latihan diberi kepada semua kakitangan Kerajaan yang kelak akan mengambil bahagian utama dalam pelaksanaan ini. Peranan yang dimainkan oleh INTAN atau Pusat Melatih Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam berbagai bidang pentadbiran awam tidak mencukupi untuk menampung kehendak dan hasrat negara pada hari ini dan esok yang berkehendakkan kepada lebih banyak lagi pegawai-pegawai daripada semua peringkat dan corak yang benar-benar tahu maksud dan cita-cita Kerajaan hari ini. Saya menyeru peruntukan yang berganda lebih patut diberi kepada

institute latihan semacam ini bagi meneruskan perkhidmatannya, supaya dapat mengeluarkan dan menampung pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang cekap dan layak, sesuai dengan masa dan cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Keadaan yang kelak akan berlaku manakala pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga telah dibuat satu keadaan sebagaimana kata pepatah "Hasrat besar tenaga kurang". Akan terjadi di kalangan perkhidmatan Kerajaan besok seperti yang terjadi di masa yang lalu. Hari ini kenyataan telah membuktikan iaitu kita kekurangan pegawai-pegawai perubatan umpamanya kerana keberhentian beratus-ratus doktor atau pakar-pakar perubatan daripada pentadbiran Kerajaan. Hal ini tentulah tidak akan dipandang ringan oleh Perdana Menteri kita bila waktu Kerajaan melancarkan rancangan-rancangan baru untuk rakyat. Sudah sepatutnya Kerajaan akan berbuat sesuatu untuk menyekat pemberhentian pegawai-pegawai atau pakar-pakar perubatan ini, dengan mengemukakan suatu laporan tanggagaji atau layanan yang lebih menarik kepada perkhidmatan ini. Seruan daripada pemimpin supaya rakyat membuktikan dedikasi hendaklah diselaras-kan dengan layanan atau apa yang boleh kita beri kepada mereka yang ingin hendak berkhidmat atau menolong melaksanakan hasrat Kerajaan kita.

Lagi satu perkara membuktikan Kerajaan kurang persediaan untuk menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah tentang kekurangan pegawai-pegawai untuk menjalankan penyukatan tanah untuk pembukaan rancangan-rancangan tanah baru ataupun tanah-tanah yang patut diberi kepada rakyat. Kerajaan selalu memberi jawapan yang mudah dan senang iaitu kita kekurangan pegawai-pegawai. Jawapan ini diberi bertahun-tahun sejak mula Parlimen ini wujud sehingga sampai sekarang. Apakah tidak ada solution yang boleh menyelesaikan masalah yang menjadi rintangan kepada hasrat Kerajaan ini?

Beralih lagi sekali kepada keadaan di luar bandar iaitu di mana tempatnya berhimpun lebih daripada tiga suku penyokong-penyokong Barisan Nasional yang dapat menubuhkan sebuah Kerajaan yang kuat dan gagah. Di sini ialah kawasan yang harus diberi perhatian yang lebih banyak oleh Kerajaan. Kalau dikaji dengan mendalam hasil daripada

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua rakyat di kawasan urban ataupun di bandar yang dapat menerima banyak keuntungan dan faedah. Bila kali ini satu rancangan yang lebih dinamis dan gagah diumumkan dan kelak akan dilaksanakan maka perhatian harus ditumpu, wang patut dicurahkan kepada sektor-sektor pertanian yang kehidupan mereka masih lagi serba kekurangan. Orang-orang Melayu, sekali lagi saya kata, orang-orang Melayu di luar bandar iaitu di kampung-kampung yang menjadi petani-petani kecil mempunyai tanah sekangkang kera itu patut diberi keutamaan. Kerajaan harus membela mereka dengan apa sahaja tenaga yang diperlukan. Kalau cara-cara hidup mereka itu perlu diubah, ayuh! hari ini kita mulakan dengan berani dan niat semata-mata hidup mereka di masa hadapan tidak akan menemui penyesalan kerana mendokong dasar Kerajaan Barisan Nasional hari ini. Suara-suara lantang dan cakap-cakap tinggi tidak menjadi guna kalau umpamanya rakyat di kawasan Baling yang berjumlah hampir 100,000 lebih itu hanya diberi sebuah trektor untuk menggalakkan mereka dalam bidang pertanian. Dasar Kerajaan menggalakkan bumiputra menyertai bidang perusahaan dan perniagaan tidak akan dapat tercapai kalau satu dasar yang lebih dinamis tidak dibuat hari ini. Berapa orang ahli-ahli perniagaan daripada jumlah rakyat bumiputra hari ini yang mendapat peluang tersebut? Pukulrata kalau disiasat ahli-ahli perniagaan ataupun peniaga-peniaga bumiputra yang mendapat peluang itu dan ini orang-orang itu selalu juga disogok ataupun mendapat peluang-peluang yang dibuka oleh Kerajaan. Jangan hendaknya dasar Kerajaan hari ini hendak mengadakan sekumpulan peniaga-peniaga ataupun pengusaha-pengusaha bumiputra yang tertentu sahaja di tanahair kita ini. Adakah dasar Kerajaan kita hari ini hendak mencorak kepada sistem kapitalis? Pekedai-pekedai runcit di kampung, di bandar-bandar kecil yang hidup segan mati tak mahu patut diberi perhatian. Saya tidak tahu samada ini tanggungjawab MARA atau UDA atau sesiapa, tetapi soal ahli-ahli perniagaan kecil di kampung-kampung hendaklah dipandang berat oleh Kerajaan kalau kita mahu melihat suasana dan keadaan negeri ini menggambarkan benar-benar corak perubahan di segi perusahaan orang-orang Melayu ataupun bumiputra.

Saya syorkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan akan dapat memilih tapak-tapak perniagaan yang sesuai di semua kampung-kampung yang berjumlah beribu-ribu itu dan dapat mendirikan sekurang-kurangnya sebuah bangunan kedai yang sederhana dan kemudian memilih seorang belia ataupun ahli perniagaan ataupun sesiapa yang cenderung dengan perniagaan di kalangan bumiputra untuk memulakan perniagaan di kedai-kedai runcit dengan bantuan daripada Kerajaan. Kalau dahulu di dalam Rancangan Malaysia Pertama Kerajaan menghabiskan wang banyak untuk mendirikan balai-balai raya, apalah salahnya hari ini untuk menggalakkan bumiputra menyertai bidang perniagaan, Kerajaan menyediakan tapak-tapak kedai seperti ini. Kalau Kerajaan benar-benar hendak menolong rakyat yang miskin inilah satu cara yang baik boleh dihulurkan. Isteri-isteri perajurit yang terkorban ataupun bekas-bekas perajurit kita dapat diberi peluang untuk memainkan peranan membuka perusahaan-perusahaan kedai-kedai kecil di kampung ini.

Saya menarik perhatian Kerajaan pada hari ini iaitu kejayaan rancangan pertanian umpama di Kedah hari ini dengan adanya MADA maka beratus-ratus ribu rakyat telah dapat mengecap perubahan di segi pengeluaran padi dan lain-lain. Kerajaan mengadakan rancangan taliair yang begitu hebat memakan belanja ratusan ribu juta ringgit. Saya juga turut berbangga tetapi saya menyatakan penyesalan dalam dasar perlaksanaan ini kerana di samping Kerajaan memberi perhatian yang bersungguh-sungguh tiap-tiap tahun sejak tahun-tahun enam puluhan dahulu sehingga sekarang Jabatan Parit dan Taliair Negeri tidak hendak melihat dengan bersungguh-sungguh kawasan-kawasan lain dalam negeri itu yang berhendakkan kepada perhatian parit dan taliair serta tandup-tandup yang serba kekurangan dhaif. Rakyat, petani-petani di kampung-kampung kawasan Baling, kawasan saya yang selalu menyatakan tidak puashati tentang parit dan taliair dan tandup-tandup serta ampang-ampang yang dibuat oleh pakar-pakar taliair yang kononnya mempunyai ijazah yang tinggi sehingga hari ini problem-problem ampangan-ampangan air masih lagi belum dapat diselesaikan Pegawai atau Pengarah Parit dan Taliair Negeri tidak mahu menjengok ke daerah-daerah kecuali di Kubang Pasu ataupun di Kota Setar ataupun di ibukota negeri sahaja.

Saya syorkan Kerajaan membina sebuah padang golf di daerah Baling supaya dengan adanya sebuah padang golf yang selisa di kawasan ini maka akan datang ramai pegawai-pegawai Kerajaan ataupun ketua-ketua jabatan bahkan Menteri-menteri yang sanggup untuk datang ke Baling dan di samping itu perhatian dapat diberikan kepada masaalah pembangunan di daerah ini. Pembangunan ataupun perusahaan-perusahaan yang selalu dibuat dalam negara ini adalah mengikut kemahuan atau whim pegawai-pegawai yang tertentu sahaja bukan mengikut gendang yang dipalu oleh para Menteri Kerajaan kita. Apakah ini benar?

Ahkirnya saya percaya Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan semangat yang dibuktikan bersungguh-sungguh oleh Perdana Menteri kita semoga akan mendapat kejayaan yang diluar dugaan dan sangkaan dan semua ini ialah untuk kebajikan rakyat jelata umumnya yang telah memilih Kerajaan Barisan Nasional. Saya menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

4.35 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukur (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dua hari yang lalu.

Sesungguhnya Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah membuktikan azam Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk mengatasi masaalah kemiskinan rakyat dalam negeri ini, menyusun semula masyarakat dan mengukuhkan keselamatan nasional. Hal ini dapat dilihat dengan jelasnya dari rancangan-rancangan yang bersifat sosio-ekonomi rakyat dan juga pembangunan-pembangunan yang lain yang terkandung dalam buku hijau ini.

Saya tertarik hati dengan Bab 12 dokumen Rancangan Malaysia Ketiga ini iaitu bersabit dengan peruntukan kepada negeri-negeri dalam Malaysia. Selaku salah seorang ahli yang datang daripada salah sebuah negeri yang disebut sebagai kurang maju, saya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberikan perhatian yang utama kepada negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan lain-lain negeri lagi yang disebut sebagai

kurang maju itu. Apalagi apabila saya melihat kepada perenggan 711 dan 713 dalam dokumen ini bahawa peratus yang diperuntukkan kepada pertanian dan peratus yang diperuntukkan kepada pembangunan-pembangunan di kawasan luar bandar agak tinggi peratusnya. Umpamanya, Negeri Kedah, sebanyak 36.3 peratus daripada jumlah peruntukan kepada negeri itu yang sebanyak \$854 juta adalah diuntukkan kepada pembangunan pertanian dan di luar bandar. Tetapi saya merasa dukacita sedikit melihatkan bahawa peruntukan kepada Negeri Kedah nampaknya mendapat peruntukan yang sedikit kalau dibandingkan dengan lain-lain negeri yang disifatkan sebagai kurang maju itu sedangkan Negeri Kedah lebih ramai penduduknya kalau dibandingkan dengan negeri yang mendapat peruntukan lebih banyak dalam masa lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga ini. Oleh kerana itu saya berharap kepada Kerajaan terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberikan pertimbangan yang utama kepada Negeri Kedah apabila meminta peruntukan tambahan dari satu masa ke satu masa khususnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan bantuan kepada negeri-negeri yang kurang maju juga, saya rasa banyaklah perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Pusat. Ibarat kata hendak memperbaiki bangunan yang telah lama tertinggal dan terbiar maka banyaklah bahagian-bahagian bangunan itu yang perlu diperbaiki, mungkin lantainya, mungkin atapnya dan mungkin juga tiangnya dan lain-lain alat yang penting kepada rumah itu sendiri. Demikianlah halnya dengan perhatian yang perlu diberikan kepada negeri-negeri yang disebutkan sebagai kurang maju itu. Untuk kelancaran projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan juga untuk kesempurnaan projek-projek yang sedia ada di negeri-negeri berkenaan itu, selain daripada bantuan yang bersifat kewangan maka bantuan yang bersifat jentera untuk melaksanakan rancangan-rancangan negeri itu adalah sangat mustahak diberikan perhatian. Maksud saya ialah bantuan kepakaran dan Yunit Perancang. Demikian juga pegawai-pegawai yang cukup kepada Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat di Negeri-negeri yang berkenaan itu. Supaya rancangan-rancangan yang dijalankan di negeri itu berjalan dengan baik, sempurna dan untuk kebaikan rakyat

di negeri yang berkenaan. Tanpa bantuan yang seperti ini sangat-sangat dibimbangkan akan kejayaan dan kelancaran projek-projek di negeri-negeri yang disebutkan sebagai kurang maju itu berjalan dengan baik sepertimana yang dikehendak. Dengan sebab itu saya menyeru Kerajaan dan kepada Menteri-menteri yang bersangkutan secara langsung dengan projek-projek pembangunan supaya memberikan pertimbangan dengan segera kepada tiap-tiap permintaan dari negeri-negeri untuk menambahkan pegawai-pegawai terutama sekali pegawai-pegawai yang bersifat teknik yang diminta oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Perbuatan menolak permintaan yang seumpama itu atau perbuatan memberi layanan yang lambat bukan sahaja menggugat kelancaran projek-projek yang berkenaan bahkan juga menjejaskan kejayaan dan matlamat projek-projek itu sendiri. Inilah satu perkara yang saya rasa sangat penting dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini dan juga kesempurnaan satu-satu projek yang pada masa ini sedang berjalan di Negeri-negeri yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara pemberian kewangan kepada projek-projek yang pada masa ini sedang berjalan pada setengah-setengah negeri, inginlah saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan Rancangan Perairan Muda di Negeri Kedah dan Perlis.

Sesungguhnya kesempurnaan dalam kawasan MADA itu pada masa ini masih banyak lagi yang kurang sempurna. Banyak titi-titi yang patut dibuat tetapi belum dibuat lagi. Banyak taliair-taliair kecil yang belum lagi diadakan, dan hinggan ada pada setengah-setengah tempat cukai-cukai taliair kepada pesawah-pesawah telahpun dipungut sejak beberapa tahun lamanya. Tetapi di tempat-tempat itu setengah-setengahnya belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan tali air. Hal ini semua berlaku ialah kerana pemberian kewangan kepada pihak MADA, itu tidak mencukupi dengan kehendak-kehendak pihak MADA untuk menyempurnakan projek-projek di kawasan tersebut. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja menggugat kelancaran rancangan pesawah dua kali setahun di kawasan itu bahkan juga menjejaskan matlamat Kerajaan hendak mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup bagi keperluan negara kita dan juga menjejaskan semangat pesawah-pesawah di kawasan itu sendiri. Dengan sebab itu, saya

harap pelaksanaan lima tahun Malaysia Ketiga ini, perkara-perkara yang seperti itu tidak berlaku lagi, dan sesuatu projek itu hendaklah berjalan lancar dan sempurna, tidak tersekat-sekat dan terjejas atas sebab-sebab kekurangan pegawai-pegawai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara rancangan-rancangan pembangunan di kawasan luar bandar, saya berharap keutamaan yang lebih hendaklah diberikan kepada tempat-tempat dan kampung-kampung di pendalaman yang belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti jalan yang agak baik kemudahan kesihatan, kemudahan air dan sebagainya. Dalam pelaksanaan memberikan perkhidmatan air dan api letrik umpamanya, janganlah Kerajaan sentiasa menilik semata-mata dari segi untung dengan tidak untung, tetapi hendaklah juga ditilik dari segi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kepada rakyat. Keutamaan yang lebih juga hendaklah diberikan kepada tempat-tempat yang agak sensitif dari segi keselamatan seperti kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan umpamanya. Langkah ini bukan sahaja memberi kesan kepada usaha mengubah sikap orang-orang di kampung, kepada satu sikap yang baharu, yang lebih pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengatasi masalah gerakan dan dakyah kominis. Yang lazimnya kominis itu menggunakan masalah-masalah sosial dan ekonomi rakyat untuk memburuk-burukkan Kerajaan yang memerintah dan untuk menarik orang ramai kepada pengaruh mereka. Tetapi jika keadaan penduduk di kampung-kampung yang berkenaan telah berubah kepada satu keadaan yang baru kepada satu keadaan taraf yang agak selesa maka sudah tentulah segala dakyah dan tipu muslihat kominis itu dalam usaha mereka hendak menimbulkan perasaan gelisah di kalangan rakyat untuk membangkitkan perasaan tidak puas hati dan sebagainya, tidak akan berkesan lagi, apabila penduduk-penduduk di tempat yang berkenaan telah mendapat perubahan dalam masalah sosial dan ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sosial ekonomi rakyat juga, saya sangat tertarik hati dengan rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran oleh FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya.

Menyentuh pembukaan tanah, dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA) setakat ini nampaknya Lembaga itu hanya membuka tanah-tanah baharu yang luas sama juga seperti yang dijalankan oleh FELDA. Kalau ditilik dari segi nama Lembaga itu nyatalah bahawa tugasnya yang besar ialah penyatuan dan pemulihan tanah-tanah lama, tetapi menjalankan gerakan kerja pembukaan tanah hutan nampaknya. Dalam masaalah ini inginlah saya hendak membangkitkan berhabitat dengan tanah-tanah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan surat hak milik kepada orang ramai sejak beberapa lama. Ada yang telah dikeluarkan surat hak milik itu hingga lebih daripada 10 tahun tetapi tanah-tanah itu tidak mendatangkan apa-apa hasil kepada tuan-tuan punya tanah yang berkenaan, kerana tidak diusahakan. Dan sebab pun tidak diusahakan, pada amnya ialah kerana tidak mampu. Perkara ini ada sangkutnya dengan polisi pemberian tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada setengah-setengah negeri pada masa-masa yang dahulu, yang mana perkara ini saya rasa tidak perlulah saya sebutkan di sini. Walau bagaimanapun pada masa ini banyak terdapat tanah-tanah yang seperti itu dalam setengah-setengah daerah pada setengah-setengah negeri. Saya rasa Rancangan Buku Hijau sedikit sebanyak boleh menolong untuk mengetahui jumlah tanah-tanah yang telah saya katakan tadi. Saya mendapat tahu pada setengah-setengah daerah luasnya beratus-ratus ekar dalam satu-satu kelompok. Dalam perkara ini, saya menyeru Kerajaan khasnya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara supaya mengadakan rancangan-rancangan untuk memajukan tanah-tanah yang seperti ini, sama mengadakan Rancangan Berkelompok untuk membantu tuan-tuan tanah berkenaan memproses tanahnya secara pinjaman, ataupun secara subsidi ataupun dengan suatu cara yang dinamakan yunit sistem, umpamanya, dengan cara Kerajaan mengadakan wang modal untuk memajukan tanah itu secara pertanian moden lengkap dengan jentera pembajaknya, kilang-kilang kecilnya, untuk memproses hasil-hasil pertanian di situ dengan mempunyai sistematik yang tersendiri. Dari satu jenis tanaman kepada satu jenis tanaman yang lain supaya tanah-tanah itu mendatangkan hasil yang sewajarnya. Rakyat yang berkenaan makan gaji di situ, tetapi tetap mempunyai tanah itu dengan secara yunit sistem.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Saya rasa jika rancangan ini dijalankan daripada tanah-tanah yang terbiar seperti yang saya katakan tadi, bukan sahaja menolong bagi mencapai matlamat mengurangkan kemiskinan hidup rakyat di kampung-kampung dengan tidak payah menarik mereka menjadi buruh-buruh di kilang-kilang perusahaan dan sebagainya lagi; cara ini juga saya rasa satu langkah yang berkesan di bidang pertanian di negeri ini. Dan juga satu langkah untuk menarik perusahaan-perusahaan kecil ke kawasan-kawasan luar bandar. Langkah untuk memajukan tanah-tanah yang terbiar yang agak luas banyak juga dalam satu kelompok yang saya sebutkan tadi. Demikianlah juga dengan tanah-tanah yang kecil, yang tidak ekonomik, kata orang, patutlah dijalankan dengan segera oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA). FELCRA tidak hanya menjalankan rancangan-rancangan pembukaan tanah baru yang luas sama seperti yang dijalankan oleh FELDA. Tetapi harus mengambil langkah baru dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru ini, janganlah hendaknya ada mana-mana pihak atau mana-mana parti politik membuat tuduhan atau fitnah samada dalam ataupun di luar Dewan ini dengan menuduh Kerajaan hanya menolong satu-satu golongan rakyat yang tertentu sahaja dan membelakangkan golongan rakyat yang lain. Tuduhan-tuduhan yang buruk semacam ini bukan sahaja menjadi penghalang besar kepada kelancaran rancangan yang besar ini bahkan sangat besar bahayanya kepada perpaduan rakyat dan juga keamanan negara. Saya menyeru kepada rakyat Malaysia yang taat-setia kepada negara dan Raja supaya jangan terpengaruh kepada cakap-cakap ini. Dan fitnah-fitnah yang seumpama ini, kepada orang-orang atau pihak-pihak yang menaburkan fitnah seperti itu hendaklah dianggap bahawa orang itu sebagai musuh negara dan musuh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin hendak mengaitkan pelaksanaan seluruh Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang

di-Pertuan Agong dipembukaan Dewan yang lalu. Dalam ucapan Baginda menegaskan, di antara lain:

“Dengan ini Kerajaan Beta akan dapat melaksanakan dengan lebih giat lagi bukan sahaja rancangan-rancangan pembangunan tetapi menegakkan keadilan sosial dan keteguhan rohaniah.”

Demikian Titah Baginda. Saya tidak hendak berhajat hendak bercakap panjang betapa pentingnya keteguhan rohaniah itu kepada kemakmuran dan kebahagiaan yang hakiki kepada masyarakat rakyat seluruhnya dan juga kepada negara kita Malaysia yang dikasihi ini, kerana perkara itu telah banyak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Yang menjadi masalaahnya satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kata-kata itu tidak banyak yang telah diperkatakan, itulah sahaja masalaahnya. Hanya sepatah kata sahaja yang hendak saya ulangkan sekali lagi iaitu keteguhan rohaniah hendaklah dijadikan teras yang teguh kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Tanpa teras yang teguh ini rancangan-rancangan untuk kemakmuran negara dan kebahagiaan rakyat akan menjadi debu-debu yang berterbangan yang akan mendatangkan akibat yang buruk kepada negara dan juga kepada masyarakat rakyat sendiri. Oleh kerana keteguhan rohaniah itu sendiri akan menjadi teguh dan kuat setelah dibina di atas asasnya yang tersendiri, maka pelaksanaan rancangan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah berteraskan kepada muslihat-muslihat rohaniah itu. Dalam ertikata yang lain, rancangan-rancangan yang boleh menjadi punca kerusakan muslihat rohaniah hendaklah disekat sama sekali dan punca-punca yang merosakkan muslihat itu yang sedang berlaku dalam negara kita pada masa ini hendaklah diawasi dengan sungguh-sungguh daripada merebak, dengan lebih luas lagi. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah disebabkan muslihat mana-mana parti dalam keluarga Barisan Nasional seperti yang dikatakan oleh setengah-setengah orang baharu-baharu ini, tetapi yang sebenarnya ialah untuk keselamatan dan kebahagiaan masyarakat rakyat yang hakiki dan untuk kemakmuran negara yang kita idam-idamkan Malaysia ini.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong Rancangan Malaysia Ketiga ini sepenuhnya.

4.53 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini. Dan untuk menyokong, untuk memberi pendapat saya, saya ingin menyebut beberapa masaalah yang mudah-mudahan mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, semalam dan dua hari yang sudah kita pun telah mendengar beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini menyebut hal-hal yang ada kaitannya terutama sekali kejadian ataupun keadaan rakyat di luar bandar. Dan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini saya tertarik hati oleh sebab ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang khususnya pun menarik hati dan menyokong juga kepada tindakan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kedua yang sudah pun dijalankan selama lima tahun bagi tahun 1971 hingga 1975 yang lalu yang mengikut rancangan jangka panjang tahun 1971 hingga 1990 didapati di dalam masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ini banyak juga ada di antaranya yang tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya seperti mana yang telah dibentangkan pada tahun tersebut. Oleh itu, bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini yang mengikut juga sebagaimana Rancangan Malaysia Kedua bagi tempoh lima tahun juga saya bimbang juga kalau perlaksanaannya tidak dapat sepenuhnya seperti mana yang tercatat di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga itu. Sungguhpun begitu, saya berasa yakin oleh kerana bukan sahaja Kerajaan mempunyai harapan supaya pelaksanaan dapat diselesaikan pada tahun 1980, bahkan saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan iaitu mereka yang bertanggungjawab melaksanakan ini dapat mengumpulkan tenaga bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Pernah saya biasa dengar ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berucap dalam sebuah negeri dalam Malaysia ini mengatakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini tertumpu betul-betul kepada kecekapan, kepada ketabahan pegawai-pegawai Kerajaan, baik peringkat Pusat dan juga di peringkat Negeri. Sungguhpun begitu, saya juga ingin mengambil

peluang bukan sahaja kita mesti tumpukan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, sebaliknya rakyat juga mestilah di samping Kerajaan dan di samping pegawai-pegawai Kerajaan bagi melaksanakan, khususnya di kawasan-kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini telah ada terbahagi dua di dalam negara kita ini kepada 13 buah negeri yakni 9 buah negeri sudahpun dianggap maju dan 4 buah negeri lagi Kedah, Perlis, Trengganu dan Kelantan dianggap tidak maju, dan lagi peruntukan pelaksanaan ini Kerajaan telah memberi peruntukan kepada 4 buah negeri ini dengan satu peruntukan yang istimewa. Saya datang daripada negeri yang dianggap maju yakni negeri Perak, saya percaya sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri lain pun menyokong supaya negeri Kedah, Perlis, Trengganu dan Kelantan selepas sahaja tahun 1980 kelak tidak timbul lagi ada di dalam negara kita ini negeri-negeri maju ataupun negeri-negeri yang kurang maju.

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu yang dibentangkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri bertujuan menyediakan asas bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dirancang selama 20 tahun, tetapi di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini iaitu Kerajaan berteraskan yang pertama, membasmi kemiskinan, yang kedua, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat, yang ketiga memperkokohkan keselamatan negara. Tadi saya telah menyebut negeri-negeri di dalam Malaysia ini terbahagi dua dan saya menyebut pula kali ini berteraskan kepada tiga perkara penting bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Di dalam perbelanjaan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan sebanyak \$18.6 billion akan dilaksanakan di dalam tempoh yang tersebut. Daripada sebanyak \$18.6 billion ini, yang pertama \$11 billion Kerajaan meminjam daripada sumber di dalam negeri, yang kedua \$5.6 billion Kerajaan membuat pinjaman daripada pasaran luar dan pinjaman untuk projek yang akan dilaksanakan. Ertinya, Kerajaan memaklumkan susahnyanya dan terpaksa dikeluarkan perbelanjaan yang banyak supaya benar-benar di dalam tempoh yang telah disebutkan tadi dapat Kerajaan membasmi kemiskinan, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat

dan memperkokohkan keselamatan negara. Mudah-mudahan dengan kewangan yang dikeluarkan ini dan dengan tujuan Kerajaan dan pihak rakyat seterusnya kita akan tercapai pada masa yang ditentukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan ini kemungkinan bagi pihak Kerajaan Pusat khususnya dari pihak Kementerian-kementerian tidak menjadi masalah yang besar. Barangkali di negeri pun tidak juga menjadi masalah tetapi apa yang menjadi masalah di dalam pengalaman kami sebagai Wakil-wakil Rakyat di peringkat daerah masing-masing kadang-kadang oleh kerana kekurangan pegawai misalnya ataupun oleh kerana tidak ada kecekapan daripada peringkat, daerah ataupun tidak ada penyusunan yang rapi bagi peringkat daerah. Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan bukan sahaja pentadbiran pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini ditumpukan kepada peringkat pusat, kepada peringkat negeri bahkan di peringkat daerah pun hendak juga dijadikan satu peringkat ataupun satu tempat yang dapat mengawasi pelaksanaan ini dengan sebenar-benarnya. Pada masa ini dari peringkat daerah Pegawai Daerahlah yang bertanggungjawab, di bawahnya ada seorang pegawai pembangunan di peringkat daerah itu yang bertanggungjawab bagi pembangunan daerah masing-masing. Jika sekiranya dalam pelaksanaan yang akan datang kita akan luluskan kelak jika ditambah lagi pegawai, jika tidak disusun dengan begitu kemas lagi, saya bimbang keadaan pegawai kita di peringkat daerah ini akan menjadi masalah besar juga dari segi pelaksanaannya. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji betul-betul apabila sahaja rancangan ini hendak dibawa kepada peringkat-peringkat tersebut hendaklah benar-benar pegawai-pegawai dari peringkat-peringkat daerah ini dapat, boleh ataupun mampu bagi menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan. Jika tidak, hal ini akan menjadi perbualan dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ada salah sebuah Kementerian yang ada pada masa ini, yakni Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang disebut dengan begitu banyak, dengan begitu besar hanya mempunyai 53 orang sahaja pegawai pada masa ini. Ini ertinya jika sekiranya hanya setakat pegawai yang sebanyak ini, saya percaya juga sungguhpun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telahpun membuat jaminan dalam

Dewan ini mengatakan beliau sedang menyusun dalam rancangan lima tahun bagi mengkaji hal-hal yang berlaku ada kaitan dengan Kementerian. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya bukan sahaja Kementerian ini bahkan Kementerian-kementerian lain pun patut Kerajaan mengkaji adakah pegawai-pegawai yang ada di Kementerian-kementerian tersebut boleh ataupun cukup bagi kemampuan negara yang luas ini. Sungguhpun negara kita ini kecil tetapi negara kita telah mempunyai 13 buah negeri dan 13 buah negeri ini ada pula beratus daerah yang duduk di bawah pentadbirannya. Oleh sebab itu kecekapan ataupun bertambahnya pegawai tersangat penting di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, jika tidak, tentulah kegelisahan pegawai-pegawai kita yang ada pada masa ini jika sekiranya mereka tidak diberi peluang menambahkan pegawai khasnya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang kita sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita lebih banyak bercakap kepada sektor awam yang peruntukannya sebanyak \$18,006,000 tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri biasa membuat ucapan mengatakan pihak sektor swasta pun akan mengambil peranan penting juga di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan berjumlah sebanyak \$26,006,000. Ertinya di dalam pelaksanaan ini selain daripada sektor awam, sektor swasta kita jumlahkan berjumlah sebanyak \$45,002,000 yang akan dilaksanakan di dalam negara kita bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan sektor awam dan sektor swasta mengatakan:

"Pentadbiran saya bertujuan untuk mencari perkongsian yang bertanggungjawab dan berkesan dengan sektor swasta supaya bersama-sama mereka matalamat-matalamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai pada tingkat dan dengan cara yang memberi faedah kepada kedua-dua sektor swasta dan negara keseluruhannya."

Ertinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berharap sangat-sangat selain daripada Kerajaan, sektor swasta patutlah memainkan peranan yang penting juga di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan di dalam tujuan bagi Rancangan Malaysia Ketiga iaitu membasmi kemiskinan yang saya

sebutkan tadi, kemiskinan yang ada di dalam negara kita ini ialah orang-orang Melayu berjumlah 65%, orang China berjumlah 26% sahaja dan orang India berjumlah 39%. Ertinya di dalam membasmi kemiskinan ini Kerajaan hendaklah mengutamakan peratus yang paling ramai sekali bagi kaum tersebut dan kaum tersebut ialah kaum Melayu dan kaum Melayu yang disebutkan dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga ini berjumlah 65%. Saya mengalu-alukan Kerajaan di dalam hal ini oleh kerana peruntukan sebanyak 38.2% yang berjumlah \$7,001,000 untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam jumlah penduduk bagi negara kita hanya 25% penduduk berada di dalam bandar dan 75% penduduk berada di luar bandar dan selalu disebutkan keadaan kesesakan di dalam bandar pada masa sekarang. Biasanya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar selalu menyebut di atas kegelisahannya keadaan kesesakan di dalam Bandar Kuala Lumpur ini sendiri. Oleh sebab itu saya mengalu-alukan Lembaga Perancang Keluarga dan mengesyorkan supaya mengambil perhatian eloklah Lembaga Perancang Keluarga ini tumpu betul-betul ke dalam bandar supaya tidak ada kesesakan yang timbul daripada keadaan yang ramai pada masa sekarang. Ini adalah kerana keadaan perkembangan rakyat pada masa ini telah berkembang lebih daripada yang sudah-sudah oleh kerana kecekapan atau kemampuan Kementerian Kesihatan sendiri.

Di dalam tahun 1957 bayi yang mati sebanyak 7.6% sahaja tetapi oleh kerana mempunyai pentadbiran kesihatan yang baik pada tahun 1970 hanya ada 4.1% sahaja. Ini kalau dijumlahkan atau dibanci semula pada tahun 1975 yang akhir ini mungkin keadaan bayi yang mati makin berkurangan. Sungguhpun begitu eloklah Kementerian ini mengambil daya usaha lagi supaya keadaan ini dapat di atasi dengan lebih banyak lagi. Dan yang tertarik hati saya sekali pada tahun 1957 umur rakyat bagi hitung panjang di dalam negara kita ini 55.8 tahun dan pada tahun 1970 telah meningkat 63.5 tahun. Keadaan perkembangan begini mungkin pada masa akan datang ramai rakyat daripada perkembangan yang ada tadi, rakyat lebih ramai umur panjang di dalam negara kita ini oleh kerana keadaan kesihatan kita telah bertambah baik pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati berkenaan dengan pencen bagi mereka yang telah bekerja baik dengan Kerajaan ataupun bukan Kerajaan. Saya mengalu-alukan K.W.S.P. akan dikaji supaya dijadikan pencen pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu bagi mereka yang miskin terutama sekali yang menjadi nelayan yang duduk di pantai-pantai di negara kita ini, mereka ini selalu sahaja gelisah di atas penghidupan mereka oleh kerana mereka bertambah ramai pada masa sekarang. Oleh kerana tidak ada cukup ikan kepada nelayan-nelayan yang ada pada masa ini maka Kerajaan telah berusaha menubuhkan Lembaga Majuikan misalnya, Lembaga Ikan Malaysia pada tahun 1971. Pada tahun 1971 hingga pada tahun 1976 baru lima tahun sahaja Lembaga ini bermula. Tetapi kita sedia maklum pada masa ini Lembaga ini telah bersusah payah bagi menyelesaikan beberapa masalah nelayan yang ada pada masa ini dan saya percaya, saya menyeru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini supaya pada masa yang akan datang akan mengambil perhatian yang lebih lagi di atas perkembangan nelayan yang ada di dalam negara kita. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membasmi kemiskinan, saya tertarik hati berkenaan dengan Hari Koperasi ulang tahun yang ke 54 yang baru diadakan di negara kita dan koperasi negara kita ini telahpun bertindak 54 tahun dahulu. Saya percaya jika sekiranya koperasi ini dapat diselaraskan dengan kehendak Rancangan Malaysia Ketiga, dapat disusun semula supaya dari peringkat murid-murid sekolah bahkan kepada peringkat rakyat yang miskin tadi supaya mengambil peranan menjadi ahli koperasi ini kepada mencapai beberapa rancangan khasnya saham ataupun syarikat ataupun modal dan sebagainya bagi mencapai kepada peringkat-peringkat terutama sekali di peringkat luar bandar. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian sungguh-sungguh kepada pembangunan koperasi ini mudah-mudahan rakyat di luar bandar yang pada masa ini tidak begitu ramai menyertai pihak swasta, yang tidak begitu ramai menyertai hal perniagaan supaya mereka menjadi ahli koperasi dan koperasi mereka pula dapat dimasukkan di dalam lapangan perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan usaha untuk menyusun semula rakyat, kita tahu di dalam negara kita ini penduduknya berjumlah sebanyak lebih kurang 11 juta orang dan rumah yang ada di dalam negara kita ini 1.6 juta. Ini bermakna tiap-tiap sebuah rumah ialah mengandungi seramai 10 orang penghuni di dalam rumah itu. Ertinya keadaan rumah di negara kita ini tidak mencukupi bagi keperluan rakyat keseluruhannya. Saya mengalu-alukan Kementerian berkenaan bagi membangunkan seberapa banyak lagi rumah-rumah untuk rakyat dan saya juga ingin mengalu-alukan kepada satu projek yang dibuat oleh MCA berjumlah sebanyak \$500,000,000 bagi mendirikan rumah-rumah untuk dijual kepada rakyat di dalam negara kita dan saya percaya dalam masa tempoh lima tahun yang akan datang, kemungkinan masaalah kesesakan ataupun masaalah kekurangan rumah telah dapat di atasi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Dasar Ekonomi Baru, ada kaitannya dengan 13hb Mei, 1969. Pada masa itu negara kita diperintah oleh Parti Perikatan dan pada masa sekarang ini negara kita telah diperintah oleh Barisan Nasional pula. Bukan sahaja Rancangan Ekonomi Baru berkembang di atas rancangan apa yang dibuat oleh Kerajaan Perikatan tetapi apabila Perikatan menubuhkan Barisan Nasional pula, kita dapati lebih lagi rancangan bagi perlaksanaan kita khasnya sungguhpun ada pihak-pihak mengatakan Kerajaan tidak mengutamakan kemiskinan, ertinya ada pihak-pihak mengatakan Kerajaan tidak mengutamakan orang-orang Melayu, tetapi saya percaya pada masa yang akan datang ini Kerajaan akan dapat mengatasi dari semasa ke semasa.

Bagi tahun 1975, apa yang saya ingin menyebutkan bagaimana pergolakan di dalam negara kita. Selain daripada itu kita sedang membangun negara kita dengan begitu baik, tetapi di negara kita ada terjadi beberapa kejadian yang kita sendiri tidak begitu ingini. Misalnya, pula tahun 1975 rakyat menggantung diri seramai 418 orang dan pada tahun itu juga rakyat merogol 248 orang dan pada tahun itu juga pengemis, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri mengatakan ada seramai 451 orang dan rasuah pula pada tahun 1975 telah ada kes rasuah sebanyak 94 kes. Sungguhpun apa yang saya sebutkan ini satu berita, kemungkinan yang menjadi kegemparan juga kepada rakyat, tetapi ini pada

pandangan saya ialah satu kejadian yang kecil sahaja yang berlaku di dalam negara kita ini oleh kerana pada tahun 1974 lebih ramai, tetapi pada tahun 1975 kurang, ertinya keadaan problem negara ataupun keadaan di negara kita ini telah berkurangan kejadian-kejadian yang berlaku yang kita tidak ingini di dalam negara kita sendiri. Oleh sebab itu pada pendapat saya disiplinlah yang menjadi keutamaan bagi meneruskan usaha untuk menyusun semula rakyat. Kalau kita tidak mempunyai disiplin yang kuat bagi menyusun semula hal rakyat ini, saya percaya tentulah pada masa yang akan datang kemungkinan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku terus-menerus di dalam negara kita.

Biasanya kita bercakap bagaimana kita hendak menjaga disiplin murid-murid sekolah sahaja dan kita tidak pernah bercakap bagaimana hendak menjaga disiplin selain daripada mereka ini. Misalnya, terdiri daripada pihak-pihak kita sendiri, pihak-pihak ibu bapa sendiri, pihak-pihak pegawai-pegawai Kerajaan sendiri dan pihak-pihak pentadbirnya sendiri. Oleh sebab itu, disiplin ini juga akan menjadi atau sudahpun menjadi perbualan bagi pihak rakyat. Misalnya, kalau pejabat telah ditentukan oleh Kerajaan pada pukul 8.00 dan rakyat biasanya datang belum pukul 8.00 kerana hendak menemui pegawai bagi menyelesaikan masaalahnya sendiri, kadang-kadang masaalah ini tidak dapat diselesaikan kerana pegawai-pegawai ini tidak dapat hadir mengikut masa yang ditetapkan. Ini sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu bagi menjalankan disiplin kepada anak-anak kita diseluruh negara ini dari peringkat kita ini pun hendaklah kita mempunyai disiplin juga bagi memperkukuhkan disiplin tersebut. Ada pihak mengatakan kita hendaklah membuat sesuatu untuk menjadi contoh kepada mereka. Misalnya, sungguhpun kecil ada tempat-tempat yang biasa ditengok oleh rakyat waktu menggantung gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pun didapati ada di setengah-setengah tempat tidak betul cara kedudukannya. Ini pun satu disiplin juga. Kalau perkara ini dianggap perkara kecil bahkan banyak perkara-perkara kecil patut diselidiki supaya tidak lagi timbul masaalah yang boleh merosakkan keadaan-keadaan kita dan keadaan jenerasi kita pada masa akan datang.

Selain daripada itu, dakwah yang telah ada di dalam negara kita ini iaitu perkara yang penting dan saya tertarik hati berkenaan hal ini. Saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya teruskan dakwah bukan sahaja kepada murid-murid sekolah, bukan sahaja kepada orang dewasa, bahkan di mana-mana juga untuk kepentingan rakyat seluruhnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut perkara yang ketiga iaitu memperkukuhkan keselamatan negara yang diperuntukkan sebanyak \$2.2 ribu juta oleh Kerajaan bagi Rancangan Malaysia Ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati berkenaan dengan persidangan ketujuh Mesyuarat Jawatankuasa Awam Sempadan Malaysia/Indonesia yang diadakan semalam di Jogjakarta yakni mengadakan kerjasama dibidang prisik bagi kedua negara. Saya menyokong penuh di atas rancangan Kerajaan ini jika hendak dilaksanakan dan diharapkan bukan sahaja kepada dua negara ini bahkan negara-negara Asean yang kita bersama-sama menjadi ahli kepada negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan hal berkenaan dengan kedudukan Polis Hutan, tetapi oleh sebab masa tidak mengizinkan dalam ucapan saya ini, saya ingin menutup ucapan saya menyeru supaya di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga dapat pada tiap-tiap tahun dikaji oleh Kerajaan dan dapat pula pihak Kerajaan memberi laporan kepada Dewan ini pada tiap-tiap tahun bagi kemajuan Rancangan Malaysia Ketiga ini dan mudah-mudahan apabila rancangan Malaysia Ketiga ini berjalan kelak pada tahun 1980, yang pertama sekali kita benar-benar dapat membasmi kemiskinan, yang kedua dapat mendirikan masyarakat yang telah tersusun dan yang ketiga keselamatan negara tetap kukuh.

5.22 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin yang lalu dan saya menyokong Rancangan Malaysia Ketiga.

Kita bersedia memberi sokongan yang penuh atas rancangan yang tersebut kerana tujuan dan objektif-objektif rancangan ini ada memandang beberapa langkah jika dijalankan semuanya dalam masa beberapa tahun yang akan datang tentu memberi banyak faedah ke semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan ucapan saya, izinkan saya memberi ucapan dalam Bahasa Malaysia bercampur juga dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, kita menerima Rancangan Malaysia Ketiga dengan gembira kerana ini satu dokumen yang penting where we are provided with a fresh conceptual outlook on poverty that moves away from racial affiliations. This is, as a planning concept, by no means a minor contribution, and the Plan is much more meritorious for it. The three thrusts of the policy objectives given under the Third Malaysia Plan give the right focus towards the basic challenges yang kita hendak tentangkan dalam masa yang akan datang. I can request, for instance, for additional allocation for a State like Sarawak from the allocation of \$1.6 billion to more than that. Saya juga boleh meminta keterangan as to the basis of how the allocations are made between State and State. Tetapi saya faham perbelanjaan Kerajaan dan perbelanjaan negara mestilah ada limit. Oleh yang demikian, saya akan bercakap tentang masalah itu, because to me, Sir, the basic modes of the public expenditure allocations enumerated in the Plan, by and large, reflect a realistic priority of what our problems are. We certainly cannot give money because money is not limitless but we have allocated in the Plan 68.3% to economic ventures, out of which 25.5% goes to agriculture, 9.5% to commerce and industry, 15.2% to transportation, 11.6% to utilities. We have also allocated 16.6% to Social Services, 3.2% to General Administration and 11.9% to Security.

I say these figures, Sir, in order to emphasise at the very outset, i.e. we want it very clear and definite in our minds that the Third Malaysia Plan in toto is a well balanced document. It is a realistic framework and blueprint. Our planners in whatever level of Government machinery they operate, deserve the thanks of the people.

Tuan Yang di-Pertua, having said that, it is also fair to remind ourselves that while we can now be proud to have such a well thought out Plan in front of us, it would be a great tragedy if we should prove wanting when it comes to translating this Plan into practical projects, when we have at that stage having our aspirations and our hopes squashed. I have no doubt that the Government and our dedicated band of Civil servants and those in quasi-Government corporations who are engaged in the planning process will be among the first to recognise the importance of this and that, in their recognition, will ensure that steps will be taken to smooth Plan implementation. Priority in this case must always be to ensure that our public servants, above all else, even above the criterion of efficiency, must maintain the highest integrity of performance because if we stain ourselves with a suspicion of conflict of interest, so much will our attempt to implement the Plan before us be less successful.

Tuan Yang di-Pertua, it is in that spirit that we should recall some of the weaknesses and the obstacles in the past so that these can be circumvented in the future. I shall need only to touch on a few examples as many other Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bercakap dahulu daripada saya telah memberi beberapa banyak pandangan yang lain.

First, the Plan requires major private sector participation with a targetted investment of \$26.8 billion. We certainly must welcome the assurance of Y.A.B. Perdana Menteri that a favourable investment climate will be provided for private investment. This assurance is important because in relation to the Second Malaysia Plan performance of the private sector, a target investment of this magnitude during the Third Malaysia Plan looks, at least on the surface, very ambitious.

Nevertheless, such a target is still feasible provided our implementing machinery both at the Federal and the State Level is adequate enough. The attraction of our rich resources and the locational incentive that we provide have unfortunately, in the past, been frustrated by such minor matters as delay in processing applications for the setting-up of industries. There have also been anxiety in the past as to the effectiveness of the steps that were taken to ensure that private sector investment do spread to the less developed areas.

One of the minimum requirements for our private sector to operate would be to ensure that red-tape is reduced to the minimum. This is not a policy, it is implementation procedures at this practical level, and unfortunately it is matters of this nature that often throw all the good policy objectives and plans that we have out of gear.

Secondly, Tuan Yang di-Pertua, performance of the various quasi-Government corporations in the last few years suggest the need for a closer look at their performance level. Voices have expressed concern particularly as the various corporations are charged with the important responsibility of correcting imbalances in commercial and business activities. These practical shortcomings at the implementation levels of the Second Malaysia Plan will likely continue to exist unless we are forewarned and consider steps to minimise their recurrence.

One suggestion, Mr Speaker, Sir, is that the Government should consider a high level monitoring unit independent of these various bodies whose function it will be to keep constant review of their performance both at the Federal and, very important, at the State Level.

Thirdly, Tuan Yang di-Pertua, a major attempt at poverty eradication programmes centres on agricultural projects. It is my view that this is a right focus, because poverty issues and the majority of those in the poverty line happen to be within the agricultural sector. What we need to ensure is that provision under the agricultural allocation do in fact penetrate and filtrate to the farmers themselves. This is no easy task.

I can give examples pertaining to the State that I know best. In a place like Sarawak there have been provision for subsidy schemes for various agricultural projects, be it rubber or pepper, but when the time comes and farmers come to get the fertilisers, there are no fertilisers available. I know that in the Third Malaysia Plan there are two strategies in agricultural development; where there is a substantial supply of land available in each State, the concentration is for land settlement schemes. This is true in the case of places like Sarawak. In areas where land is not so plentiful then the concentration is what the Plan terms *in situ* agricultural development.

Whereas land settlement scheme is a very important concept, but unless it is implemented in the right spirit, in the right way, there is always the danger that the money allocated to the bodies responsible for implementing land settlement schemes might not find itself direct to the farmers that we are supposed to look after. But, in addition to provision of those schemes and complementary to them, it would also be necessary for the Government to consider other less ambitious projects, projects like more subsidies on fertilisers and to make sure that fertilisers are received and available in time; also projects such as providing marketing and credit facilities. In most instances, these are totally lacking but in a place where transportation and infrastructure facilities are very minimum, then the most important factor, to my mind, Tuan Yang di-Pertua, is that we should concentrate towards provision of minor feeder and rural roads because the farmers themselves are hard working people and they do not need to be told that they have to work. What they want is the opportunity to work; and they can market their produce in the easiest possible way.

Having touched on that, Sir, the Third Malaysia Plan must be recognised as one segment of our approach towards the achievement of the New Economic Policy and the overriding objective of that policy is National Unity.

The Third Malaysia Plan correctly concentrates on the three thrusts towards the objective of eradication of poverty, restructuring of society and the strengthening of national security.

I should like to discuss another aspect, and for want of a better phrase, I might term it as integration as between States and States and between the Centre and the various States. This has particular relevance to the States of Sarawak and Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, since Merdeka (Malaysia Day), we have moved closer and closer towards a better understanding of Malaysia and the process of closer integration within the context of Malaysian Agreement must be continued. We have moved a long way in the right path. Sarawak and Sabah have lately opted to accept the national system of education. We have dispensed with the distinction of calling West Malaysia and

East Malaysia. We have discussed, sometime last week in this Dewan, amendments to the Federal Constitution, part of the provision of which serves the move towards better integration. We have already harmonised our taxation system. We should, however, also examine what other minor obstacles, if there are any, that still exist in the way of better integration so that the feeling of national unity becomes more real and more meaningful. One of the implications of equal taxation has always been the provision of equal services and it is useful if we should also work towards ensuring that the two States are provided with equal services as generally applicable to other States in Semenanjung Malaysia.

Let us examine a few examples, Sir. The practical aspect of actually paying for double duty on items imported from Semenanjung to Sabah and Sarawak. Malaysia is divided into three Customs areas—Semenanjung, Sabah and Sarawak. I know that goods imported from abroad direct to any of the three Customs areas will be taxed once, but if a Sarawak or a Sabah businessman imports textiles from a Kuala Lumpur merchant, the chances are that the final consumer in Sarawak or Sabah will have to pay a price tag that includes, among other things, an element of double import duty in addition to extra freight. The official explanation is that this need not be so if the Sarawak or Sabah importer is able to show the certificate of Origin for the goods, but the point, Sir, is, it is the ordinary consumer that bears the brunt of the system. While it is infuriating to have to pay the additional cost for such goods, we should, I suggest, look at this problem and the issue in a wider perspective than mere dollars and cents. Psychological connotations such a practice apply on the minds of men and women in the street might lead them to questioning as to "are we really in the same nation?"

Frankly, I can't see any rationale for maintaining or for continuing with this practice. The Customs and Excise matters are Federal subjects and this is certainly one colonial remnant that should be dispensed with and instead have a common Customs Area applicable to all areas of Malaysia. No doubt, there will be enforcement difficulty for goods—for instance, transshipment from Singapore—but I have no doubt that our customs men and our Treasury "boys" have

sufficient ingenuity to take care of any such difficulty. In any case, the obvious psychological merit it has on national unity will be tremendous when Sarawakians and Sabahans returning from Kuala Lumpur are no longer required to unlock their suitcases at Kuching or Kota Kinabalu Airport.

A minor example again, Tuan Yang di-Pertua, one cannot send a local money order between Sarawak and Semenanjung. If a parent wants to send some pocket money to his son who is studying in Kuala Lumpur, he will have to buy an international postal order. This will likely be sent by ship which can take more than two weeks. The inconvenience, Sir, is very obvious but, again, for the time being, let us forget about the inconvenience. It is the wider implication that is disturbing if it is left to continue. We treat areas within the same country and the same nation as a foreign and separate entity.

As a State, Sarawak produces a reasonable quantity of petroleum with production at about 100,000 barrels per day in 1975 and for this year at about 120,000 barrels per day, but the consumers in Sarawak, Sir, pay more than their Peninsular counterparts for the petroleum they need and the price was recently increased as at June 23, 1976. The present retail price in Kuching for one imperial gallon premium gasoline is \$3.35, regular gasoline \$2.91, diesel oil \$1.23, kerosene 82 cents. Those are Kuching prices. Prices up-country are very much higher than these.

Now, the effects of such a high price of petroleum are obvious. Two comes immediately to mind. One, there might be attempts at adulterating the product. Secondly, because of relatively low price of kerosene, urban industry will switch to kerosene for their power requirement and cause acute kerosene shortages in all parts of Sarawak, particularly in the rural areas.

Another example, Sir, is the way that the public media has presented some of the things that relate to Sarawak. For instance, there is no doubt that we in Sarawak are very grateful for the allocation of \$1.6 billion to Sarawak in the Third Malaysia Plan, but to emphasise this, that this is a generosity on the part of the Federal Treasury begs the question as to the sources of the fund and the contribution derived from State based

resources. After all, most revenue items go direct to the Federal Treasury except for timber royalty and land. Those Federal matters are allotted to the State. But let us forget about those items of revenue. We need only to consider about trade movement.

Imports to Sarawak from Peninsular Malaysia in 1974—\$319.13 million; 1975—\$318.47 million.

Sarawak exports to Peninsular Malaysia: 1974—\$130.43 million; 1975—\$150.74 million.

Now, clearly, on this basis, the balance of trade is definitely in favour of Peninsular Malaysia, but, Tuan Yang di-Pertua, my point is that an exercise of this nature is hardly conducive to better integration. In other words, it is preferable if we refrain from attempting to create a picture of benevolence because such an attempt tends to be counter-productive. It is enough that we must concern ourselves that Malaysia must stand or fall together as a single, united and national entity and if there are still in existence minor impediments towards that achievement and objective, we ought to consider reviewing them. All the examples that I have enumerated are in themselves and individually, mean very little, but if we consider them in toto and cumulatively and if we allow them to continue, they might act as termites and keep on nibbling at our foundations.

Tuan Yang di-Pertua, I won't be speaking much longer except to emphasise again that the Third Malaysia Plan as a Plan is a well-balanced document and it needs the support of everyone of us here. Our main concern, Sir, is to see that our implementing machinery during the next five years will be able and capable to execute the function required of it.

5.45 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berdiri berucap sambil menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Sebenarnya, rakyat di seluruh pelusuk negara kita sedang tertunggutunggu, bilakah Rancangan Malaysia Ketiga ini dilancarkan dan bermula, kerana segala janji-janji yang akan dinikmati oleh rakyat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah

luas seperti telah dibuka dengan luasnya dalam sebaran am negara kita. Setahun sebelum Rancangan Malaysia Ketiga ini dilancarkan rahsianya telahpun rakyat mendapati melalui ucapan-ucapan Menteri-menteri di sana-sini. Saya harap segala janji-janji itu akan membawa tuah kepada rakyat. Rancangan Malaysia Ketiga ini tidaklah menjadi rahsia kepada rakyat jelata sebelum ia lahir, sungguhpun pada detailnya tidak tahu rahsianya tetapi pada dasarnya, jumlah wang yang akan dibelanjakan oleh sesuatu Kementerian itu telah dihuraikan terlebih dahulu oleh orang-orang Kabinet juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan rakyat telah dapat banyak pengalaman dalam masa menjalankan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua. Kita berharap segala pengalaman, pahit-manis, semasa menjalankan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua itu tidak diulangi. Segala kegagalan dan kebuntuan sewaktu dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua itu menjadi penuh pengertian kepada Kerajaan dan pegawainya. Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, segala rancangan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan adalah mengikut sesuka hatinya, bukan mengikut aspirasi dan kehendak rakyat di satu-satu tempat, kerana dalam rancangan yang lepas ada didapati beberapa kerugian, di pihak rakyat dan juga pihak Kerajaan. Dibinanya Balai Polis di Pulau Manampilik tetapi tidak ada bayangan Polis pun diletakkan di situ. Ini satu kelalaian besar dan tamparan hebat kepada pihak Kementerian yang berkenaan. Bagi rakyat di sebelah sana, apa yang diharapkan, tempat yang lebih strategik, yang berkehendakkan Balai Polis ialah di Pulau Danawan—di sini terdapat tiga sempadan perairan iaitu Philippine, Indonesia dan Malaysia. Di Pulau inilah yang berkehendakkan sangat sebuah post Polis dan di tempat inilah orang keluar-masuk. Keadaan rumah doktor pun, Tuan Yang di-Pertua, adalah dibina dengan keadaan lucu. Kerana ada didapati rumah dibina tetapi tidak ada doktor, seperti di Lahat Datu, ada doktor tidak ada rumah dan di Semporna ada rumah tidak ada doktor. Jadi, kalau sekiranya ini berlaku dengan jaminan bertalu-talu dalam Dewan ini akan diperbaiki keadaan kesihatan, sungguh malang sekali keadaan rakyat di sana, cuma dapat janji sahaja. Saya harap keadaan yang tempang ini janganlah diulangi dan patut segera dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan bot-bot Polis di Sabah, lebih-lebih lagi di sebelah Pantai Timor seperti Tawau, Semporna, Kunak dan Lahat Datu, sangat-sangat dikehendaki perkhidmatannya. Dengan adanya bot-bot ini bolehlah memberi jaminan keselamatan rakyat di sana daripada dilanda kemalangan yang tidak diingini. Sebenarnya, jaminan oleh Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini tidak membawa apa-apa daulat atau kesan. Bot-bot Polis peronda yang ada di sana itu semakin hari semakin tua dan uzur dengan tidak mendapat apa-apa layanan langsung. Bot-bot peronda ini kebanyakannya tidak ekonomik dan selalu rosak sebelum perjalanan, tengah perjalanan ataupun tidak boleh digunakan langsung. Saya harap segala kata-kata yang dilafazkan dalam Dewan yang mulia ini hendaklah dimuliakan dan jangan segala janji itu akan membawa akibat.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah satu perkara "top priority" dalam negara kita ini. Boleh dikatakan rakyat di Semenanjung ini hampir semua boleh menulis dan membaca. Ini terpaksa kita memberi sekuntum bunga rakyat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, dengan usahanya yang cergas, hendak memenuhi cita-cita rakyat. Dalam pada itu, saya suka kiranya Yang Amat Berhormat dapat melihat keadaan persekolahan rakyat di sebelah Sabah yang sangat-sangat mengecewakan. Sekolah-sekolah kebangsaan yang dikunjungi oleh anak-anak Melayu, bangunannya sangat menyedihkan, tidak semacam sekolah-sekolah Inggeris Kerajaan.

Kalau hendak membuat sekolah biarlah tengok tempat yang sesuai, kerana didapati sekolah-sekolah dibina dengan kemudahan yang serba-serbi tidak cukup, sehinggalah bekalan air dan api pun tidak ada. Memang banyak dikehendaki dibina untuk kemudahan rakyat tetapi biarlah tempat yang sesuai dibina. Inilah seperti yang saya katakan tadi, segala projek rakyat ditaja oleh pegawai-pegawai Kerajaan sendiri dengan tidak mengikut selera dan rakyat berkehendakkan, cuma pandai-pandai sendiri sahaja. Kalau projek itu berjaya pegawai Kerajaan itu akan menepok dada mengatakan dia yang bijak daripada sesiapa, tetapi kalau tempat itu tidak berjaya dicarinya Wakil Rakyat seperti kita untuk

membetulnya. Saya harap buat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini segala projek-projek yang ditaja untuk rakyat dalam kawasanya hendaklah ada koordinasi dengan Wakil-wakil Rakyat terutama sekali wakil Barisan Nasional.

Mengenai tentera kita pula, kita semua tahu mereka ini bertungkus-lumus siang malam hendak menegaskan kedaulatan negara kita yang merdeka ini. Keadaan tempat tinggalnya hendaklah disempurnakan, kalau tidak dapat hendak memuaskan. Apa yang didapati di tempat saya keadaan tempat tinggal tentera kita itu sangat menyedihkan. Rumahnya sudah buruk, tanahnya pula dipunyai oleh private, bekalan air dan api tidak ada, jalan pula sangat mengeciwakan hati melihat keadaannya, maka Kerajaan hendaklah berikhtiar supaya kedudukan tempat tinggal mereka ini selesa daripada yang ada sekarang. Kita tidak hendak tentera kita ini bertugas dengan hati yang kusut mengenangkan hal keadaan tempat tinggalnya yang menyedihkan.

Mengenai jalan raya Tawau, Semporna, Kunak dan Lahat Datu, Tuan Yang di-Pertua, daripada dahulu sehingga masuk Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak ada perubahan pembinaannya. Satu cara progress pembinaannya hendaklah ditunjukkan. Apa yang didapati sekarang, kerja-kerja pembaikan lebih banyak daripada pembinaan. Parit di sepanjang jalan itu hendaklah dibina dengan segera supaya dapat disalurkan air apabila waktu hujan dan tidak merosakkan jalan. Ini apa yang didapati apabila hujan turun satu jam, kerja-kerja pembaikan jalan dibuat seminggu—sepanjang tahun nampaknya hanya membuat kerja merempair sahaja dengan tidak sudah-sudah. Satu chart progress mengatur jalan hendaklah ditunjukkan dari semasa ke semasa. Kerap kali jentera-jentera yang membuat jalan itu dihantar yang second-hand tua dan uzur. Apabila rosak susah hendak mendapat spare parts dan keadaan jalan itu semakin buruk apabila jentera-jentera itu tidak dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Kerajaan menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah ditumpukan kepada kawasan bumiputra yang mundur, yang belum dapat menikmati lagi rancangan-rancangan Malaysia yang lepas. Di Sabah keadaan orang-orang seperti saya, lebih banyak lagi yang belum menikmati kenikmatannya. Saya

harap dengan adanya jaminan Perdana Menteri maka banyak para Menteri kita akan berkunjung ke sana lebih kerap supaya dapat tahu dengan mata kepala sendiri perkara-perkara yang belum dinikmati oleh rakyat di sana semenjak Rancangan Malaysia Pertama dan apakah kepincangan-kepincangan projek-projek yang lalu supaya tidak diulangi berlaku kesilapan dan kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Rancangan Malaysia ini ditaja, di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana, kita lihat telah nampak berubah. Perubahan-perubahan itu ada yang ternampak oleh saya lebih membazir daripada berjimat. Apa yang saya dapati hendak menghantar surat pun terpaksa dengan kereta Mercedes yang air-conditioned. Kita tahu dengan adanya Rancangan Malaysia ini negara makmur tapi janganlah sampai begitu sekali mewah keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Rancangan Malaysia Ketiga ini.

5.55 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang baru dilancarkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidaklah syak lagi bahawa rancangan ini merupakan satu daripada rancangan mengisi kemerdekaan bagi negara kita, kerana selepas kita merdeka selama 18 tahun dahulu, rakyat masih menderita kerana begitu lama di bawah penjajahan. Jadi, dengan adanya rancangan demi rancangan dan sekarang masuk kepada Rancangan Malaysia Ketiga, maka menunjukkan betapa azam yang kuat dari Kerajaan kita untuk menolong rakyat, terutama sekali rakyat di luar bandar mendapat perubahan hidup untuk menghilangkan penderitaan kemiskinannya supaya menjadi apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat itu, sebuah negara yang makmur dan mewah, tidak lain bahawa rancangan ini ialah menyambung atau juga boleh dikatakan mengisi Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru sudah 10 tahun berjalan tetapi kalau mengikut kajian masih belum tercapai kepada matlamat yang sebenarnya, sebagaimana yang diakui dalam Buku RMT ini.

Pertama sekali, rakyat di luar bandar 65% rakyat bumiputra atau umumnya di Malaysia dalam kemiskinan. Kalau kita

kaji bahawa apakah sebab kemiskinan ini berlaku begitu hebat di kalangan orang di luar bandar, nyatalah mereka tidak dapat kemewahan hidup yang berpunca daripada wang, kerana kalau kita kaji kewangan semuanya bertumpu ke dalam bandar yang menyebabkan orang bukan Melayu atau bumiputra yang hidup di bandar atau dekat dengan bandar mendapat segala kemudahan dan segala kemewahan yang berpunca daripada kewangan. Jadi, amatlah wajar kalau Rancangan Malaysia Ketiga ini terus membasmi kemiskinan dengan menyusun masyarakat baru dan ditambah lagi dengan satu dasar pertahanan negara mengenai keselamatan.

Bercakap mengenai kemiskinan ini seperti yang saya katakan tadi amatlah menyedihkan kerana 65% atau kira-kira $3\frac{1}{2}$ juta orang-orang Melayu masih hidup dalam kemiskinan, sebab-sebabnya seperti saya katakan tadi berpunca daripada kewangan kerana punca kewangan yang terbesar sekali di bandar ialah dalam perniagaan yang berhubung dengan saham, belian saham, jual-beli saham kerana hasil negara kita kebanyakan tertumpu kepada perniagaan. Dan sebagaimana yang kita nampak dalam penyata ini bahawa dalam industri orang Melayu cuma 2.3% dan bukan Melayu 90% lebih mendapati kekayaan daripada industri dan perusahaan. Malangnya, orang Melayu di luar bandar dalam bahagian pertanian; itulah yang agak lebih sedikit itu-pun kebanyakannya belum ada pertanian yang moden.

Jadi dalam membasmi kemiskinan ini Kerajaan haruslah mengkaji akar umbinya mengapa masih terdapat rakyat di luar bandar begitu ramai dalam kemiskinan lagi. Kalau sekiranya tidak dikaji daripada akar umbinya bagaimana mereka hidup, bagaimana mereka mengerjakan tanah, bagaimana hasilnya dijual, apakah pendapatan hasil daripada titik peluhnya sepadan dengan kerja-kerjanya, dengan pendapatannya, dan bagaimanakah keadaan pemasaran yang berjalan dan bagaimana halangan-halangan yang terdapat kepada petani-petani kita di luar bandar walaupun kita mencurahkan hampir-hampir 36 peratus daripada wang kita ke luar bandar tetapi masih terdapat kemiskinan sebab Kerajaan belum mengkaji secara mendalam mengapa, dari mana timbul punca-punca kemiskinan ini yang sebenarnya. Seperti saya katakan tadi punca kewangan yang besar, kemewahan yang besar ialah di bandar

dalam industri dan dengan sebab itu satu kewajipan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini bahawa hendaklah Kerajaan membawa atau memasukkan orang Melayu seberapa banyak dalam perusahaan dan industri, bukan setakat 30 peratus seperti yang dikatakan itu. Kalau mengikut keadaan sekarang tidak berapa peratus yang boleh, kerana daripada punca industri itulah yang memproses semua hasil negara, iaitu daripada penjualan saham dan siapa yang menikmati saham sekarang? Kita sebut 'Stock Exchange', punca kewangan kekayaan yang paling besar di tanahair kita, semenjak di bawah penjajahan sampai sekarang, siapa yang menguasai 'Stock Exchange'. Hanya satu kaum yang terbesar. Jadi merekalah yang mendapat punca kekayaan di tanahair kita yang besar sekali. Mengapa ini tidak dikaji oleh Kerajaan. Ini yang dikatakan bahawa ekonomi yang tidak seimbang, pengecapan kemakmuran yang tidak seimbang. Satu pihak orang lain mendapat kemakmuran sewenang-wenangnya, orang lain satu pihak lagi masih tidak dapat merasai nikmat hasil negaranya sendiri yang diproses.

Saya tahu barangkali ini warisan daripada penjajahan, sebab penjajahan dia hendak untung besar, dia cari seberapa orang yang boleh terutama sekali yang datang daripada luar dahulu dan anak negeri ditinggalkan. Tetapi setelah kita merdeka daripada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, sekarang masuk Ketiga, melancarkan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan hendak membasmi kemiskinan dan mengubah corak masyarakat, sudah sepatutnya sekarang Kerajaan mengkaji balik dasar 'Stock Exchange' yang berlaku di tanahair kita. Jangan dibiarkan hanya satu kaum sahaja merasai nikmat ini. Kita terasa benar kadang-kadang orang-orang Melayu tidak dapat hendak masuk menyertai dalam Stock Exchange. Kadang-kadang kita hendak membeli share pun susah. Share yang dibeli setengah-setengah perniagaan itu apabila MARA mengambil share, konon-kononnya dia mengatakan itulah share orang Melayu dan orang Melayu lain tidak boleh beli lagi share sebab MARA sudah beli, PERNAS sudah beli. Tetapi orang-orang yang kaya terus membuat kekayaannya taukeh-taukeh lombong, taukeh balak yang banyak wang itu terus membeli share dan dapat. Jadi, inilah menyebabkan mereka menjadi kaya lebih cepat dan hari ini barulah kita terasa bahawa share atau saham orang Melayu bumiputra hanyalah 2.4 peratus sahaja. 2.4 peratus dari

tahun 1970 dan Kerajaan ingin merancangkan sampai ke tahun 1980—16 peratus yang ditulis dalam buku ini hendak sampai ke tahun 1990—30 peratus. Ini senang kita tulis dalam buku, tetapi rancangannya, yang terjadinya, tidak tahu. Dan punca share saham besar yang kita hendak beli 30 peratus itu ialah daripada share-share penjualan saham (stock exchange). Kalau semua penjualan saham yang berlaku di tanahair kita hari ini dikawal dan dicontrol oleh satu puak kaum sahaja yang terbesar, maka selama itu, saya yakin dasar hendak menaikkan saham orang Melayu kepada 30 peratus tak akan berhasil. Perkara ini bukan mustahil boleh dibuat. Semua bangsa di tanahair kita, semua kaum mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru hendak memberi sama kemakmuran negara, tidak akan siapa boleh membantah kalau Kerajaan mengkaji semula bagaimana Stock Exchange di tanahair kita ini berjalan sekarang.

Hasil getah yang selama ini kita tahu beberapa banyak ada selok-belok yang tidak menyenangkan dapat kita perbaiki, stok hasil bijih dapat kita baiki, hasil kelapa sawit dapat kita baiki, hasil timah, bijih dapat kita baiki dan beberapa banyak lagi Kerajaan baiki, baiki, baiki untuk mensesuaian dengan Dasar Ekonomi Baru. Takkan Stock Exchange kita tidak boleh perbaiki, kerana ini bukan pusaka kepada hanya satu kaum sahaja yang mempunyai saham ini. Dari sebab itu peraturannya, cara penjualannya dan cara controlnya patutlah Kerajaan ambil tahu. Kalau boleh Kerajaan membuat satu Akta yang baru bagaimana perjalanan Stock Exchange di tanahair kita supaya semua kaum dapat menikmati hasil dan kalau boleh untuk menolong memperbaiki saham orang-orang Melayu atau memperbaiki kemiskinan melalui saham ini, Kerajaan membuatkan satu Stock Exchange khas untuk orang Melayu sendiri, melatih orang Melayu bermain-main dengan Stock Exchange sendiri supaya dapat share Melayu boleh dijual, dibeli dan begitu begini. Selama hari ini orang Melayu tidak ada pengetahuan langsung, ditutup langsung pengetahuannya kepada Stock Exchange, padahal Stock Exchange inilah punca kekayaan tanahair yang paling besar. Semua kekayaan kita hidup berkumpul di sini melalui industri dan dijual kepada orang ramai. Jadi saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini dan inilah barangkali satu cara yang boleh menaikkan saham orang Melayu sampai

kepada 30 peratus. Kalau sekiranya kita tidak memperbaiki keadaan ini saya percaya kita tidak akan berjaya. Kerana seolah-olahnya satu kaum lain memikirkan bahawa Stock Exchange itu dia punya, orang Melayu tidak boleh campur-tangan, tidak boleh merasai nikmat, tahan, blok, pagar dengan segala cara yang boleh. Dengan sebab itu kita sendiri terasa bagaimana jauh kedudukan ekonomi Melayu dari segi saham berbanding dengan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan Rancangan Malaysia Kedua dahulu yang berdasarkan Dasar Ekonomi Baru telah memberi banyak perubahan kepada masyarakat orang-orang kita terutama rakyat di luar bandar, umpamanya masaalah pengangkutan dapat diselesaikan begitu rendah sekali peratusnya, masaalah mendapat bekalan air paip, masaalah bekalan letrik dan juga sekolah-sekolah, kelinik, pusat kesihatan dan lain-lain. Ini patut kita beri tahniah kepada Kerajaan kita yang dapat menyusun semula masyarakat. Inilah contoh yang saya katakan tadi maknanya apabila Kerajaan mengambil tahu dengan secara mendalam dan menyusun semula maka perubahan kepada satu masyarakat lain dapat ditimbulkan, umpamanya dari segi pelajaran, yang begitu berjaya oleh sebab Kerajaan mengambilalih cara peraturan memasuki sekolah menengah, masuk ke kelas Sains dan masuk ke Universiti. Sekarang baru kita boleh melihat bahawa orang-orang Melayu boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Umpamanya, dari jurusan sastra, pengajian tinggi dan juga sedikit-sedikit berkenaan dengan sains, tetapi sedih dalam bahagian sains masih ketinggalan jauh. Sebelum kita merdeka ataupun awal kita merdeka 15 tahun dahulu, orang Melayu cuma 10%-15% dalam universiti. Tetapi hari ini kita dapat melihat umpamanya dalam jurusan sastera kita sudah ada 50%-60%, sama. Begitu juga dalam bahagian lain hitung panjang 50%-55%. Mengapa kita boleh buat perubahan ini. Sebab, diubah peraturannya, yang mahu Kerajaan mengkaji dengan cara mendalam mengapa anak-anak Melayu dahulu tidak boleh masuk kelas sains. Diubah peraturannya. Dahulu kalau hendak masuk kelas sains dari peringkat LCE di control oleh Principal. Saya suka Dewan ini mengetahui; kalau Principal itu orang bukan Melayu, maka anak Melayu itu dihalau tidak payah masuk kelas sains. Tetapi peraturan ini diubah. Kerajaan campur tangan dan Lembaga Peperiksaan ambilalih tidak lagi diberi

kuasa kepada Principal, tetapi diberi kuasa kepada Kementerian Pelajaran. Siapa juga boleh masuk kelas sains, dipadankan daripada markah yang didapati. Barulah kita melihat anak Melayu boleh belajar di kelas sains. Barulah kita boleh melihat anak Melayu boleh mengetuk pintu sains di universiti. Barulah kita boleh melihat ada anak Melayu yang boleh mengatasi semua sekali penuntut sains di New Zealand, kerana peraturan ini diubah, dan begitulah pula dalam tempat lain. Tetapi apa yang menyedihkan sekali di dalam bahagian sains umpamanya yang sangat-sangat tidak puashati iaitu dalam tahun 1970, Sains Pendidikan, Sains Gunaan, anak Melayu cuma 188 orang dan yang bukan Melayu 1,222 orang. Tidak sampai 10%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1975 barulah nampak perubahan, 279 Melayu dan 2,000 yang bukan Melayu, naik sedikit. Dan saya harap Rancangan Malaysia Ketiga ini dari segi pelajaran hendaklah Kerajaan menumpukan sebenar-benarnya supaya anak-anak bumiputra seimbang duduk di kelas sains. Kita tidak mahu dengar lagi 10%-15%, tetapi mesti seimbang. Tetapi apa yang terjadi pada tahun yang lepas, kelas-kelas Sains, anak Melayu di peringkat SPM dan STP masih hanya 10% kelulusannya. Sampai bila boleh memenuhi quota di universiti, 50%. Ini pun saya percaya bahawa ada sesuatu gejala atau sesuatu kesalahan yang berlaku dalam keadaan ini, yang patut Kementerian Pelajaran menyiasat akar umbinya mengapa anak-anak Melayu di bangku sekolah peringkat STP begitu rendah kelulusan sainsnya. Saya tidak hendak menuduh ini satu diskriminasi perkauman. Tetapi patut disiasat dari segi gurunya, dari segi pelajarannya, dari segi alat perkakasnya, dari segi kelasnya, sekolah-sekolahnya, buku-bukunya; boleh kita nampak. Saya pernah terdengar bahawa Sekolah Menengah Sains Melayu di bandar Kuala Lumpur, beberapa bulan belum dapat lagi alat perkakas daripada Kementerian. Berapa jauh Kuala Lumpur dengan Kementerian Pelajaran. Tidak sampai suku batu. Guru Besar masih bersungut mana dia perkakas; sudah minta beberapa kali, tidak sampai-sampai, oleh sebab di kelas sains itu anak-anak Melayu yang belajar. Tetapi di sekolah lain semua sudah disiapkan. Ini pun merupakan satu gejala buruk yang akan menyebabkan budak-budak itu lemah dalam pelajaran sains. Dan sains inilah punca yang kita hendak mengejar semua sekali peringkat kemajuan, terutama sekali dalam zaman sains

dan teknologi. Sastera orang sudah tidak pakai lagi, tetapi sains dan teknologi. Kita termasuk negara minyak, negara industri yang paling hebat. Kemajuan, kemahiran, semua penuntut sains yang hendak digunakan. Kalau sekiranya anak-anak Melayu lemah dalam pengajian sains walaupun beberapa jenis dasar Rancangan Malaysia kita ini, empat lima tahun akan datang kita akan melihat penuntut Melayu dalam 10% itulah sahaja, tidak lebih. Ini satu hakikat yang tidak boleh dinafikan mengenai pelajaran, sebab pelajaran ini boleh menyelesaikan segala-galanya masalah yang kita sungutkan hari ini—masalah kemiskinan, masalah penyusunan semula masyarakat, masalah tidak adil di dalam industri, semuanya berpunca kepada sekolah. Kalau sekiranya jenerasi kita yang akan datang kita jaga dari segi bahawa keluar daripada kelas sains itu seimbang dan mereka boleh mencari sendiri di mana firma atau mana-mana kilang boleh bekerja baik di dalam jurusan manapun atau hendak pergi bekerja keluar negeri pun adalah berpunca daripada pelajaran. Dan kalau sekiranya pengisian kelas sains itu anak Melayu masih ketinggalan daripada sekarang tidak syak lagi bahawa mereka akan melihat sahaja orang lain mengecapi nikmat hasil industri minyak kita yang begitu besar, sebab tidak ada orang Melayu yang kita boleh hantar pergi berlatih dalam teknologi minyak dan sebagainya.

Jadi, inilah yang saya memberatkan masalah pelajaran supaya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan tidak ragu-ragu hendak menambah lebih lagi daripada apa yang telah diberi kepada Kementerian Pelajaran hampir satu billion lebih di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai cara menyusun semula masyarakat, saya juga menyokong sedikit sebanyak Dasar Ekonomi Baru telah memberi kesan kepada kita. Dan Rancangan Malaysia Kedua telah memberi kesan bagaimana cara masyarakat kita dapat diperbaiki, kerana selama ini sebelum ada Dasar Ekonomi Baru hanya satu kaum sahaja menganggapkan bahawa dia boleh monopoli dalam perniagaan. Orang lain tidak boleh berniaga. Tetapi sekarang perlahan-lahan jentera Dasar Ekonomi Baru dapat berjalan mengalih sedikit-sedikit pandangan orang Melayu boleh mengambil bahagian dalam perniagaan, boleh masuk bidang industri, boleh bekerja dalam bank, dalam itu dan ini. Inipun semua berdasarkan

kepada campurtangan Kerajaan dalam mengkaji sedalam-dalamnya hal keadaan penyusunan masyarakat. Serupa juga seperti yang saya sebutkan berkenaan dengan saham tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi perjalanan hendak mengejar perimbangan ini, saya rasa kalau tidak digandakan lagi, tidak juga akan terkejar. Sebab ialah ibaratnya orang bumiputra ini berjalan dengan kereta lembu. Orang lain sudah berjalan dengan motokar 50-60 batu sejam. Inilah ibaratnya. Dan kalau Kerajaan betul-betul hendak menjalankan perimbangan yang sama maka kereta lembu ini mesti kita betulkan walaupun dengan berapa banyak wang. Kalau perlu diganti dengan jentera, ganti sama-sama dengan motokar. Dan orang lain janganlah memikirkan bahawa oleh kerana Kerajaan membetulkan kereta lembu ini maka Kerajaan sudah membuat satu kesalahan. Ini yang berlaku sekarang dalam negara kita. Apabila Kerajaan memberi perhatian yang besar kepada orang Melayu hendak membuat perimbangan masyarakat, maka dituduh Kerajaan sudah tidak adil, dituduh Kerajaan berat sebelah terutama sekali suara-suara pembangkang yang ada di sini. Apabila Kerajaan memberikan lebih sedikit kepada orang Melayu mereka akan berkata bahawa Kerajaan tidak adil; beri kepada orang Melayu banyak. Dasar Ekonomi Baru kita telah menjadi bukti bagaimana banyak suara dari pembangkang yang kita dengar; berapa banyak suara dari yang bukan Melayu yang kita dengar maka Dasar Ekonomi Baru itu hanya menolong 100% orang Melayu, hendak meninggalkan orang bukan Melayu, hendak memberi semua hasil negeri ini kepada orang Melayu. Ini kita dengar dengan telinga dan kita nampak dengan mata. Oleh sebab itu, dalam keadaan saya rasa bukan sahaja Rancangan Kerajaan, Rancangan dalam Buku Malaysia Ketiga, tetapi setiap orang rakyat terutama sekali orang yang bukan Melayu mestilah ada satu pandangan dan perubahan sikap terhadap rancangan ini. Bukan hanya bercakap semata-mata menyokong. Mesti berubah sikap terhadap memasukkan orang Melayu dalam perniagaan. Apakah kalau orang Melayu mencampuri perniagaan maknanya merampas hak orang yang bukan Melayu. Ini yang kita dengar. Kalau orang Melayu mengambil bahagian lebih, atau Kerajaan menolong orang Melayu di dalam perniagaan, maka orang bukan Melayu sudah ketakutan. Kononnya, orang

Melayu hendak mengambil hak mereka. Selama Dasar Ekonomi Baru berjalan lima tahun saya minta tunjukkan bukti mana satu kedai orang bukan Melayu yang diambil oleh Kerajaan dan diberi kepada orang bukan Melayu.

Hatta kedai kecil, hatta penjaja, stall, mana ada satu tempat kepunyaan orang yang bukan Melayu diberi kepada orang Melayu. Apa lagi kedai yang besar-besar. Bahkan yang kita lihat orang yang bukan Melayulah yang duduk dengan lebih kemewahan, yang mendapat lebih kemewahan dalam bangunan yang tinggi-tinggi. Tetapi orang Melayu tidak pernah menyebut itu semua. Orang Melayu tidak pernah bersungguh, sebab itu saya minta orang bukan Melayu mengubah sikap. Kalau dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ada diuntukkan wang yang lebih sedikit kepada luar bandar itupun, Tuan Yang di-Pertua, janganlah menyangkakan bahawa Kerajaan berat sebelah. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa kali dalam suratkhabar telah menegaskan Rancangan Malaysia Ketiga bukannya hendak menolong satu-satu kaum sahaja, tetapi semua kaum merasai, hanya diberatkan sedikit kepada orang yang lemah, yang masih miskin untuk dibawa kepada kemakmuran, itu sahaja dan orang lain bebas terus membuat kekayaan seberapa banyak mereka suka. Inilah satu hakikat yang saya minta Kerajaan mengambil perhatian dan seluruh pegawai Kerajaan mengerti keadaan ini, kerana kita tidak hendak pegawai Kerajaan merancang Rancangan Malaysia Ketiga ini dalam keadaan-keadaan yang keraguan dan takut. Takut kalau membuat projek lebih kepada orang Melayu, nanti apa kata orang yang bukan Melayu. Ini yang selalu kita jumpa. Berapa banyak yang kita dengar, apabila kita berjumpa dengan pegawai minta peruntukan lebih sedikit, ada yang takut apa kata orang yang bukan Melayu. Ini dalam keadaan keraguan. Inilah yang menyebabkan kita berjalan tempang selama ini. Inilah yang saya minta Kerajaan mengkaji dengan sehalus-halusnya. Membeli trektor, berikan kepada orang kampung, beri baja itu perkara biasa. Tetapi sikap daripada semua pemimpin yang bukan Melayu, daripada semua orang, baik daripada Barisan Nasional dan yang tidak Barisan Nasional sendiri mestilah diubah terhadap dasar ini. Selagi sikap ini tidak berubah, maka selagi itulah ada keraguan dan begitulah ada keadaan penyelewengan dan kedengkian dan tamak akan timbul. Selagi ini

ada maka jangan kita harap buku yang tebal itu boleh memberi menafaat kepada negara kita.

Saya tegaskan lagi dalam menyusun semula masyarakat untuk melatih orang Melayu dalam industri, saya cadangkan hendaklah lebih banyak lagi Kerajaan kita membuat bandar-bandar baharu seperti bandar baru Jengka, Trengganu Tengah, Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan sebagainya dan apa juga bentuk bandar baharu. Di sinilah kita maksudkan sekiranya tempat itu ramai ditempatkan orang Melayu, maka biarlah orang Melayu itu berlatih menjalankan perniagaan dalam sebuah bandar baharu yang kecil itu. Tidaklah harus bahawa orang yang bukan Melayu datang hendak monopoli perniagaan di situ. Inilah kebetulan dengan apa yang saya katakan tadi perubahan sikap, mesti ada orang mengatakan kalau sekiranya sebuah bandar baharu kecil diberi 90% kepada orang Melayu, maka pasti ada orang mengatakan bahawa Kerajaan sudah tidak adil. Pada hal berapa ribu bandar baharu dalam tanah air kita ini yang dikontrol oleh satu bangsa. Jadi, patutlah bandar baharu ini diberi 90% kepada orang Melayu mengerjakan samada orang Melayu hendak membuat kedai kopi, kedai makan, kedai gunting rambut, kedai makenik, kedai motokar, kedai radio dan talivisyen, kedai tayar, biarlah orang Melayu berlatih membuatnya. Jadi, kita dapat melihat adakah betul-betul bahawa orang Melayu berupaya menjalankan perniagaan. Tetapi kalau sekiranya dia hendak bertanding dengan orang yang bukan Melayu yang sudah maju berpuluh tahun mendapat latihan kemahiran tentu sekali orang Melayu kalah. Ini tidak syak lagi budak-budak kecilpun boleh memikirkan. Berilah bandar baharu itu kepada orang Melayu berniaga di situ. Kalau sekiranya ada kedai makenik maka tidak ada lagi pertandingan. Kalau sekiranya ada kedai tayar Melayu hendak bertanding dengan kedai bukan Melayu tidak syak lagi kedai orang Melayu akan kalah. Jadi, bilakah masa lagi kita hendak memberi orang Melayu latihan perniagaan? Saya fikir sebaik-baiknya ialah dalam bandar baharu. Saya rasa lebih banyak bandar-bandar ini dibuat di merata-rata negeri, di luar-luar bandar yang berhampiran dengan bandar tumpukanlah bantuan dengan segala kemudahan letrik dan air maka saya rasa orang Melayu boleh memajukan bandar baharu di situ.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Sedikit lagi. Saya hendak sebutkan masaalah perusahaan minyak. Negara kita masuk dalam negara perusahaan minyak. Inipun saya hendak mengingatkan Kerajaan. Janganlah jadikan perusahaan minyak ini seperti getah dahulu iaitu dalam bahagian sains dan teknologinya, RRI dahulu kita tahu tidak ada seorangpun orang Melayu yang masuk dalam RRI dalam bahagian sains dan teknologi. Alasannya anak Melayu tidak layak. Sebab tidak diberi latihan dan tidak diberi didikan. Hanya di borong oleh satu kaum dan akhir-akhir inilah baharu ada dua tiga orang Melayu. Masaalah minyak inipun janganlah terjadi seumpama itu. Janganlah pula ada lagi kita melihat perusahaan minyak kita yang besar kelak bahawa tidak ada anak Melayu duduk dalam jabatan sains dan teknologi berkenaan minyak. Dari sekaranglah diberi latihan dan biarlah seimbang. Kalau ada 10 orang pakar sains kita ingin melihat orang Melayu ada 4, 5 orang, orang China ada 3, 4 orang, India ada seorang dua. Kalau dari sekarang tidak ada dirancangan saya khuatir bahawa anak kita akan datang akan melihat perkara ini tidak seimbang dan nasib sebuah negara, yang tidak seimbang ekonominya kita sendiri-lah mendapat jawapannya iaitulah 13 Mei telah memberi bukti.

Berhubung dengan pertahanan negara dan keselamatan, saya suka menyebut sedikit . . .

. . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Embong bin Yahya: Saya minta satu minit sahaja lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau satu minit lagi tak apalah.

Tuan Embong bin Yahya: Saya menyokong penuh berkenaan dengan rancangan Kerajaan hendak membesarkan wang bantuan iaitu hampir \$2 billion lebih berkenaan dengan keselamatan. Mengenai keselamatan ini saya minta Kerajaan bukan sahaja mengadakan pasukan askar yang lebih tetapi kawal juga cara membeli senjata moden. Sehingga hari ini kita masih mendengar dan bersungut dalam Parlimen ini beberapa kali bahawa senjata yang dipegang oleh askar

kita dan yang digunakan oleh askar kita tidak setanding dengan tentera orang lain. Mengapa jadi begitu? Di dalam pembelian senjata inipun mestilah diawasi kerana ada negara-negara yang menjual senjata dengan kita boleh menjalankan juga penipuan. Dalam satu tong senjata dia beri 50% yang lama dan 50% yang baharu dan kalau tidak diasasat akhirnya senapang itu tidak boleh digunakan oleh askar-askar kita. Begitu juga kalau kita membeli tank, kereta perisai, meriam, lori, terak, tolonglah ambil perhatian dalam perkara ini. Selain daripada itu, kalau boleh Kerajaan menegaskan lagi bahawa keselamatan negeri ini satu perkara utama dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baguslah itu yang akhir ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan Embong bin Yahya: Terima kasih.

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan satu usul kepada Rancangan Malaysia Ketiga yang memberi satu gambaran dan lukisan yang berseri-seri tentang pencapaian dan kemajuan dalam melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kita pun memang selalu diingat-ingatkan tentang usaha Kerajaan terus-menerusnya untuk mencapai objektif terutamanya, iaitu perpaduan rakyat melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira bangsa dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkukuhkan keselamatan negara.

Usul yang dibentangkan di dalam Dewan ini untuk meminta Dewan meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah sangat jelasnya bahawa ianya ditujukan untuk mencapai matlamat-matlamat, dasar-dasar dan program-program, sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru melalui perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti mana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat Malaysia yang berfikir waras tentu akan menyokong usaha-usaha yang serious dan jujur untuk membasmi kemiskinan sama juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah

sini. Juga setiap rakyat yang berpandangan waras akan menyokong setiap usaha yang ikhlas untuk menyusun semula masyarakat kita. Ini adalah disebabkan setiap rakyat mahu satu masyarakat yang adil, saksama dan progresif serta bersatu-padu, tetapi adakah mereka akan tertarik program Kerajaan ini adalah merupakan satu persoalan yang lain. Seperti lain-lain rancangan lima tahun Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini telah memperkenalkan satu gambar yang berseri-seri tentang kemajuan-kemajuan yang lepas dalam Rancangan Malaysia Kedua dan membangga-banggakan usaha-usaha positif dan imajinatif dan berani untuk menghadapi cabaran-cabaran sosial ekonomi dan politik di masa ini dan juga menegaskan program-program, projek-projek dan dasar-dasar yang bertindak untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi setiap rakyat yang berfikir waras tentu tidak akan menentang objektif-objektif yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi apa yang lebih mustahak ialah bagaimanakah objektif-objektif ini boleh ditunaikan dalam satu tindakan yang positif supaya faedah-faedah yang lebih konkrit dan bermakna dapat didatangkan kepada rakyat Malaysia.

Saya perlu menegaskan di sini bahawa apa yang rakyat jelata minati, terutamanya terdiri daripada majority rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak bekerja apa-apa ialah bukan keindahan idea-idea dan objektif-objektif yang melangit tingginya, tetapi bagaimanakah program-program dan rancangan-rancangan pembangunan ini akan membawakan perubahan terhadap keadaan kehidupan mereka. Pertumbuhan ekonomi dan pencapaiannya hanya dapat dijadikan lebih bererti bila mereka sudah dapat menyaksikan kemajuan ini di sisi kehidupan mereka tanpa mengira bangsa. Angka-angka dan fakta yang berkaitan dengan pencapaian ekonomi Kerajaan hanyalah bererti terhadap golongan yang miskin dan tidak berada ini bila masalah kemiskinan mereka telahpun diatasi. Sungguhpun Malaysia sudah mencapai kemerdekaannya selama 20 tahun, tetapi jurang atau lompang di antara golongan yang berada dengan tidak berada masih begitu luas dan masalah kemiskinan masih begitu serious dan mengancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan dalam Kata Pendahuluan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga bahawa pentadbiran beliau akan memastikan bahawa matlamat rancangannya akan dapat aspirasi yang konkrit dalam dasar-dasar, program-program dan projek-projek yang akan dilaksanakan di peringkat rakyat sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada berkata :

“Kemajuan rancangan tidak harus diukur dari segi bagaimana ianya ditulis tetapi sejauh mana ianya dapat dilaksanakan”.

Saya merasa gembira bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah menyedari fakta ini kerana ini adalah merupakan satu ujian dan cabaran terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, supaya semua rancangan-rancangan dapat dijalankan dengan berkesan dan licinnya, saya ingin sekali mencadangkan bahawa satu Jawatankuasa Pengawasan Parlimen (Parliamentary Watchdog Committee) yang terdiri daripada semua parti hendaklah ditubuhkan untuk mengawasi penyelewengan dalam interpretasi pelaksanaan dasar-dasar dan strategi-strategi yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Ini akan menjamin bahawa tiap-tiap projek yang diadakan dalam rancangan ini dapat dijalankan dengan licinnya tanpa apa-apa gangguan dan penyelewengan sepertimana yang berlaku pada rancangan lima tahun yang lepas. Juga memastikan segala wang rakyat dapat dilaburkan dalam segala perusahaan yang akan mendatangkan faedah kepada rakyat, masyarakat dan negara kita. Juga saya ingin sekali mencadangkan bahawa tinjauan tahunan pada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah diadakan tiap-tiap tahun supaya rancangan-rancangan yang mengalami kegagalan atau ketunduan ini dapat dikaji dan dibetuli serta rakyat dapat diberitahukan tentang kemajuan dan pencapaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu disedari bahawa masalah pembasmian kemiskinan dalam kawasan bandar dan luar bandar serta menyempitkan lompang di antara yang ada dengan yang tidak berada ini adalah merupakan satu syarat yang terutama dan terpenting untuk mencapai satu masyarakat yang bersatu-padu, progressif, saksama dan sentosa.

Pada waktu Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan telahpun dinyatakan bahawa dalam Dasar Ekonomi Baru, langkah pertama adalah ditujukan bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum tetapi apakah hasilnya pada masa ini. Bagi pekebun-pekebun kecil getah dan petani-petani pendapatan purata mereka adalah lebih kurang \$90 sebulan sahaja. Kebanyakan nelayan-nelayan di Pantai Timur hanya berpendapatan antara \$80-\$90 sebulan manakala nelayan-nelayan Pantai Barat pula kebanyakannya berpendapatan antara \$120-\$140 sebulan dan pendapatan-pendapatan ini akan jatuh lagi kerana gerakan pukut tunda yang tidak dapat dikawal dengan sempurna pada 2-3 tahun yang lalu yang telah menyapu laut sehingga cicit ikan pun sukar didapati.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa dalam tahun 1970, 50% daripada jumlah penduduk-penduduk Malaysia sebanyak 1.6 juta adalah orang-orang miskin. Pada masa ini adakah peratusan ini telahpun dikurangkan? Saya menarik perhatian bahawa rancangan membasmi kemiskinan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan mempunyai dua langkah. Yang pertama, pembasmian kemiskinan di luar bandar dengan menambahkan hasil-hasil tanaman dan penangkapan ikan mereka dan memperluaskan peluang-peluang pekerjaan dengan mengadakan rancangan-rancangan kemajuan tanah baru, mewujudkan pusat-pusat pembangunan yang baru dan menyerap tenaga-tenaga kerja yang berlebihan ke dalam lain-lain sektor. Yang kedua, pembasmian kemiskinan di dalam bandar dengan mengadakan lebih lagi pekerjaan-pekerjaan di dalam sektor-sektor bukan pertanian dan memperuntukkan perumahan dan lain-lain kemudahan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah itu pada dasarnya adalah kena pada tempatnya tetapi apa yang harus lebih dipentingkan ialah cara-cara mengimplementasikan langkah-langkah itu. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa walaupun apa jua cara yang diamalkan rakyat mestilah dapat menyertai sesuatu rancangan atau mendapatkan sesuatu kemudahan dengan senangnya. Pendek kata, rakyat khususnya orang-orang yang miskin

mestilah mendapatkan kemudahan-kemudahan dengan senangnya (must have easy accessibility) kepada rancangan-rancangan, bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Oleh itu saya, harap Kerajaan akan dapat menentukan dengan pastinya siapakah orang-orang miskin yang berhak menyertai atau mendapatkan bantuan dalam sesuatu rancangan. Dalam pada itu, harus juga dipastikan sebarang peraturan yang hendak dipatuhi oleh bakal-bakal peserta akan dapat dipatuhi oleh mereka dengan mudahnya, janganlah benarkan berlakunya satu keadaan sepertimana dalam rancangan menanam semula dalam mana sebilangan besar orang-orang yang dapat menikmati faedah-faedah rancangan itu adalah orang-orang yang berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan bahawa menurut kenyataan dalam perenggan 39, kemajuan juga telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi. Saya tidak menafikan bahawa kemajuan telah dicapai tetapi malangnya kemajuan ini tidak begitu memuaskan. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Kedua telahpun didapati bahawa adanya kekurangan sebanyak 68,000 yunit rumah daripada yang dirancang. Dalam pengwujudan pekerjaan pula hanya 588,000 pekerjaan baru dapat diadakan walhal tambahan tenaga buruh baru adalah seramai 118,200. Ini bermakna dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua masih terdapat kekurangan sebanyak 30,200 pekerjaan bagi menampung tambahan tenaga buruh baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perenggan 159 Rancangan Malaysia Ketiga strategi pembangunan sosio-ekonomi RMT adalah untuk menambahkan lagi peranan sektor-sektor pertanian dan perindustrian supaya dapat menyediakan peluang-peluang yang kian bertambah untuk lebih ramai lagi rakyat dari berbilang kaum menyertai di bidang-bidang tersebut. Sejajar dengan tujuan ini ingin saya merujuk kepada perenggan 171 mengenai penanam-penanam padi yang mana ada mengatakan bahawa kawasan-kawasan padi dua musim akan diperluaskan lagi melalui pelaksanaan projek-projek parit dan taliair untuk membolehkan penanam-penanam padi semusim menerima pendapatan yang lebih dari pendapatan garis miskin. Sungguhpun langkah ini ialah satu langkah yang baik

tetapi adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan daripada penanam-penanam padi adalah terdiri daripada mereka yang menyewa sawah untuk dikerjakan dengan membayar sebahagian daripada hasil pengeluaran mereka kepada tuan-tuanpunya tanah ataupun Kerajaan sedar bahawa mereka itu mempunyai tanah-tanah yang tidak mencukupi iaitu lot-lot yang sangat kecil yang luasnya di antara satu hingga tiga ekar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian walaupun adanya tanaman padi dua musim mereka itu tidak akan mendapat hasil yang selaras dengan tenaga yang dikeluarkan oleh mereka. Oleh kerana ini adalah perlu bagi Kerajaan menguat-kuasakan dengan sepenuhnya Padi Cultivators (Security of Tenure) Act supaya penyewa-penyewa sawah tidak dianiayakan oleh tuan-tuanpunya tanah yang kaya itu.

Bersabit dengan pekebun-pekebun kecil getah kita, memanglah rancangan menanam semula dengan benih-benih berhasil tinggi adalah salah satu jalan yang baik bagi mengurangkan kemiskinan mereka. Tetapi dalam pelaksanaan-peraksanaan rancangan itu perhatian berat haruslah diberi kepada syarat-syarat yang hendak dipatuhi oleh mereka sebelum mereka boleh mendapatkan bantuan itu. Adalah mustahak syarat itu tidak begitu sukar untuk dipatuhi oleh mereka kerana jika mereka tidak dapat memenuhi syarat-syarat itu bermakna mereka tidak akan dapat bantuan-bantuan itu dan tujuan rancangan tanaman semula itu dengan sendirinya akan terjejas. Ini sudah ternyata pada masa ini kerana kebanyakan daripada bantuan-bantuan menanam semula telahpun diberi kepada mereka yang mempunyai ladang-ladang getah yang agak luas dan mereka yang mempunyai ladang di antara dua hingga 6 ekar yang masih belum menanam semula.

Bersabit dengan nelayan-nelayan pula pertimbangan harus diberi bagi menggalakan penangkapan ikan di lautan dalam. Pada masa sekarang bilangan nelayan-nelayan yang menangkap ikan di lautan dalam adalah sangat kurang kerana mereka tidak berupaya membeli kapal-kapal pukut tunda bagi perusahaan itu sebab-sebabnya tidak payahlah disebutkan lagi. Dalam perkara ini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan memberi pertimbangan bagi menubuhkan satu agensi Kerajaan bagi memulakan perusahaan menangkap ikan di

lautan dalam. Dengan adanya agensi seperti itu Kerajaan akan dapat mencapai dua matlamat:

- (1) Memperkembangkan industri menangkap ikan di lautan dalam dan dengan itu menambahkan lagi pekerjaan bagi orang-orang yang menangkap ikan.
- (2) Apabila industri itu telah berjaya agensi itu bolehlah diserahkan kepada Syarikat Kerjasama Nelayan-nelayan seperti MARA telah menyerahkan syarikat-syarikat bas kepada Syarikat-syarikat Kerjasama Pengangkutan.

Dengan cara itulah penyertaan orang-orang Melayu dalam lapangan perusahaan dan perniagaan akan dapat dipercepatkan.

Bersabit dengan strategi bagi mengurangkan kemiskinan di bandar, rancangan-rancangan harus juga direka untuk mengadakan medan-medan penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang lengkap dengan air dan api supaya penjaja-penaja tersebut dapat menjalankan perniagaan mereka dengan aman dan teratur dan tidak dihalau ke sana sini seperti yang berlaku pada masa sekarang. Di sini saya juga menegaskan bahawa dalam usaha memberikan tempat baru kepada penjaja-penaja, Kerajaan haruslah memilih tempat yang sesuai dan praktik yang mana penjaja-penaja dapat menjalankan perniagaan untuk mencari nafkah. Sayugialah disedari bahawa penjaja-penaja adalah menjadi satu golongan yang bukan sahaja yang besar dalam bandar malah mereka itu adalah termasuk dalam tafsiran orang-orang yang miskin. Di samping itu, saya juga mengesyorkan supaya satu agensi ditubuhkan untuk memberi kredit kepada penjaja-penaja atau peniaga-peniaga kecil tanpa mengira bangsa sebagai salah satu cara untuk menolong penjaja-penaja yang miskin untuk menjalankan perniagaan mereka. Agensi-agensi itu patutlah dinamakan Sekim Kredit untuk peniaga-peniaga kecil dan badan ini hendaklah dijalankan mengikut cara-cara SBA (Small Business Administration) di Amerika Syarikat yang ditubuhkan seperti MARA tetapi untuk menolong semua kaum yang ingin menjalankan perniagaan kecil.

Bersabit dengan kemudahan-kemudahan perumahan dalam bandar untuk golongan miskin dalam bandar, saya ingin mencadangkan bahawa selain daripada membina banyak lagi rumah-rumah pangsa untuk menampung keluarga-keluarga yang miskin

pertimbangan harus juga diberi bagi mendirikan hostel-hostel bagi menampung keperluan-keperluan tempat tumpangan bagi belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang berhijrah dari desa ke bandar untuk mencari pekerjaan. Pada hemat saya jika adanya hostel-hostel seperti itu ramai belia-belia yang datang daripada desa tidak akan terpesung daripada jalan yang lurus iaitu mereka tidak akan bercampur dengan pihak-pihak yang tidak diingini dan akhirnya menjadi penagih dadah ataupun melakukan jenayah-jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada masalah-masalah yang sangat penting yang dihadapi oleh orang-orang miskin dalam bandar khususnya di dalam bandar Kuala Lumpur adalah kenaikan sewa rumah yang tidak dikawal oleh tuan-tuanpunya rumah. Pada hal tiada sesiapa pun akan membantah tentang kenaikan sewa-sewa rumah yang berpatutan. Tetapi keadaan sedih yang dihadapi oleh orang-orang miskin dalam bandar ialah mereka itu dihadapkan dengan kenaikan sewa yang melambung tinggi dan tidak berpatutan yang dikenakan kepada mereka dan akibat itu mereka tidak berkemampuan terus menyewa bilik-bilik atau rumah. Kerap kali mereka terpaksa mengunjungi Dewan Bandaraya untuk meminta pertolongan supaya diberi rumah-rumah pangsa murah. Malangnya, Dewan Bandaraya tidak dapat memperkenankan permintaan mereka kerana kekurangan rumah-rumah pangsa murah. Oleh itu, mereka terpaksa membayar sewa rumah yang tinggi kepada tuan-tuanpunya rumah yang berkenaan.

Pada suatu ketika yang lalu bagi menjawab satu soalan mengenai kenaikan sewa yang tidak berpatutan yang saya telah kemukakan ke dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan telah menyatakan bahawa beliau sedar akan masalah ini, tetapi yakin bahawa dalam tempoh setahun dua yang akan datang masalah ini akan dapat diatasi sebaik sahaja keadaan inflasi dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tidaklah sebegitu mudah diatasi sepertimana yang dianggap oleh Yang Berhormat Menteri itu. Kenaikan sewa tidak akan berhenti dan seterusnya akan melambung naik tidak kira samada wujudnya inflasi atau tidak. Jika Kerajaan benar-benar ikhlas dalam usahanya bagi mengatasi masalah kemiskinan dalam

bandar dan menolong orang-orang miskin dalam bandar ia haruslah mengadakan undang-undang untuk mengawal kenaikan-kenaikan sewa yang tidak berpatutan atau membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa murah supaya mereka yang berpendapatan rendah berpeluang meminta dan mendapatkan rumah-rumah pangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya merujuk kepada perenggan 183 dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mengatakan antara lain-lain bahawa pelan itu bertujuan untuk meninggikan taraf hidup semua rakyat Malaysia menerusi perkembangan kesihatan dan perumahan. Dalam hubungan ini izinkan saya membawa kepada perhatian Dewan ini bahawa memang banyak kampung-kampung kawasan-kawasan setinggan dan kampung-kampung baru dalam Wilayah Persekutuan yang berkurangan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan yang sempurna dan keadaan-keadaan sekitar yang baik dari segi kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah dirancang bahawa Dewan Bandaraya akan membina 30,000 yunit rumah pangsa berharga murah iaitu sebanyak 6,000 yunit dalam satu-satu tahun. Pengumuman Dewan Bandaraya itu telah menaikkan harapan ramai orang, khususnya mereka yang berpendapatan rendah yang telah lama berhajat mendapatkan rumah-rumah murah seperti itu supaya dapat mengelakkan daripada menjadi mangsa tuan-tuanpunya rumah yang tidak berperasaan keperimanusiaan dan mengambil peluang dalam keadaan kekurangan perumahan yang genting untuk menaikkan sewa rumah kepada penyewa-penyewa dengan kadar yang tidak berpatutan. Memandangkan kepada keadaan yang saya nyatakan saya merayu kepada Dewan Bandaraya supaya mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk menjamin akan tercapai matlamat-matlamatnya. Ini adalah penting kerana peruntukan rumah-rumah yang cukup dalam bandar-bandar adalah menjadi salah satu daripada jalan-jalan bagi mengatasi masalah-masalah kemiskinan dalam bandar. Pada analisa yang terakhir haruslah menjadi tujuan-tujuan Kerajaan bukan sahaja berusaha membina lebih banyak lagi rumah-rumah murah bagi mereka berpendapatan rendah, malahan adalah lebih penting bagi membolehkan mereka yang miskin itu memperolehi rumah murah

mereka sendiri dan dengan itu dapat mencapai konsep mengujudkan satu demokrasi perumahan sendiri (house owing democracy).

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara rumah-rumah pangsa murah ini saya ingin menggesa Dewan Bandaraya apabila ianya merancang pembinaan rumah-rumah pangsa itu supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjamin rumah-rumah pangsa yang akan dibina itu akan dapat dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna seperti tempat-tempat lapang yang cukup, perkhidmatan talipon dan padang-padang permainan bagi penduduk-penduduknya. Perkara yang terpenting ialah soal perkhidmatan-perkhidmatan lift, salah satu masalah besar yang terdapat dalam rumah-rumah pangsa murah sekarang ialah kerosakan lift-lift yang sering berlaku yang mana kerosakan telah membawa kesukaran-kesukaran besar kepada penduduk-penduduk. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya Kerajaan memberi perhatian berat ke atas perkara ini dan mengambil langkah-langkah yang sewajar bagi mengatasi masalah kerosakan lift-lift di dalam semua rumah-rumah pangsa murah dan muktamatnya.

Satu lagi perkara penting adalah soal menjualkan rumah-rumah pangsa murah itu kepada penduduk-penduduk. Dalam hubungan ini saya mengesyorkan supaya Kerajaan dapat mengemukakan dengan awalnya pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara untuk membolehkan Badan-badan Pengurusan (Management Corporation) ditubuhkan sebelum rumah-rumah pangsa itu dijual kepada penduduk-penduduk itu. Oleh kerana tidak adanya kemudahan-kemudahan asas seperti yang diuraikan itu penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan setinggan telah menghadapi kesusahan-kesusahan dan kesukaran apabila mereka hendak memohon untuk mendapatkan rumah pangsa dan untuk memperolehi rumah pangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara meninggikan quality kehidupan semua rakyat Malaysia, izinkanlah saya menyentuh secara ringkas akan masalah setinggan dan penubuhan sebuah Jawatankuasa khas baru ini untuk mengkaji masalah-masalah setinggan itu. Keputusan Majlis Tanah Negara untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji masalah setinggan dalam

negara ini bukan sahaja kena pada tempatnya tetapi ada juga satu langkah ke arah yang kena pada tempatnya. Tetapi bagi jawatankuasa itu menyelenggarakan tugas-tugasnya dengan sempurna komposisinya harus dapat mengemukakan bukan sahaja pendapat-pendapat Kerajaan malahan harus juga dapat mengemukakan pendapat-pendapat Wakil-wakil Rakyat yang terpilih seperti Ahli-ahli Parlimen. Wakil-wakil Rakyat haruslah dibenarkan berkhidmat dalam jawatankuasa itu kerana mereka adalah terlibat secara langsung dalam masalah-masalah setinggan dalam kawasan masing-masing. Jawatankuasa itu eloklah mengadakan garisan-garisan panduan bagi mengkaji masalah-masalah setinggan itu supaya pendekatan yang lebih berkesan dapat diamal untuk menolong setinggan-setinggan itu. Apa yang harus dilakukan sekarang ialah diadakan satu kajian di atas masalah sosio-ekonomi setinggan-setinggan di seluruh negara untuk mencari jalan-jalan yang berkesan bagi membereskan masalah-masalah sosio-ekonomi itu.

Akhirnya, kami ingin menyatakan Kerajaan tidak sepatutnya menyingkirkan atau menghalau setinggan-setinggan tanpa sebab-sebab yang menasabah. Jika setinggan-setinggan terpaksa disingkirkan atau dihalau maka setinggan-setinggan itu eloklah ditempatkan semula dalam kawasan-kawasan lain yang sempurna yang dilengkapi dengan segala infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perenggan 183 Buku Rancangan Malaysia Ketiga yang menyatakan pengurangan kemiskinan di antara rakyat bandar yang miskin, membanyakkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor-sektor pembuatan dan pembinaan termasuk usaha memperkembangkan lagi industri-industri kecil. Berhubung dengan perkara di atas, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa di Wilayah Persekutuan ada banyak perusahaan-perusahaan kecil keluarga yang bergerak dalam keadaan ketakutan daripada didakwa oleh Kerajaan oleh sebab ianya ditubuhkan di zon-zon yang salah. Kebanyakan perusahaan-perusahaan kecil seperti jahit-menjahit, membuat kasut dan pengeluaran makanan dan lain-lain benda telah terletak di kawasan-kawasan kediaman dan oleh yang demikian

mereka tidak diberikan lesen. Oleh itu, mereka telah diberi surat saman dan diminta hadir di mahkamah dan dikenakan bayaran denda-denda yang berat. Keadaan ini sangatlah menyedihkan kerana pada satu pihak Kerajaan memperkatakan usaha untuk memajukan perusahaan kecil untuk membasmikan kemiskinan, dan pihak yang lain pula Kerajaan mendakwa mereka kerana mereka bergerak di zon-zon yang salah. Saya dengan ini meminta Kerajaan memberhentikan pendakwaan ke atas perusahaan-perusahaan kecil keluarga di Wilayah Persekutuan dan sebaliknya merumuskan satu rancangan membantu perusahaan-perusahaan ini bagi mendapatkan lesen-lesen dan membolehkan mereka mendapat sara hidup yang stabil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin berucap sedikit berkenaan dengan Social Security Scheme. Tuan Yang di-Pertua, suka saya merujuk perenggan 145 (7) berkaitan dengan Sekim Keselamatan Sosial di mana di antara perkara-perkara lain perenggan tersebut mengatakan SOCSO juga merancang untuk menukarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada sekim pencen untuk masa tua dan untuk tujuan ini satu kajian kemungkinan adalah diperlukan. Kami akan menentang dengan kerasnya jika Kerajaan ingin menukarkan KWSP kepada satu sekim pencen untuk masa tua, kerana sekiranya membuat demikian langkah tersebut akan merupakan satu pukulan hebat kepada pekerja-pekerja di negara kita yang menjadi pencarum KWSP. Ini adalah kerana semua ataupun sebahagian besar daripada pencarum-pencarum ingin mengeluarkan caruman-caruman mereka yang disimpan di KWSP apabila mereka meningkat umur 55 tahun supaya mereka dapat menggunakan wang tersebut untuk kegunaan peribadi mereka seperti membeli rumah atau menggunakan wang tersebut untuk memulakan perniagaan kecil ataupun untuk tujuan produktif yang lain. Jika KWSP ditukar kepada satu sekim pencen untuk masa tua ini akan bermakna mereka tidak akan mendapat balik wang yang bertimbun itu. Sebaliknya mereka akan menerima wang mereka dalam bentuk pencen sedikit demi sedikit. Sudahlah pekerja-pekerja di negara kita merasa gembira dengan

pendirian teguh dan inflexible Kerajaan yang tidak membenarkan mereka mengeluarkan wang simpanan KWSP mereka terlebih awal yang mana mereka memerlukan wang tersebut untuk tujuan-tujuan berguna. Tetapi jika sekiranya KWSP ditukarkan kepada sekim pencen untuk masa tua yang menjadi pencarum KWSP ini akan bermakna seluruh hayat mereka pekerja-pekerja akan terjejas. Demi kepentingan pekerja-pekerja di negara kita kami dari Parti DAP menyeru Kerajaan supaya membatalkan rancangannya untuk menukarkan KWSP kepada sekim pencen untuk masa tua. Sebaliknya, Kerajaan harus menimbangkan semula pendirian teguhnya itu dan untuk membolehkan pekerja-pekerja kita mengeluarkan simpanan KWSP untuk tujuan-tujuan berguna dan produktif.

7.00 mlm.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh Rancangan Malaysia Ketiga yang baharu-baharu ini dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya juga memohon izin dimana yang perlu menggunakan bahasa Inggeris.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Rancangan Malaysia Ketiga boleh dianggap sebagai sebuah dokumen yang bersejarah dan ia juga akan menjadi satu rancangan rakyat untuk kemajuan dan kemakmuran (a people's Plan for progress and prosperity). Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan satu naskah rancangan yang begitu sempurna (complete).

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan ikhlas dan jujur bahawa dokumen istimewa ini akan menjadi satu charter for unity, fraternity and harmony untuk rakyat yang berbagai kaum di negara ini. Tidak syak lagi mereka yang bertanggungjawab atas polisi-polisi atau dasar-dasar untuk mengujudkan sebuah masyarakat berbagai kaum supaya masyarakat ini menjadi satu masyarakat yang bukan sahaja maju dan makmur akan tetapi satu masyarakat yang adil dan saksama.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana adanya naskah yang begitu tebal ini hanya menunjukkan bahawa kita hanya menyeberang hurdle yang pertama. Satu lagi hurdle yang amat penting ialah mereka yang bertanggungjawab untuk menginterpretasikan dan mengimplementasikan apa-apa yang ditulis di dalam buku tebal yang berkulit hijau ini.

Maksud saya ialah kejayaan atau kegagalan rancangan ini bergantunglah bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin politik akan tetapi juga kepada pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir Kerajaan.

Saya merayu kepada pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir supaya mengimplementasikan rancangan ini dengan teliti dan jujur supaya tiada apa-apa penyelewengan dari matlamat-matlamat yang mulia dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

(*Dengan izin*) Naskah yang noble ini should be viewed as a national effort for modernisation and for improving the quality of life among our peoples of various races so that life can be more meaningful to them. The noble aims can be achieved only if there is no deviation and discrimination on the part of those who are to implement the policies envisaged by this noble Plan for in the process of implementation, the over-zealous civil servants may over-emphasise certain aspects of this colossal Plan and neglect other aspects, thus undermining the successful implementation of the Plan for the benefit of all races and all layers of our multi-racial society so that none from any stratum and any sector need experience any loss or feel any sense of deprivation as a result of deviation, intentional or otherwise, committed by those whose bounden duty it is to see to it that the implementation of the Plan engenders a sense of pride among us and not bring about ill-will, allegation of discrimination, thus playing into the hands of anti-national elements who will then exploit the situation with the evil aim of wiping out all that we have achieved and destroy all our efforts to create a better society not only for us but for future generations to come.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berasa bangga atas integrity and efficiency of our Civil Service. We have one of the best Civil Service not only in this part of the world but also in the world at large.

Oleh yang demikian, tanggungjawab tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir samada di peringkat Federal mahu pun di peringkat Negeri adalah sama penting jika bulan lebih penting daripada mereka yang membuat polisi (the policy makers). Di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulangi rayuan-rayuan yang telah dibuat oleh orang ramai yang lain di dalam dan juga di luar Dewan yang mulia ini. Rayuan-rayuan yang dibuat adalah atas perkara yang berikut:

1. EKONOMI

Dalam kekejaran kita untuk mencapai percentage of Bumiputra ownership perbezaan mesti dibuat antara existing industrial undertakings and future industrial undertakings. Further, a distinction must also be made between existing industrial undertakings owned by local citizens of whatever race and those owned by foreigners. The implementation and interpretation of the Industrial Co-ordination Act plays a very important part here. Any wrong interpretation and implementation here will make many experience real loss of property without fair compensation, thus going against the spirit of Article 13 of the Constitution, which says:

“(1) No person shall be deprived of property save in accordance with law.

(2) No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation.”

2. EDUCATION

Tuan Yang di-Pertua, di lapangan pelajaran juga the correct interpretation and implementation of the programmes oleh Kementerian Pelajaran amatlah penting. Paragraph 1334, buku RMT dibuat peruntukan untuk membina 8,406 buah bilik darjah, 755 perpustakaan di kawasan luar bandar. Saya berharap peruntukan dapat dibuat untuk membina semula sekolah-sekolah di kampung-kampung baharu kerana kebanyakan sekolah-sekolah ini adalah dalam keadaan yang buruk sekali.

If nothing is done for any reason, it will certainly make a section of the people feel a sense of deprivation and discrimination and this goes counter to the noble aims of the Third Malaysia Plan. Enrolments and also the giving of scholarships both in the upper

secondary schools and universities must also be reviewed, reviewed with a view to a more enlightened approach so that not only us who are living now but also those future generations to come will also not feel any sense of deprivation. I have faith in the good intentions of the policy makers, but I hope I will not be misunderstood if I say now that the implementators of this great Plan will have to earn that faith from the people during the next 5 years.

3. RANCANGAN TANAH

Saya merayu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya membuka lebih lagi rancangan-rancangan tanah untuk rakyat dari semua kaum.

Di sini saya juga merayu kepada kaum yang bukan bumiputra supaya memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan. Saya harap mereka akan ubah sikap tradisional yang tidak sesuai dengan keadaan sekarang dan sanggup mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan tanah yang disediakan oleh Kerajaan untuk faedah semua kaum dan rakyat dari golongan yang tidak berada.

4. KAMPUNG-KAMPUNG BARU

Kehidupan dalam Kampung-kampung Baru sekarang memerlukan perhatian yang istimewa. Many new villagers feel that they have been the forgotten lot. They feel that they have been left out of the mainstream of development.

Untuk mereka yang merasa ketinggalan, saya bercadang:

- (a) Memberi mereka tapak tanah untuk mendirikan rumah.
- (b) Mengadakan rancangan-rancangan tanah untuk mereka.
- (c) Oleh kerana pelajaran yang mereka terima adalah sangat rendah—care and caution must be taken dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka, terutamanya berkenaan dengan pelan-pelan membuat rumah, kemudahan-kemudahan air, api letrik, jalan-jalan, perusahaan-perusahaan ringan dan lain-lain.

5. JOB OPPORTUNITIES IN THE PUBLIC SECTOR

Saya merasa amat sukacita dan gembira kerana pada masa sekarang saya selalu baca dalam surat-suratkhabar bahawa ada ramai

majistret-majistret dan D.P.P. adalah orang daripada golongan yang bukan bumiputra. Saya berharap ramai lagi kekosongan-kekosongan di dalam public sector samada di peringkat Federal mahupun di peringkat Negeri akan diisi dengan orang-orang yang berkelayakkan daripada semua kaum.

6. PERUMAHAN

Berkenaan dengan dasar perumahan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan atas rancangan-rancangan perumahan yang akan dijalankan dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya hanya berharap completion akan dapat dipercepatkan supaya hasil daripadanya dapat dinikmati oleh mereka yang sangat-sangat memerlukannya. Berkenaan dengan usaha perumahan pemaju-pemaju private juga memainkan peranan yang penting dan saya berharap projek-projek perumahan terutamanya projek-projek rumah murah akan diluluskan, dengan secepat mungkin oleh Kerajaan Negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada semua pihak terutamanya kepada private sector kerana amat jelaslah rancangan raksaksa ini menegaskan peranan pentingnya supaya bekerjasama dengan rapatnya untuk menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga, kerana atas kejayaan melaksanakan rancangan raksaksa ini bergantunglah masa depan kita.

Tuan Yang di-Pertua, the success of this gigantic Plan means the success of our democratic way of life and most important of all it would mean the defeat of the communists in our country of many races.

7.15 mlm.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga. Di sini di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu document yang paling penting sekarang yang boleh dikatakan memenuhi hasrat rakyat di satu rancangan yang berteraskan tiga matlamat iaitu, membasmi kemiskinan, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat, dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara.

Di dalam penyusunan semula masyarakat kita mengalu-alukan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah menetapkan sebagai matlamatnya bahawa menjelang tahun 1990 straktur gunatena di semua peringkat pengurusan dan pelaksanaan mencerminkan susunan kaum di negara ini.

Bilangan orang-orang Melayu yang mahir yang telah menerima pelajaran secara rasmi telah bertambah dengan ramainya. Siswazah-siswazah Melayu dari institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan telah bertambah dari 916 dalam tahun 1970-1971 kepada 3,107 dalam tahun 1974-1975. Bilangan siswazah-siswazah kaum-kaum lain dari institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan telah bertambah dari 1,984 dalam tahun 1970-1971 kepada 2,541 dalam tahun 1974-1975.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, no figures are however given in the Plan as to the numbers who were admitted to the domestic tertiary level institutions in 1974/1975 because if very few non-Malays are admitted to the Universities now, how is the Government going to achieve its objective that there will be an employment structure at all levels of operation and management that reflects the racial composition of the nation by 1990.

It has been stated in the Report that the majority of newly enrolled Malaysians in tertiary level institutions in the United Kingdom, Australia and New Zealand in 1975 comprise mostly of non-Malays but no mention is made that perhaps these students were forced to seek admission to Universities elsewhere. Which parents do not want their children to study at home?

Kita berharap Kerajaan akan mengambil perhatian terhadap masalah ini dan menyedari masalah-masalah umum dalam usaha penyusunan semula dan akan meneruskan usaha-usahanya untuk memperbaiki kedudukan gunatena semua kaum di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

There is already a tendency, if not a policy in the United Kingdom, Australia and New Zealand that overseas students will not be given places in those faculties of the universities where the same courses of study are available in the students' home countries and it will not be very long before courses in medicine, law, engineering, accountancy and economics in these foreign countries will be closed to students from Malaysia. So unless

the existing universities in this country are expanded and new universities set up and students accepted according to the racial composition of this country, how is the Government going to achieve the objective of the Third Malaysia Plan? I wonder if the Government realises the extent of the frustration endured by parents who, though they can barely afford it, have to send their children overseas. Must we wait for the backlash of too little too late.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mengikut banci penduduk tahun 1970 terdapat sebanyak 439,000 keluarga yang tinggal di kawasan-kawasan bandar dalam tahun itu dan sekurang-kurangnya 108,000 keluarga atau 25% adalah dianggarkan berada dalam kemiskinan mutlak. Pengangguran di kalangan mereka dalam tenaga buruh merupakan satu sebab penting terdapatnya kemiskinan itu di kawasan bandar. Bilangan golongan miskin di bandar terus meningkat dengan kemasukan buruh dari kawasan-kawasan luar bandar yang merupakan sebahagian besar dari golongan miskin di bandar. Keluarga-keluarga yang miskin di bandar-bandar terutamanya yang tinggal di kawasan setinggian tidak dapat peluang yang cukup seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kebersihan dan jaminan pemegangan tanah (security of tenure) untuk menikmati kemudahan asas yang diperlukan bagi menjamin taraf hidup yang sempurna.

Sebahagian besar dari keluarga yang miskin juga tidak dapat kemudahan perumahan dan perkhidmatan infrastruktur yang cukup, terutamanya kemudahan kebersihan melalui sistem saluran najis, manakala sistem pengangkutan awam seperti yang terdapat sekarang ini tidak membolehkan orang-orang miskin mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dengan sepenuhnya. Dan lagi adalah jumlah penduduk melebihi satu juta orang dalam 146,000 keluarga yang menduduki dalam 465 kampung-kampung baru di seluruh Malaysia. Sebahagian besar daripadanya ialah kampung-kampung baru yang telah diperbandarkan atau diletakkan berhampiran dengan kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, the scope of the problem in the redressal of urban poverty is massive and we hope that more efforts will be made towards ameliorating the plight of the urban poor.

The Third Malaysia Plan, in paragraph 556 envisages a programme of 100,000 units of low-cost housing units within the means of urban households earning less than \$200 a month to be developed and several Sites and Services projects will be implemented in the fringes of urban centres.

Sekim-sekim ini akan menyediakan tapak-tapak baru dan kemudahan tertentu bagi tujuan-tujuan perusahaan, perniagaan, pertanian dan juga perumahan yang akan dibina sendiri oleh bakal-bakal penghuni rumah tersebut. Walau bagaimanapun, dalam perenggan 1,111, rumah-rumah murah akan dibina oleh Kerajaan Negeri dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Kira-kira 56,800 yunit rumah akan dibina di Semenanjung Malaysia, 1,800 yunit di Sabah dan 3,500 di Sarawak, jumlahnya 62,100 yunit di dalam sektor awam. This is not enough because it has been estimated that there are 108,000 keluarga yang berada dalam kemiskinan mutlak. Walau bagaimanapun, dengan adanya program perumahan oleh SEDCs atau joint ventures dengan sektor swasta dan juga perumahan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta atau orang-orang perseorangan ini adalah hanya memenuhi keperluan golongan yang berkemampuan atau middle income group sahaja.

The question has been asked: why are there squatters? It is because they are too poor to pay rent and squatting on state land is a way of life for them.

About two months ago our Prime Minister stated that much care must be taken to see that the question of squatters be resolved in a just and proper manner and that it is Government's intention to provide suitable accommodation for the lower income group regardless of community. The problem must be tackled quickly because squatter areas can be used as hideouts by gangsters and other undesirable elements and are susceptible to disease due to insanitary conditions and are fire hazards. In this respect, Government officials, especially town planners and Land Office officials should be flexible in their approach and take effective and speedy steps to remedy the situation. They should also be more flexible in applications for subdivision in cases where illegal houses have been put up by speculators and the poor

purchasers whose sufferings are genuine about this type of houses because of their inability to buy a bigger roof over their heads.

Untuk mengatasi masalah setingan kita mencadangkan peluang-peluang patutlah diberikan kepada orang miskin di kawasan-kawasan bandar untuk menjadi peneroka-peneroka di sekim-sekim FELDA.

No reference is made in the Third Malaysia Plan as to the availability of non-Malays to participate in FELDA Schemes but we trust Yang Amat Berhormat Perdana Menteri will see to it that Chinese and Indian urban poor be given more opportunities to participate and that places be given according to the racial composition of the country.

Dengan itu kita boleh mewujudkan sebuah masyarakat di mana rakyat Malaysia dari semua kaum, kumpulan pendapatan dan wilayah-wilayah di negara ini akan menyertai dan menikmati faedah dari proses pembangunan sosial dan ekonomi.

Akhirnya, kita mengalu-alukan perkataan bahawa Kerajaan sangatlah sedar tentang adanya berbagai masalah kemiskinan dan banyak golongan yang terlibat. Pelaksanaan dasar secara umum akan terus menjamin bahawa masalah-masalah kemiskinan tersebut akan mendapat perhatian yang selaras dan teratur.

7.25 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Julai yang lalu. Saya berharap sangat dengan ucapan yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan dengan satu buku kecil dan sebelum daripada itu telah dikeluarkan satu buku yang cukup cantik warnanya hijau, dan saya percaya segala rancangan yang teratur di dalam buku ini akan membawa kebaikan kepada seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai golongan.

Di sini sebelum saya lanjutkan apa-apa pendapat saya mengenai Rancangan Malaysia Ketiga, sukalah saya membaca sedikit daripada apa yang terkandung di dalam buku yang begini tebal dan cantik:

"Rancangan Malaysia Ketiga adalah berteraskan kepada tiga matlamat penting iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat, dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara. Matlamat untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan Negeri-negeri di Malaysia pada pertama kalinya, diterangkan dengan jelasnya. Kesanggupan kita untuk mengikat Kerajaan kepada kewajipan supaya menjayakan matlamat-matlamat utama ini, dengan sendirinya menunjukkan bahawa kita mempunyai hasrat dan keazaman untuk memenuhi matlamat-matlamat, dasar-dasar, dan tanggungjawab yang tercatat dalam Dasar Ekonomi Baru."

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan dalam buku yang begini tebal, maka dasar-dasar kita untuk membasmi kemiskinan bagi semua negeri-negeri yang ada dalam Malaysia dan masyarakat seluruhnya juga membawa keselamatan kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu dalam golongan negeri-negeri yang ada dalam Malaysia terdapat rakyat berbilang kaum yang ada di dalamnya. Sebagaimana kita juga sama-sama maklum, Kerajaan banyak mencurahkan wang, kita berharaplah wang itu seboleh-bolehnya akan dinikmati oleh seluruh rakyat baik yang kaya ataupun yang miskin. Sebagaimana kita sama-sama tahu di Perlis, mengikut nilai kadar pendapatan pukl rata ialah lebih \$1,000 hitung panjang. Maka saya berharaplah dalam rancangan Kerajaan pukl rata \$800 lebih, tetapi kita sama-sama tahu ada di antaranya yang agak saya tak dapat \$30 sebulan pukl rata. Tetapi ada di antara yang berpendapatan tidak kurang daripada \$10 ribu sebulan. Jadi di atas perbezaan itu, saya berharap pertimbangan dapat dilaksanakan dalam masa rancangan lima tahun yang akan datang. Kebanyakan rakyat kita terdiri daripada berbagai kaum sebagaimana yang saya katakan tadi, saya contohkan di Perlis, rakyatnya tidak kurang daripada 137,000 orang yang kebanyakannya terdiri daripada petani-petani dan mereka inilah yang banyak membawa hasil kepada negeri tetapi malangnya pendapatan mereka ini terlampau kecil. Pada pendapat saya, pendapatannya boleh dikatakan setengahnya kais pagi makan pagi dan kebanyakan petani ini amatlah rajin, pendek kata apa sahaja yang dianjurkan oleh Kerajaan segala-galanya akan diambil perhatian dan menyambut dengan baik. Misalnya, saya

beri contoh sebagai tanaman tembakau. Bila didengar menyatakan bahawa tanaman tembakau membawa hasil maka ramailah petani-petani mendaftarkan nama untuk menanam tembakau, tetapi malangnya selepas mereka tanam akan dijual pula kepada mengawit-pengawit; pengawit pula kena tinas oleh pengilang-pengilang. Begitulah akibatnya terjadi kepada petani-petani yang rajin tadi.

Begitu juga daripada segi padi. Kebanyakan petani-petani ini boleh dikatakan tiap-tiap tahun berusaha dengan sawah tetapi malangnya bila tiba bulan Ogos, lebih kurang sebulan lagi, akan berlakulah di Kedah dan Perlis, kerana kelengkapan daripada L.P.N. juga L.P.P. tidak lengkap untuk memproses padi-padi yang begitu banyak dan kebanyakan padi-padi yang tersebut telah menjadi harga yang murah disebabkan basah dengan alasan oleh pihak-pihak pembeli. Dengan sebab itu, saya berharap kepada L.P.N. sendiri yang menjadi satu badan iaitu L.P.P. mencari kelengkapan yang cukup untuk menjaga terutamanya di dalam bulan Ogos yang akan datang. Kita tahu kalau kita makan di hotel harganya sekali makan tidak kurang daripada \$10. Kalaulah hendak dikira dengan pendapatan beras yang dimakan oleh tiap-tiap petani, maka ianya tidak lebih daripada 40 sen sekali makan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hendak menyambung lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, hendak sambung lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, sambung pada hari esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PAIP AIR AWAM DI SALAK SELATAN

7.34 mlm.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lepas, pemimpin-pemimpin Kerajaan telah

sering kali mendesak supaya diadakan satu pentadbiran yang action-oriented dan selepas pilihanraya umum pada tahun 1974, Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengatakan Kabinet beliau adalah satu kabinet yang action-oriented. Tetapi adalah amat dikesalkan beberapa jabatan-jabatan Kerajaan yang menjadi sebahagian daripada pentadbiran adalah tidak bersifat action-oriented. Ini disebabkan kerana kurang kecekapan dan terlampau banyak red-tape dan juga kekurangan penyelarasan di antara jabatan-jabatan Kerajaan.

Saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini tentang satu permohonan yang saya telah membuat kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya paip-paip awam sebanyak empat paip dipasangkan di satu kampung yang mengandungi sebanyak empat ribu penduduk-penduduk dan kampung tersebut letaknya di belakang Pejabat Pos Salak Selatan, Kuala Lumpur. Permohonan ini telah dibuat oleh saya pada 26hb Oktober, 1974. Sebab utama yang mendesak supaya paip-paip awam dipasangkan di kampung tersebut ialah kerana perigi-perigi yang terdapat di kawasan itu sedang makin hari makin kering yang diakibatkan oleh perkembangan sebuah lombong bijih timah. Ini telah membawa kesulitan-kesulitan kepada penduduk-penduduk di sana kerana mereka bergantung kepada perigi-perigi yang terdapat di kampung tersebut untuk tujuan mencuci kain, mendapatkan air untuk masak dan minum. Pada masa sekarang, penduduk-penduduk kampung tersebut terpaksa pergi ke bandar Salak Selatan untuk mendapatkan bekalan air daripada satu paip awam yang dipasangkan di bandar tersebut.

Selepas saya menghantarkan surat saya itu, saya telah menerima salinan sepucuk surat bertarikh 18hb Disember, 1974 (Bil: PKB. 490/74) yang dikirimkan oleh pihak Dewan Bandaraya kepada Pengarah Jabatan Bekalan Air, Kuala Lumpur. Surat ini meminta pihak Jabatan Bekalan Air menaksirkan kos untuk memasang 4 batang paip-paip awam. Pada 24hb Mac, 1975, saya telah menulis kepada pihak Dewan Bandaraya untuk mendapat tahu keadaan permohonan saya itu. Salinan surat saya telahpun dihantarkan kepada Jabatan Bekalan Air. Sebagai menjawab surat saya, pihak Dewan Bandaraya telah memberitahu saya bahawa pegawai-pegawai Bandaraya dan Jabatan Bekalan Air telah melawat kampung yang tersebut itu dan pihak

Bandaraya masih menunggu anggaran kos yang sepatutnya dihantarkan oleh Jabatan Bekalan Air. Saya juga di dalam surat yang sama itu diberitahu tindakan segera akan diambil untuk memasang paip-paip awam sebaik sahaja anggaran kos diterima oleh pihak Dewan Bandaraya.

Selepas menunggu untuk beberapa bulan, saya telah sekali lagi menulis kepada pihak Dewan Bandaraya pada 22hb Julai, 1975 menanyakan tentang kemajuan yang telah tercapai di dalam projek ini. Kali ini saya diberitahu bahawa pihak Dewan Bandaraya terpaksa memperolehi kebenaran daripada Pejabat Keretapi Tanah Melayu untuk memasang paip yang utama itu (main paip) di bawah landasan keretapi. Hanya pada 15hb November, 1975, pihak Dewan Bandaraya menulis kepada Pejabat Keretapi meminta kebenaran untuk memasang paip utama tersebut di bawah landasan keretapi. Salinan surat itu juga dihantarkan kepada saya.

Selepas menunggu untuk beberapa bulan dan selepas beberapa pertanyaan dibuat oleh saya, saya telah menerima sepucuk surat daripada pihak Dewan Bandaraya bertarikh 2hb Mac, 1976 yang memberitahu saya bahawa pihak keretapi masih belum lagi memberi jawapannya. Pertanyaan-pertanyaan (enquiries) yang dibuat oleh saya selepas itu juga tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Permohonan saya yang dibuat dua tahun dahulu masih belum lagi diluluskan. Keadaan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk itu makin hari makin sulit.

Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyiasat perkara

ini dan mengambil tindakan untuk memastikan paip-paip awam dipasang di kawasan yang tersebut tadi dengan beberapa cepat yang boleh.

7.40 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam kes permohonan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ini, paip-paip yang hendak dipasang itu terpaksa melalui landasan keretapi yakni pejabat ini terlebih dahulu terpaksa mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan Keretapi Tanah Melayu supaya paip-paip itu dapat dipasang seperti mana yang dirancang. Dan pihak Keretapi Tanah Melayu sebenarnya tidak membenarkan paip tersebut dipasang kepada saluran air paip yang berhampiran dengan landasan itu. Dan ini menyulitkan lagi dan mungkin memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk memasang paip-paip tersebut. Sehingga hari ini Jabatan Bekalan Air, Selangor belum lagi dapat menyediakan pelan yang menunjukkan cross-section paip tersebut untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berkuasa Keretapi Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri akan mengambil perhatian di atas perkara ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, Khamis, 22hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.41 malam.